

## Bab 3

### Kesusahan Hidup

Akibat daripada kekacauan yang ditimbulkan oleh penganas komunis, kerajaan terpaksa melaksanakan berbagai tindakan untuk mengasingkan penduduk dengan komunis. Salah satu tindakan tegas yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap kawasan dan penduduk yang disyaki mempunyai hubungan dengan penganas komunis ialah hukuman kolektif (*collective punishment*).<sup>1</sup> Hukuman ini dikenakan ke atas kawasan di mana berlakunya kejadian komunis yang serius dan penduduk tidak bertindak untuk mencegah atau memberi maklumat yang membolehkan penganas ditangkap. Hukuman tersebut merangkumi pemusnahan kampung, pemindahan penduduk, penahanan penduduk di kawasan yang disyaki membantu penganas komunis,<sup>2</sup> perintah berkurung,<sup>3</sup> pembayaran wang denda, arahan tutup kedai dan catuan makanan. Tindakan ini meninggalkan kesusahan dan kesengsaraan kepada penduduk Tanah Melayu. Bagaimanapun, kerajaan terpaksa melaksanakan hukuman kolektif kerana tiada pilihan lain yang difikirkan dapat memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada keselamatan penduduk dan negara.

#### **Pemusnahan Kampung dan Pemindahan Penduduk**

Antara tindakan tegas yang diambil oleh kerajaan ialah pemusnahan kampung dan pemindahan penduduk. Tindakan tersebut mendatangkan kesusahan kepada penduduk kampung berkenaan kerana mengakibatkan kerugian harta benda, kemusnahan tanaman dan terpaksa memulakan hidup baru di kawasan baru. Berkenaan dengan tindakan kerajaan membakar kampung, akhbar *The Straits Times* mengulas bahawa tidak dapat

dinafikan orang awam bimbang terhadap tindakan kerajaan membakar tempat kediaman dan memusnahkan tanaman mereka. Akhbar tersebut melaporkan tindakan itu adalah merbahaya, penduduk dikhawatir bekerjasama dengan pengganas komunis kerana marah terhadap kerajaan. Akhbar Cina pula memberi perhatian dan publisiti besar-besaran tentang kejadian pembakaran kampung. Contohnya, pembakaran Kampung Kachau, Kajang, Selangor oleh pihak polis. Begitu juga, tindakan pasukan keselamatan memusnahkan kampung dan pekan yang penduduknya tidak bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti Pulai, Kelantan; Jenderam, Selangor dan Tras, Pahang, untuk membuatkan penghuni tunduk kepada kerajaan.<sup>4</sup> Di bawah Undang-Undang Darurat, sehingga November 1951, 18 pekan dan kampung di Tanah Melayu telah dimusnahkan kerana penghuninya didapati membantu pengganas komunis. Ini meliputi 10,000 penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan.<sup>5</sup>

Kampung Poh Lee San, lebih kurang 35.4 kilometer (22 batu) di utara Johor Bahru, Johor, dimusnahkan oleh pihak berkuasa pada Oktober 1948 setelah dijumpai kesan kegiatan komunis di kawasan itu. Poh Lee San disyaki menjadi pusat pemindahan dan melatih ahli baru PKM. Pasukan keselamatan juga menjumpai kem komunis dengan alat senjata berhampiran dengan kampung tersebut. Walaupun tiada senjata yang dijumpai di kampung itu, tetapi sejumlah kuantiti beras dan bekalan makanan lain yang disangskian dijumpai dalam kedai di kampung itu. Akibatnya, 20 orang penduduk yang disyaki disoal siasat oleh pihak berkuasa. Berikutnya, seramai 47 penduduk lain yang tinggal di Poh Lee San ditahan dan kampung dibakar.<sup>6</sup> Dalam perkembangan lain, pada 20 Oktober 1948, operasi memindahkan kira-kira 400 setinggan di kampung Lintang, Johor dilakukan sebelum kampung itu dibakar. Tindakan ini dilakukan kerana penduduk di kawasan itu membiarkan dan membantu pengganas komunis yang bertanggungjawab

ke atas pembunuhan tiga orang peladang Eropah, membunuh dan mencederakan 19 orang askar Gurkha pada pertengahan Oktober 1948, berdekatan Lintang, Johor.<sup>7</sup>

Kampung Kachau, Kajang, Selangor, mempunyai 61 rumah dan kedai serta kira-kira 500 penghuni dimusnahkan oleh pihak berkuasa pada 2 November 1948. Didapati sejumlah besar senjata digugurkan di kawasan pinggiran kampung pada lewat Perang Dunia Kedua. Penghuni kampung dipercayai memberi sokongan kepada pengganas komunis semasa pendudukan Jepun dan pada zaman darurat. Tidak dapat diragukan bahawa pengganas komunis telah beroperasi dalam dan sekitar kampung yang tidak mempunyai balai polis. Oleh itu, sebahagian besar kawasan ini berada di bawah kawalan komunis. Sebuah kem komunis dijumpai berdekatan Kachau pada Oktober 1948, begitu plastik mengandungi nama-nama kedai kampung Kachau turut dijumpai oleh pihak berkuasa. Selain itu, berbagai kejadian telah berlaku di kawasan ini. Antaranya, pembunuhan seorang budak lelaki British berumur lapan tahun semasa mangsa dan keluarganya meninggalkan kampung pada bulan Julai 1948. Serangan dilakukan ke atas *Puteh Tin Dredging Mine* pada 31 Oktober 1948.<sup>8</sup> Pada jam 2 pagi, 2 November 1948, pengganas komunis membakar rumah asap dan stor getah di Estet Dominion, letaknya kira-kira 0.80 kilometer (setengah batu) jauhnya dari kampung Kachau. Berikutnya kejadian tersebut, kerajaan mengambil keputusan memusnahkan kampung Kachau. Penghuni kampung dipanggil keluar dan diberitahu peristiwa yang berlaku serta diberi amaran bahawa mereka mempunyai masa dua jam untuk memindahkan barang-barang mereka. Tetapi ramai yang enggan mengikut arahan. Oleh itu, banyak barang bernilai tidak sempat dikeluarkan dari rumah. Kampung itu musnah dijilat api dalam masa kira-kira dua setengah jam setelah arahan berpindah dikeluarkan.<sup>9</sup> Ini menyebabkan lebih kurang 500 penghuni kehilangan tempat tinggal dan menanggung kerugian harta benda. Dengan itu, jelas bahawa tindakan kerajaan membakar dan memusnahkan kampung

menyusahkan dan mendatangkan kesengsaraan kepada penduduk kampung. Mereka dipaksa meninggalkan kampung halaman, kerja dan mengubah corak kehidupan.

Batang Kali, sebuah pekan kecil di Selangor dengan kira-kira 400 penghuni yang majoritinya orang Cina mengalami nasib yang sama seperti Kampung Kachau. Batang Kali dibakar pada 4 pagi, 22 November 1948 kerana disyaki mempunyai hubungan dengan pengganas komunis. Penghuni pekan itu dikejutkan oleh pasukan keselamatan pada 4 pagi dan mereka diberi masa 30 minit untuk berkemas meninggalkan rumah mereka. Tetapi dalam lingkungan lima minit selepas arahan dikeluarkan, kebanyakan rumah mula dibakar dan penghuninya terpaksa melarikan diri dalam keadaan kegelapan dengan pakaian tidur dan tidak sempat untuk mengambil bersama barang kepunyaan mereka. Pembakaran ini dilakukan oleh tentera Melayu dan British. Tindakan kerajaan untuk memusnahkan pekan itu mendatangkan banyak kesusahan kepada penghuninya. Keadaan itu dapat dilihat melalui laporan dalam *Daily Worker* bertarikh 22 November 1948, “When I saw them they were virtually unclothed and practically none of them had been able to save any household goods at all. Most of them had eaten nothing for two days.” Seorang penghuni Cina memberitahu pihak akhbar bahawa beliau telah tinggal selama 15 tahun di Batang Kali, hilang segala harta benda dan tiada tempat yang boleh pergi. Ini dapat memberi gambaran betapa susahnya penduduk akibat tindakan kerajaan tersebut. Akhbar berkenaan turut menyifatkan kerajaan menggunakan kekerasan untuk menakutkan dan memaksa penduduk Batang Kali bekerjasama dengan kerajaan.<sup>10</sup>

Arahan berpindah dikenakan ke atas kira-kira 500 setinggan di Kampung Hulu Temiang, di kawasan Sikamat, Seremban, Negeri Sembilan pada 6 Februari 1949. Tindakan ini diambil kerana dipercayai kawasan ini adalah pusat kegiatan komunis dan sumber bekalan makanan serta maklumat kepada pengganas komunis yang bergerak aktif di Seremban. Berdekatan dengan kawasan Hulu Temiang, pasukan keselamatan

menjumpai sebuah kem komunis dan bahan pencetak pada 22 Disember 1948. Pengganas komunis di kawasan ini juga dipercayai terlibat dalam peristiwa melontarkan bom tangan ke sebuah kedai basikal di Seremban pada 23 Disember 1948. Pada 24 Disember 1948, pengganas mengutip yuran dari setiap rumah setinggan di Hulu Temiang dan meminta makanan. Selain itu, seramai 14 pengganas komunis di kawasan itu telah ditahan oleh pihak kerajaan sejak Jun 1948. Dengan itu, pada 6 Februari 1949, setinggan di Hulu Temiang dihimpunkan dan dibawa dengan lori ke stesen keretapi Seremban. Mereka kemudian dihantar ke kem tahanan di Ipoh, Perak. Selepas itu, pihak berkuasa memusnahkan kawasan Hulu Temiang.<sup>11</sup>

Operasi memindahkan lebih kurang 450 penduduk setinggan di kawasan Damak, letaknya di antara Benta dengan Jerantut, Pahang, dijalankan pada 8 Jun 1949. Pada masa pendudukan Jepun, kawasan itu adalah pusat MPAJA di bawah pimpinan Wong Siew Long. Apabila MPAJA dibubarkan pada tahun 1945, perjumpaan bulanan dan kutipan wang daripada penduduk masih diteruskan. Apabila darurat diisyiharkan, Wong Siew Long menghilangkan diri. Sejak September 1948, berlaku tiga serang hendap di jalan berdekatan Damak, mengakibatkan tiga askar, seorang polis dan seorang orang awam terbunu. Dalam kejadian lain, pengganas komunis menyerang Estet Batu Balai di Batu 36 dan memusnahkan rumah asap serta stor getah. Selain itu, pihak berkuasa mendapati bahawa beras disalurkan dari kawasan itu kepada pengganas komunis. Ini kerana terdapat pengurangan lebih kurang 42,334.94 kilogram (700 pikul) beras di kawasan itu sejak darurat bermula.<sup>12</sup>

Sementara itu, operasi membersihkan Kampung Kemayan dan Estet Hong Fatt San di Temerloh, Pahang dijalankan pada 12 Jun 1949. Dalam operasi itu, 16 orang Cina dari kawasan Kemayan ditahan kerana memberi bantuan makanan, wang dan maklumat kepada pengganas komunis. Kawasan Kemayan adalah di bawah kawalan pengganas

komunis pada zaman Perang Dunia Kedua. Sejak 30 Jun 1948, lebih daripada lima orang Cina dari Mengkuang, Kemayan dan Sungai Lui telah dibunuh oleh pengganas. Selain itu, seorang polis rondaan juga diserang hendap di Estet Kemayan dan dua orang Cina diculik dari Kampung Kemayan. Di samping itu, polis menjumpai sebuah kem komunis berdekatan dengan kawasan tersebut.<sup>13</sup>

Dalam perkembangan lain, penempatan Mawai di Kota Tinggi, Johor<sup>14</sup> dimusnahkan atas keputusan pihak berkuasa pada 20 Oktober 1951 kerana ia tidak dapat mengatasi pengganas komunis. Lebih kurang 1,200 penghuni, iaitu 310 keluarga memberitahu kerajaan bahawa mereka tidak ingin diletakkan dalam kawasan yang dipagari kawat berduri. 230 keluarga memilih untuk mencari kerja di estet getah berhampiran; 69 keluarga lain mengambil keputusan untuk menyertai saudara mara di kawasan penempatan lain dan 11 keluarga lagi meminta dihantar balik ke China.<sup>15</sup> Pada September 1951, pengganas komunis menyebarkan propaganda bahawa semua belia di kawasan itu yang berumur antara 18 hingga 24 tahun adalah wajib berkhidmat dengan kerajaan. Oleh itu, belia-belia meninggalkan kawasan itu dan menyertai pengganas komunis. Empat pemuda yang enggan menyertai kumpulan pengganas dibunuh. Manakala 32 yang lain masuk ke hutan menyertai kumpulan pengganas.<sup>16</sup> Keadaan itu menyebabkan pihak kerajaan bertindak untuk mengakhiri penempatan Mawai sebagai pusat kegiatan kehidupan manusia.

Pada tahun 1951, sebulan selepas pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi British, Henry Gurney, pasukan keselamatan turun ke pekan kecil, Tras, yang letaknya kira-kira 11.26 kilometer (7 batu) dari Raub, Pahang.<sup>17</sup> Kampung ini mempunyai rekod darurat yang buruk. Penduduk kampung dikatakan menyokong dan bersimpati kepada pengganas komunis. Selain itu, mereka juga dipercayai menyokong kumpulan pengganas komunis yang membunuh Henry Gurney pada 6 Oktober 1951. Dalam tempoh tiga tahun awal

zaman darurat, sebanyak 15 pertempuran telah berlaku di kampung ini dan sekitarnya; 20 orang terbunuh dan 14 yang lain cedera. Terdapat juga 25 percubaan membunuh, 24 kawasan simpanan bekalan dan 52 kem pengganas komunis dijumpai di sekitar kawasan itu. Pasukan keselamatan bertempur sebanyak 22 kali dengan pengganas komunis dan sejumlah 138 kejadian keganasan mengambil tempat sejak darurat diisyiharkan.<sup>18</sup> Tras dipercayai pusat sumber utama kepada pengganas komunis bukan sahaja di barat Pahang tetapi seluruh Tanah Melayu.<sup>19</sup> Dokumen komunis yang dirampas menamakannya sebagai sebuah pusat yang sangat penting kepada pengganas komunis.<sup>20</sup> Seorang jurucakap kerajaan dari Kuala Lumpur memberi alasan perintah memindah dan mengosongkan Tras itu seperti berikut:

Penduduk2 Tras telah sa-sungguh-nya membantu malah ada bersubahat dengan pengganas2 Kominis. Mereka enggan memberi sa-barang laporan yang akan boleh menjayakan perjalanan lanchar-nya Dzarurat. Mereka itu merupakan sa-kumpulan yang tidak baik. Untuk kepentingan mereka sendiri dan untuk keselamatan sa-bahagian besar dari daerah Pahang, maka mereka akan dipindahkan ka-khemah tahanan.<sup>21</sup>

Walaupun tidak terdapat bukti tentang siapa di antara penduduk Tras terlibat dalam serang hendap yang mengorbankan Henry Gurney, penduduk Tras terpaksa menanggung akibatnya. Pada awal pagi Rabu, 7 November 1951, askar, polis dan pasukan kerajaan menyerbu pekan Tras untuk memusnahkan tempat itu dan memindahkan penduduk Tras ke kem tahanan di Ipoh, Perak. Pada pagi itu, sebuah pasukan keselamatan dihantar membuat siasatan dari rumah ke rumah untuk memeriksa stok barang, getah dan harta sama ada boleh dipindah atau sebaliknya. Setiap keluarga diberi satu resit yang dicop oleh kerajaan terhadap barang yang ditinggalkan oleh mereka. Sejumlah kira-kira 2,000 penduduk Tras dihantar ke kem tahanan di Ipoh. Selain itu, 23 penduduk lain ditahan oleh kerajaan.<sup>22</sup> Tindakan itu diambil kerana penduduk Tras tidak memberitahu sebarang maklumat tentang kejadian pembunuhan Henry Gurney. Dengan itu, Tras

ditutup sebagai pusat kehidupan. Tidak dapat dinafikan bahawa tindakan itu mendatangkan kesusahan kepada penduduk Tras. Mereka terpaksa meninggalkan kampung halaman dan harta benda mereka. Walaupun pada permulaan tahun 1955, pekebun kecil di Tras dibenarkan kembali menoreh getah, tetapi mereka dilarang tinggal di pekan Tras. Pada Oktober 1955, apabila daerah sekitar Tras diisyiharkan sebagai Kawasan Putih dan tiga orang pengganas terakhir menyerah diri, penduduk Tras baru beransur-ansur membina semula kampung halaman mereka.<sup>23</sup>

Dalam pada itu, hukuman kolektif dikenakan ke atas Permatang Tinggi, Bukit Mertajam, Seberang Prai, pada Ogos 1952 kerana penduduknya enggan bekerjasama dengan pasukan polis. Kampung ini dihuni oleh 19 keluarga berjumlah 66 penduduk. Pada 15 Ogos 1952, seorang penolong pegawai penempatan semula, Teo Boon Hoe dibunuh oleh pengganas komunis di sebuah kedai kopi di Permatang Tinggi, letaknya di jalan utama antara Butterworth dengan Parit Buntar.<sup>24</sup> Semasa kejadian itu berlaku, terdapat seramai 12 orang penduduk di tempat itu tetapi tidak melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa. Setelah mengetahui pembunuhan itu, Jeneral Templer tiba dengan pengawalnya bersama dengan lapan kereta perisai pada 21 Ogos 1952. Beliau memberi amaran kepada penduduk kawasan itu bahawa sekiranya maklumat tentang pembunuhan itu tidak sampai kepada pihaknya dalam tempoh empat hari, seluruh penduduk akan dihantar ke kem tahanan dan kampung itu akan dimusnahkan. Serentak itu, perintah berkurung dikenakan di kawasan tersebut. Penduduk 18 buah rumah kedai dan sebuah rumah didenda \$250 bagi tiap-tiap rumah kedai dan \$150 bagi rumah biasa. Walau bagaimanapun, sehingga penghabisan masa yang ditetapkan, tiada sebarang maklumat diberi oleh penghuni kampung berkenaan, semua penghuni lelaki, perempuan dan kanak-kanak dipindahkan ke kem tahanan di Ipoh, Perak. Pada 25 Ogos 1952, kampung itu digeledah oleh pihak berkuasa. Barang-barang yang ditinggalkan oleh

penduduk dilelong atau disimpan dalam gudang mengikut kemahuan penduduk. Kampung itu kemudiannya dimusnahkan oleh pihak berkuasa. Seramai 25 penduduk dihantar pulang ke China pada 10 November 1952 dan 37 penduduk lain dibebaskan pada 19 Disember 1952 dengan menjanjikan akan menjadi rakyat yang baik pada masa depan.<sup>25</sup> Bagaimanapun, hukuman berat yang dikenakan oleh pihak berkuasa telah menyusahkan kehidupan penduduk Permatang Tinggi.

Selain pemusnahan kampung, pemindahan penduduk kawasan yang disyaki berhubung dengan komunis mendatangkan banyak kesulitan kepada penduduk. Kesusahan penduduk akibat tindakan pemindahan yang diarahkan oleh kerajaan dapat dilihat di Permatang Badak, mukim Kuala Kuantan, Pahang. Seramai 68 lelaki, perempuan, kanak-kanak yang tinggal di Kampung Makat, mukim Hulu Langar, Kuantan, Pahang, diarahkan berpindah ke Permatang Badak. Tindakan itu diambil berikutan peristiwa pengganas komunis merampas ubat dan makanan dari Kampung Makat pada Oktober 1950. Mereka terpaksa berpindah meninggalkan kampung halaman dan rumah mereka. Mereka turut menghadapi masalah mencari rezeki hidup dan mendapatkan tempat kediaman yang baru.<sup>26</sup>

Dalam perkembangan lain, pemindahan seluruh Kampung Jenderam di Kajang, Selangor, dilakukan pada 15 Februari 1951.<sup>27</sup> Lebih kurang 1,500 lelaki, perempuan dan kanak-kanak dari Kampung Jenderam dan kawasan sekitarnya sejauh 12 kilometer diarahkan berpindah dari rumah mereka ke kem tahanan. Lebih kurang 31.08 kilometer persegi (12 batu persegi) keluasan sekeliling kampung itu dibersihkan. Operasi itu bermula pada waktu subuh, 15 Februari 1951. Pada pukul 5 pagi, penghuni Kampung Jenderam dikejutkan oleh pegawai yang bertugas. Mereka diberitahu sebab-sebab tindakan pemindahan itu dilakukan oleh pihak pemerintah.<sup>28</sup> Lebih daripada 1,000 askar dan polis membimbang sebahagian besar penghuni meninggalkan kawasan itu dan mereka

kemudian dihantar ke kem tahanan di Kluang, Johor dengan keretapi khas yang disediakan. Lebih kurang 10 keluarga pula, dipindahkan ke Hulu Yam, Selangor. Mereka meninggalkan rumah, kedai, binatang ternakan, anjing dan kucing.<sup>29</sup> Tindakan kerajaan memindahkan penduduk Kampung Jenderam adalah kerana kawasan itu penting sebagai pusat pembekalan dan perlindungan kepada pengganas komunis.<sup>30</sup> Selain itu, dipercayai bahawa kebanyakan ahli komunis berbangsa Melayu yang bergiat di sempadan Selangor dan Negeri Sembilan datang dari Kampung Jenderam. Ia menjadi pusat pengintip pengganas komunis dan begitu juga, ejen pengganas direkrut dari kalangan penghuni kampung untuk menggantikan mereka yang dibunuhi oleh pasukan keselamatan. Pemindahan berlaku kerana dikatakan penduduknya terus dan sengaja bekerjasama dengan pengganas komunis.<sup>31</sup> Dilaporkan lebih daripada 51 kejadian keganasan telah berlaku di tempat itu. Sehingga 15 Februari 1951, seramai 60 penghuni kawasan ini ditahan oleh pihak keselamatan kerana membantu pengganas komunis. Di situ juga dijumpai propaganda komunis Melayu dan seorang guru Melayu telah dibunuhi di kawasan itu. Namun demikian, tiada maklumat yang diberi kepada polis dari Jenderam.<sup>32</sup> Pada 18 Februari 1951, Kampung Jenderam ditutup secara rasmi.<sup>33</sup> Penduduk Jenderam yang berpindah ke Hulu Yam sungguh menderita. Mereka selalu lapar dan sentiasa berduka nestapa. Menurut seorang penduduk bernama Tuan Haji Hassan, beliau terpaksa mengambil upah menoreh getah untuk menanggung kehidupan anak dan isteri. Hasil torehan beliau sehari sebanyak empat keping getah. Harga sekeping getah tidak lebih daripada 80 sen. Hasil sebanyak itulah keluarga Tuan Haji Hassan hidup. Beliau tidak dapat bersawah kerana kawasan Hulu Yam tidak ada sawah untuk dikerjakan. Dengan itu, beliau merayu agar dibenarkan kembali ke kampung asal, Kampung Jenderam.<sup>34</sup>

Pada Mei 1951, 450 penduduk Kampung Besut, Selangor, dipindahkan ke kem tahanan. Ini kerana didapati penduduk secara aktif menyokong pengganas komunis sejak

dua tahun yang lepas. Mereka membekalkan makanan dan wang kepada pengganas komunis. Oleh itu, langkah memindahkan penduduk dari kawasan itu adalah perlu agar dapat memutuskan hubungan penduduk dengan pengganas komunis.<sup>35</sup> Sementara itu, kerja memindahkan lebih kurang 6,000 penduduk di Segambut, Kuala Lumpur, bermula pada 26 Jun 1951 dan mengambil masa seminggu. Penduduk ditempatkan semula di kawasan penempatan semula di Jinjang, Selangor. Segambut berada di bawah pengaruh komunis sejak tiga tahun lalu dan pada pertengahan Jun 1951, kerajaan menghapuskan segerombolan *Min Yuen* (Gerakan Rakyat) yang menguasai kawasan itu sejak tahun 1948. Kumpulan itu berjaya mengutip wang sebanyak \$5,000 sebulan daripada penduduk Segambut.<sup>36</sup> Berikutnya, kerajaan bertindak memindahkan penduduk kawasan berkenaan. Dengan itu, penduduk terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka.

Dalam pada itu, pada 6 Ogos 1951, pemindahan 200 keluarga yang majoritinya orang Cina di Batu Laut, Selangor ke Tanjung Sepat, kira-kira 6.44 kilometer (empat batu) dari Batu Laut dilakukan. Ini kerana pihak polis mendapati sejumlah besar kuantiti makanan dibawa keluar oleh *Min Yuen* Batu Laut kepada komunis yang berada di hutan berdekatan. Sejumlah \$1,800 sebulan juga dikumpulkan daripada penduduk kawasan itu oleh *Min Yuen*. Penoreh getah dan pekerja juga dikatakan memberi kerjasama kepada pengganas komunis dengan memberi maklumat pergerakan tentera. Selain itu, sejumlah timbunan makanan dijumpai oleh pasukan keselamatan di hutan berdekatan Batu Laut.<sup>37</sup>

Sementara itu, arahan perpindahan penduduk Kampung Dengkil, Selangor bermula pada subuh 22 November 1951 ke kawasan Pandamaran di Pelabuhan Klang (Port Swettenham), Selangor. Menurut kenyataan kerajaan, kawasan Kampung Dengkil tidak mempunyai keselamatan yang memuaskan. Penduduknya masih memberi bantuan secara sukarela kepada pengganas komunis. Kawasan ini disifatkan sebagai salah sebuah kawasan hitam di selatan Selangor oleh kerajaan. Perpindahan itu melibatkan kira-kira

130 keluarga yang merangkumi 2,000 penghuni yang kebanyakannya adalah petani.<sup>38</sup> Oleh itu, mereka terpaksa meninggalkan tanaman dan ternakan, di samping rumah dan harta mereka semasa perpindahan dilakukan. Semua ini mendatangkan kesulitan dan kerugian kepada penduduk berkenaan.

Begitu juga, nasib penduduk Lembah Belum di Perak di mana mereka diarahkan berpindah dan kemudian kampung halaman serta segala harta benda dimusnahkan. Tindakan kerajaan ini mendatangkan kesusahan dan kerugian kepada penduduk. Kerajaan mengambil tindakan tersebut kerana pengganas komunis telah menguasai Lembah Belum sejak sekitar pertengahan tahun 1951 dan menjadikannya pusat bekalan makanan mereka bagi kawasan Hulu Perak. Pihak keselamatan menjumpai 14 khemah komunis, dua tempat menyimpan bekalan ubat dan sebuah tempat simpanan makanan. Di Lembah tersebut, terdapat sebelas buah kampung Melayu. Kedudukannya yang terpencil itu amat mudah dikuasai oleh pengganas komunis. Selama setahun pihak komunis bermaharajalela dan memutuskan segala perhubungan kampung itu dengan dunia luar. Mereka juga mengenakan sistem pencukaian padi dan memaksa penduduk menanam padi huma sebagai langkah untuk menambahkan bekalan makanan anggota komunis.<sup>39</sup> Operasi besar-besaran untuk membersihkan Lembah Belum daripada pengganas komunis dijalankan pada Mac 1952 dengan kerjasama pihak polis, Tentera Udara Diraja British, Tentera Udara Diraja Australia, anggota Kelab Udara Diraja dan para pegawai kerajaan dari Kelantan.<sup>40</sup> Akibat dari operasi tersebut, seluruh penduduk di Lembah Belum dipindahkan ke satu kawasan yang letaknya kira-kira 32.18 kilometer (20 batu) dari Grik di utara Perak.<sup>41</sup> Setelah pemindahan selesai dilakukan, pihak polis dan tentera memusnahkan segala sumber makanan di Lembah Belum dalam usaha memutuskan bekalan makanan pengganas komunis di sekitar kawasan Hulu Perak. Pada 16 Mac 1952,

operasi besar-besaran menentang pengganas komunis yang menguasai Lembah Belum di Hulu Perak ditamatkan.<sup>42</sup>

Pada April 1952, arahan pemindahan kampung juga dikeluarkan kepada penduduk Kampung Simpang Ampat, Perak kerana disyaki memberi bantuan kepada pengganas komunis. Walaupun pengganas telah lama bergiat di sekitarnya, memotong paip air sebanyak enam kali di Tanjung Malim yang berdekatan dengan kampung itu, tiada maklumat yang diterima dari kampung berkenaan. Selain itu, tiada seorang pun dari Kampung Simpang Ampat dibunuh oleh pengganas komunis.<sup>43</sup> Kerja memindahkan penduduk Kampung Simpang Ampat ke kawasan baru dimulakan pada 5 April 1952 dan mengambil masa seminggu. Lebih kurang 200 penduduk Kampung Simpang Ampat (52 keluarga dalam 30 rumah) ditempatkan di kawasan belakang Kampung Beirop, Maktab Perguruan Sultan Idris, Perak. Kerajaan memberi bantuan \$100 hingga \$200 setiap keluarga dalam proses pemindahan. Jumlah itu sebenarnya tidak cukup untuk menanggung belanja pengangkutan dan membina rumah baru mereka.<sup>44</sup> Dalam pada itu, penduduk kampung diberi bantuan oleh badan kebajikan kaum masing-masing. Antara jam 12 tengahari hingga 2 petang, 8 April 1952, kumpulan kebajikan daripada setiap kaum tiba untuk memberi bantuan kepada kaum masing-masing. Surjan Singh dan Tan Boon Jin<sup>45</sup> mengeluarkan nota pendek kepada penduduk yang memberi hak kepada mereka mengambil catuan beras untuk tempoh seminggu dan gula serta dua tin susu bagi kanak-kanak daripada kedai yang mereka telah mendaftarkan diri. Pemimpin Melayu kawasan berkenaan, Raja Hardan, memberi wang tunai kepada orang Melayu yang memerlukan kerana kebanyakan daripada mereka adalah penduduk kampung dan tidak berdaftar dengan sebarang peniaga.<sup>46</sup> Keadaan hidup penduduk amat tertekan sekali. Mereka bukan sahaja berasa bimbang tentang tekanan yang dilakukan oleh pihak kerajaan tetapi kegiatan harian mereka turut dihadkan oleh sekatan kerajaan. Pemindahan ke

kawasan baru pula menyebabkan mereka terpaksa memulakan kehidupan baru dalam suasana dan persekitaran yang serba baru. Tambahan pula, tanah yang diberikan kepada mereka adalah tanah bencah dan tidak sesuai untuk pertanian. Mereka bergantung kepada kerja menoreh getah yang dibahagi dua dengan tuan punya estet getah berkenaan. Dengan itu, setengah daripada mereka terpaksa hidup dengan menggadai apa sahaja barang yang diterima di pajak gadai. Ada di antara penduduk kampung itu yang mengatakan bahawa kehidupan mereka tidak ubah seperti zaman Jepun.<sup>47</sup>

### **Hidup Berkurung, Arahan Tutup Kedai dan Catuan Makanan**

Hukuman berkurung yang dikenakan secara meluas di Tanah Melayu mendatangkan kesulitan kepada penduduk. Salah satu kawasan yang terlibat ialah Pusing, sebuah kampung kecil berdekatan Ipoh, Perak. Langkah tersebut dilaksanakan pada 17 Januari 1951. Di Pusing dan kampung baru di sekitarnya, perintah berkurung kawasan 24 jam dan rumah 22 jam sehari semalam dikenakan. Begitu juga, pengurangan catuan beras dilaksanakan. Kedai ditutup untuk 44 hari dan wang denda sebanyak \$40,000 dikenakan ke atas penduduk.<sup>48</sup> Tindakan tegas itu dikenakan kepada penduduk Pusing dan sekitarnya berikutan pembunuhan David White, Pegawai Penempatan Semula di Pusing pada 17 Januari 1951. Mangsa dibunuh ketika sedang menyelia pacakan pagar di sekitar kawasan penempatan semula. Dengan itu, perintah berkurung dikenakan bermula 17 Januari 1951 di kawasan Pusing. Kecuali jam 10 pagi hingga 11 pagi dan 3 petang hingga 4 petang, semua penduduk mesti berada dalam rumah. Dalam tempoh dua jam itu, penduduk dibenarkan keluar dari rumah untuk membeli makanan dan barang keperluan. Kenderaan tidak dibenarkan melalui kawasan yang dikenakan perintah berkurung itu. Selepas 22 Januari 1951, perintah berkurung malam dari 7 petang hingga 6 pagi pula dikenakan. Kedai yang menjual bahan makanan diberi permit untuk

menjalankan perniagaan di antara dua jam dalam sehari, bermula pada 25 Januari 1951.<sup>49</sup> Tindakan kerajaan itu mendarangkan kesulitan kepada kehidupan penduduk Pusing. Mereka dipaksa mengumpulkan jumlah wang denda yang ditetapkan oleh kerajaan. Keadaan ini menambahkan lagi beban kehidupan mereka pada zaman darurat. Meskipun kesulitan besar dihadapi oleh penghuni, rayuan dibuat oleh ketua kampung dan kritikan datang daripada pemimpin komuniti Cina, perintah berkurung hanya ditarik balik setelah maklumat berkaitan, orang yang disyaki ditangkap dan wang denda dibayar, iaitu pada penghujung Februari 1951.<sup>50</sup> Namun demikian, pada penghujung tahun 1951, seorang mata-mata khas dibunuh oleh pengganas komunis yang menyerbu kampung berkenaan. Akibatnya, Pusing diberi tempoh 48 jam untuk membentuk unit *Home Guard* bagi mempertahankan kampung mereka. Ia mendapat reaksi yang menggalakkan daripada pemuda kampung itu.<sup>51</sup>

Dalam perkembangan lain, perintah berkurung selama 72 jam dikenakan di kawasan Labis, Johor, bermula dari 7 pagi, 19 Jun 1951.<sup>52</sup> Perintah berkurung ini dikenakan untuk membolehkan pasukan keselamatan menjalankan operasi yang lebih insentif bagi menyiasat penduduk dan kuantiti makanan yang disimpan dalam kedai di kawasan itu. Perintah berkurung berterusan yang dikenakan ke atas lebih 18,000 penduduk itu hanya ditamatkan pada 6 pagi, 22 Jun 1951. Dengan itu, penduduk keluar berpusu-pusu ke kawasan tanaman yang telah ditinggalkan selama tiga hari. Ada juga di antara mereka yang pergi ke pasar mendapatkan barang-barang keperluan. Penoreh getah memulakan kembali kerja mereka walaupun telah kehilangan gaji tiga hari akibat perintah berkurung. Kanak-kanak di Labis yang kebanyakannya belajar di Segamat, Johor, kira-kira 32.18 kilometer (20 batu) jauh dari Labis menyambung pelajaran mereka di sekolah. Namun demikian, sejak itu, Kampung Labis dan kawasan penempatan semula dipagari dengan kawat berduri.<sup>53</sup>

Perintah berkurung 22 jam sehari semalam di Tanjung Malim, letaknya di sempadan Selangor/Perak, lebih kurang 82.07 kilometer (51 batu) dari Kuala Lumpur, dilaporkan secara meluas dalam akhbar. Pada pagi 25 Mac 1952, penduduk Tanjung Malim, mendengar pertempuran yang dilakukan oleh 40 pengganas komunis di pinggiran pekan yang mengorbankan 12 nyawa. Pekan ini mempunyai penduduk kira-kira 20,000 orang yang majoritinya orang Cina. Saluran paip air dari takungan yang letaknya lebih kurang 3.22 kilometer (dua batu) di atas bukit telah dipotong lima kali oleh pengganas komunis.<sup>54</sup> Pada 24 Mac 1952 pengganas komunis memutuskannya buat kali keenam. Pada kira-kira jam 7 pagi, hari Selasa bersamaan 25 Mac 1952, kumpulan memperbaiki keluar menjalankan tugas tetapi kerja memperbaiki belum dimulakan, mereka telah diserang hendap oleh sekumpulan pengganas komunis. Rombongan itu ditemani oleh pasukan polis hutan seramai 15 orang; W.H. Fourniss,<sup>55</sup> Jurutera Eksekutif dan Michael Codner,<sup>56</sup> Penolong Pegawai Daerah Tanjung Malim. Dalam serangan itu, Fourniss dan Michael Codner bersama 10 orang anggota kumpulan itu terbunuh. Tujuh daripada mangsa itu adalah dari pasukan hutan, manakala tiga mangsa yang lain ialah Teoh Eng Kiew,<sup>57</sup> penolong teknikal; Ahmad bin Jali dan Lans Koperal Polis, Hamid bin Johari.<sup>58</sup> Sebagai tanda menghormati mangsa keganasan komunis itu, kedai di Tanjung Malim ditutup sepanjang hari pada hari kejadian itu. Penduduk Tanjung Malim terkejut dengan kejadian itu tetapi mereka juga takut kepada pengganas komunis. Siasatan polis tidak memperolehi apa-apa maklumat.<sup>59</sup> Pada hari ketiga kejadian itu, Jeneral Templer tiba di Tanjung Malim, iaitu pada 27 Mac 1952 untuk memaklumkan kepada penduduk tentang hukuman terhadap sikap penakut mereka yang enggan memberi sebarang maklumat tentang gerakan komunis kepada pihak kerajaan. Beliau menghimpunkan lebih kurang 300 ketua kaum Melayu, Cina dan India di Dewan Suluh Budiman, Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dan memberitahu mereka bahawa "This is going to stop. It

does not amuse me to punish innocent people. But many of you are not innocent. You have information which you are too cowardly to give.”<sup>60</sup> Beliau bercakap dengan nada marah, mengingatkan mereka bahawa dalam masa tiga bulan lalu penganas komunis telah melakukan banyak kekacauan di kawasan itu.<sup>61</sup> Oleh itu, hukuman kolektif dikenakan di Tanjung Malim. Pegawai Daerah yang baru, D.C.L. Wilson dilantik dan beliau dibantu oleh polis dan tentera tambahan. Seorang majistret tambahan bertanggungjawab terhadap kesalahan melanggar perintah berkurung. Hukuman kolektif itu merangkumi setiap lelaki, perempuan dan kanak-kanak di Tanjung Malim, di estet dan kampung yang menganjur dari Tanjung Malim hingga ke Trolak, kira-kira 28.97 kilometer (18 batu) ke arah utara. Untuk mengelakkan mereka daripada berhubung dengan penganas komunis, perintah berkurung dikenakan dan penduduk dihadkan dalam rumah untuk selama 22 jam sehari semalam. Hanya dua jam sahaja, iaitu dari 12 tengahari hingga 2 petang, dibenarkan keluar dari rumah untuk mendapatkan barang keperluan mereka. Catuan beras dikurangkan dari kira-kira 3.02 kilogram (lima kat) seorang seminggu kepada 1.81 kilogram (tiga kat) bagi orang dewasa dan kira-kira 1.51 kilogram (dua setengah kat) bagi kanak-kanak. Tiada seorang pun dibenarkan meninggalkan pekan itu. Namun demikian, kelonggaran diberi kepada penternak lembu selama dua jam pada sebelah pagi untuk keluar memberi makanan kepada ternakan mereka. Ini memandangkan terdapat lebih kurang 50 orang penduduk Tanjung Malim keturunan India memelihara ternakan lembu.<sup>62</sup> Semua sekolah ditutup dan semua perkhidmatan bas juga diberhentikan. Pada masa yang sama, Keretapi Malaya mengarahkan menghentikan jualan tiket keretapi ke selatan yang melalui Tanjung Malim.<sup>63</sup> Dengan itu, hubungan Tanjung Malim dengan kawasan luar terputus. Sekatan ini dikekalkan sehingga penduduk membuktikan yang mereka bersedia bekerjasama dalam menghapuskan kawasan mereka daripada keganasan komunis.<sup>64</sup> Pihak kerajaan

berharap sekatan dan kelaparan yang dialami oleh penduduk dapat menyebabkan mereka memberi maklumat kepada pihak berkuasa. Perkara ini dilaporkan oleh akhbar *The Straits Times* di bawah topik utama *Hungry Feeling Will Make Tanjung Malim Talk*.<sup>65</sup> Ini kerana Gerald Templer percaya bahawa penduduk Tanjung Malim mengetahui tentang kegiatan pengganas komunis tetapi takut untuk memberitahu kepada pihak kerajaan. Oleh itu, beliau menyalahkan penduduk Tanjung Malim atas kejadian serang hendap yang mengorbankan 12 nyawa. Dalam hal ini, beliau mengingatkan penduduk Tanjung Malim bahawa:

... You are all fully aware of the savage outrage which took place 48 hours ago. The outrage took place very close to this town.  
You are also aware that it was staged by Communists operating near here. It could only have taken place with the knowledge of certain of the local inhabitants. Of that I am certain. . . . None of this would have happened if the inhabitants in this part had had courage.  
You want everything done for you, but you are not prepared to assume the responsibility of citizenship . . .<sup>66</sup>

Tidak dapat dinafikan bahawa sekatan yang dikenakan itu menyusahkan kehidupan penduduk Tanjung Malim. Sebahagian besar daripada kedai mempunyai tandas dan bilik air di luar kedai. Di bawah perintah berkurung, mereka tidak dapat menggunakan tandas dan bilik air kerana tidak dibenarkan keluar dari rumah.<sup>67</sup> Mereka terpaksa menghabiskan masa dalam rumah dan aktiviti mereka dihadkan oleh perintah berkurung. Kebebasan bergerak disekat dan kerja harian tidak dapat dilaksanakan seperti biasa. Mereka menghadapi kesusahan mendapatkan makanan dan mengalami tekanan perasaan. Penduduk tidak dapat keluar bekerja dan menyebabkan mereka kehilangan nafkah hidup. Penoreh getah dan penjaja kehilangan punca pencarian mereka.<sup>68</sup> Kelonggaran perintah berkurung hanyalah selama dua jam sahaja, sementara itu harga barang runcit melambung tinggi. Ada di antara mereka terpaksa bergadai apa saja sebagai cara memperolehi wang untuk membeli makanan. Ketika bekalan air belum dipulihkan, penduduk yang selama ini menerima kemudahan tersebut terpaksa

menggantikan dengan air hujan. Apabila perintah berkurung dilonggarkan selama dua jam, mereka menderu-deru ke Sungai Bernam untuk mandi-manda serta mengambil air untuk minum dan masak. Sementara itu, suri rumah pula tergesa-gesa pergi ke pasar mendapatkan barang keperluan keluarganya. Kebanyakan bahan makanan yang dijual adalah bahan makanan yang tidak habis dijual semalam. Oleh itu, sayuran yang dijual itu adalah tidak segar. Pada peringkat awal perintah berkurung dikenakan, mereka mendapati masih terdapat banyak ubi di pasaran, maka mereka tidak merasai kesan daripada hukuman itu. Namun demikian, keadaan lebih menyedihkan setelah seminggu perintah berkurung dikenakan. Tiada makanan segar yang dapat dilihat di pasar dan hanya sayur jeruk yang terdapat di kedai runcit. Penduduk sedar bahawa mereka terpaksa menanggung kelaparan akibat dari perintah berkurung dan catuan beras yang dikenakan ke atas penduduk Tanjung Malim. Ini adalah kali pertama di Tanah Melayu di mana sebuah pekan atau kawasan dihadkan makanan dengan tujuan untuk membuatkan penduduk bercakap tentang kejadian keganasan komunis yang berlaku di kawasan itu.<sup>69</sup> Penduduk Tanjung Malim menderita kelaparan dan berdepan dengan kebuluran setelah 10 hari catuan beras dan perintah berkurung 22 jam dikenakan. Ramai penduduk mula merasai kepedihan akibat kelaparan dan kerugian dalam perniagaan sebanyak \$100,000 dalam 10 hari perintah berkurung dikuatkuasakan.<sup>70</sup> Pada 6 April 1952, tentera British mengedarkan kertas soal selidik yang ditulis dalam bahasa Melayu, Cina dan Tamil ke setiap rumah di Tanjung Malim. Mereka dikehendaki menyatakan nama komunis, kegiatan komunis yang mereka ketahui, kedai makan dan orang yang membekalkan bahan makanan kepada pengganas komunis serta memberitahu nama mereka yang disyaki bertanggungjawab membeli dan membawa makanan kepada komunis. Demikian juga nama pemungut wang, ejen pengambilan rekrut dan yang menjadi tali barut kepada pengganas komunis turut perlu diberitahu. Kertas soal selidik itu disertai dengan surat

Gerald Templer yang menyeru penduduk Tanjung Malim bekerjasama dengan pihak berkuasa (Rujuk Lampiran 10).<sup>71</sup> Kertas soal selidik yang dilengkapkan dimasukkan dalam sebuah peti khas dan dihantar terus kepada Jeneral Templer. Wakil penduduk Tanjung Malim, Abdul Rashid bin Abdul Wahab, Tan Boon Jin, Leong Gee, Alauddin, Ketua Kampung Simpang Empat dan seorang lagi wakil India hadir melihat Jeneral Templer membuka peti kertas soal selidik di Kuala Lumpur. Kira-kira 2,000 surat yang mengandungi hal-hal rahsia mengenai komunis diterima daripada penduduk Tanjung Malim. Akibatnya, kira-kira 40 orang Cina dan beberapa orang India di Tanjung Malim yang disyaki menjadi utusan atau pembekal makanan kepada pengganas komunis ditangkap pada 7 April 1952.<sup>72</sup> Dengan itu, sekatan di Tanjung Malim mula dikurangkan pada tengahari 9 April 1952. Peraturan perintah berkurung pada September 1951 dikenakan semula. Ia mengandungi perintah berkurung kawasan dari jam 7 petang hingga 6 pagi dan perintah berkurung rumah dari tengah malam hingga 5 pagi.<sup>73</sup>

Hukuman kolektif yang dikenakan di Tanjung Malim mendapat kritikan daripada beberapa pihak. Akhbar *The Straits Times*, 29 Mac 1952, melaporkan hukuman di Tanjung Malim itu sebagai *Unfair To Punish*. Dalam hal ini, akhbar berkenaan menyimpulkan:

These and a hundred other incidents prove the predicament of the million of Malayans exposed to Communist terrorism and without adequate police protection and it would seem unfair to punish them for crimes committed against them.<sup>74</sup>

Sementara itu, akhbar *Sing Pin Jih Pao*, 5 April 1952, menyatakan bahawa hukuman yang boleh membawa kesukaran kepada penduduk dikhuatiri senang mendatangkan hasil yang sebaliknya. Akhbar ini seterusnya menyatakan sekiranya kerajaan dapat mengenakan dasar yang lebih bertimbang rasa akan memperolehi kesan luar jangkaan.<sup>75</sup> Sepucuk surat yang ditandatangani oleh 120 orang ahli Parti Buruh

British, membantah hukuman kolektif dijalankan di Tanjung Malim, dikemukakan kepada Parlimen England pada 8 April 1952. Antara lain, surat itu menyatakan:

Dewan ini sementara menyokong langkah-langkah yang munasabah untuk menjamin keamanan dan ketenteraman di Malaya dan mengawal askar British dan rakyat Malaya daripada keganasan pengganas adalah menyesali perintah secara beramai-ramai di Tanjung Malim yang tidak mempunyai kawalan polis yang cukup dan kesusahan yang timbul atas kebanyakannya penduduk dan kanak-kanak yang tidak berdosa. Dan berkenaan bahawa perintah itu adalah bertentangan amalan dunia tamadun dan memperkuatkan lagi penentangan rakyat Malaya daripada memenangi persahabatan dan sokongan daripada mereka. Mendesak supaya kerajaan Baginda Queen untuk meminda dasar yang mengizinkan hukuman itu dijalankan.<sup>76</sup>

Begitu juga, Dewan Pertuanan British di London mempersoalkan tentang kebijaksanaan dan keadilan perintah berkurung 22 jam sehari semalam dan pengurangan catuan beras yang dikenakan oleh pihak berkuasa untuk menentang pengganas komunis di Tanah Melayu. Sekatan itu disifatkan sebagai langkah kekerasan dan bukan untuk menjamin keselamatan dan menyekat makanan jatuh ke tangan pengganas komunis.<sup>77</sup> Selain itu, Majlis Kebangsaan Kebebasan Awam mengadakan persidangan tahunan di London pada 19 April 1952. Majlis meluluskan kenyataan bahawa langkah keras ke atas penduduk Tanjung Malim adalah langkah pembalasan yang membuta tuli. Bagi Pejabat Tanah Jajahan pula, langkah seperti perintah berkurung yang berpanjangan, menutup sekolah dan mengurangkan catuan makanan, adalah langkah yang tidak berperikemanusiaan.<sup>78</sup> Sementara itu, Gerald Templer berpuas hati bahawa tindakan yang dijalankan ke atas Tanjung Malim telah mendapat hasil yang dikehendaki. Beliau menegaskan bahawa tindakan yang sama akan dikenakan ke atas kawasan lain di Persekutuan Tanah Melayu sekiranya terdapat penduduk yang didapati bekerjasama dengan komunis.<sup>79</sup> Walau bagaimanapun, selepas hukuman tersebut, penduduk Tanjung Malim dikatakan telah bekerjasama dengan kerajaan. Sebelum 3,500 penduduk Tanjung Malim menyertai *Home Guard*, pengganas komunis yang melancarkan serangan hendap telah meninggalkan

kawasan itu. Untuk lapan tahun seterusnya dalam tempoh darurat, Tanjung Malim mempunyai rekod yang memuaskan.<sup>80</sup>

Selain itu, perintah berkurung 24 jam dikenakan ke atas penduduk Kampung Sungai Tua yang terletak kira-kira 12.07 kilometer (tujuh setengah batu) di utara Kuala Lumpur pada 8 April 1952. Kampung ini mempunyai jumlah penduduk seramai 260 orang dengan 80 buah rumah. Arahan perintah itu dikenakan setelah ditemui sebuah khemah komunis yang boleh memuatkan kira-kira 60 orang di sebuah kebun getah, letaknya lebih kurang 1,097.28 meter (1,200 ela) dari kampung berkenaan pada 6 April 1952 tetapi tiada maklumat tentang pengganas komunis yang dilaporkan kepada pasukan keselamatan.<sup>81</sup> Arahan ini telah menghalang penoreh getah di Sungai Tua untuk pergi bekerja di estet getah dan seterusnya menjelaskan punca pendapatan mereka.

Seramai 4,000 penghuni kampung lama dan Kampung Baru Sungai Pelek, berdekatan Sepang, Selangor, dikenakan perintah berkurung oleh Jawatankuasa Kerja Perang Negeri Selangor pada 10 April 1952 dan berkuatkuasa selama 9 hari. Penghuni Sungai Pelek dihukum kerana memberi makanan kepada ketua pengganas komunis, Liew Kon Kim dan pengikutnya.<sup>82</sup> Pasukan keselamatan bertempur dengan segerombolan pengganas komunis di kawasan Sungai Pelek pada 6 April 1952 dan menjumpai empat bungkusan yang mengandungi 54.43 kilogram (15 gantang) beras, enam bungkusan makanan, 10 bungkusan yang mengandungi tembakau, alat tulis dan minyak parafin.<sup>83</sup> Ini mengakibatkan perintah berkurung rumah dari 7.30 petang hingga 6 pagi dan perintah berkurung kawasan dari pukul 2 petang hingga 10 pagi dikenakan dalam kawasan kampung baru itu sejak 10 April 1952. Perintah berkurung selama 20 jam sehari semalam itu bertujuan untuk mengelakkan beras dan makanan jatuh ke tangan komunis. Catuan beras dikurangkan dari 3.02 kilogram (lima kati) kepada 1.81 kilogram (tiga kati) seminggu. Penduduk Kampung Baru Sungai Pelek juga diarahkan memasang kawat

berduri setinggi sembilan kaki di luar pagar kawat yang sedia ada bagi mengelakkan penghuni menjalinkan hubungan dengan kawasan sekitar. Pagar kawat baru itu bernilai \$55,000.<sup>84</sup> Arahan itu dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kerja Perang Negeri Selangor. Kos itu membebankan penduduk Sungai Pelek. Mereka telah berbincang beberapa kali dengan kontraktor dan tawar-menawar diadakan. Mereka juga berjumpa dengan ahli jawatankuasa MCA dan Setiausaha Hal-Ehwal Orang Cina Selangor, N.L. Alexander. Penduduk Sungai Pelek juga memberitahu N.L. Alexander bahawa mereka hanya mampu mengumpulkan wang sejumlah \$4,500 atau \$1.50 seorang sahaja.<sup>85</sup> Akhirnya, pada 22 April 1952, Jawatankuasa Kerja Perang Negeri Selangor memutuskan bahawa kerajaan bersetuju menanggung separuh daripada kos yang diperlukan untuk memagar kampung Sungai Pelek.<sup>86</sup> MCA pula menyumbang sebanyak \$6,000 ke atas kos memasang pagar kawat keliling pagar.<sup>87</sup> Dilaporkan bahawa penduduk Sungai Pelek berdepan dengan ancaman kebuluran akibat daripada hukuman beramai-ramai yang dikenakan. Mereka tidak dapat meninggalkan rumah untuk mencari rezeki kerana dikehendaki memasang kawat berduri di sekeliling kampung dan risau tentang wang denda yang tidak mampu mereka bayar.<sup>88</sup> Kesulitan yang dihadapi oleh penduduk Sungai Pelek berterusan apabila pasukan polis bersama jawatankuasa kampung memeriksa dari rumah ke rumah untuk mengesan penyokong komunis. Pemeriksaan itu hanya berakhir setelah penahanan 54 penduduk kampung berkenaan yang disyaki memberi sokongan kepada pengganas komunis.<sup>89</sup> Sebelum darurat, Sungai Pelek merupakan kawasan pengeluar babi yang terbesar di Tanah Melayu. Selain itu, penduduk juga bekerja sebagai penoreh getah dan penanam sayur. Setelah perintah berkurung dikeluarkan, semua kerja dihentikan dan hanya bergantung kepada wang simpanan mereka. Begitu juga, kira-kira 100 buah kedai terpaksa ditutup dan menyebabkan kerugian lebih kurang \$30,000 sehari. Sesetengah penduduk terpaksa menggunakan daun kering menggantikan kayu api untuk masak

kerana tidak dapat keluar dari kawasan berpagar akibat perintah berkurung.<sup>90</sup> Arahan berkurung itu hanya dibatalkan pada 19 April 1952 selepas 10 hari dikuatkuasakan.<sup>91</sup>

Mulai 2 petang, 4 Jun 1952, 22 jam perintah berkurung sehari semalam dikenakan di Kampung Baru Gunung Rapat di kawasan Ipoh, Perak, yang mempunyai 3,400 penduduk.<sup>92</sup> Perintah ini dikeluarkan akibat daripada peristiwa seorang mata-mata khas, Azri bin Baki ditembak berdekatan dengan sekolah ketika sedang menjalankan rondaan dengan tiga pengawal kampung pada 8.15 malam, 3 Jun 1952. Berikutan kejadian itu, pada 1 petang, 4 Jun 1952, penduduk kampung dihimpunkan di padang sekolah dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Kinta, M.J. MacKenzie-Smith,<sup>93</sup> berdiri di tempat mata-mata khas dibunuh, memberikan amaran kepada para penduduk kampung itu. Dengan menghalakan kepada kesan darah di bawah kakinya, beliau menyalahkan penduduk kampung atas kejadian yang berlaku itu dan mengarahkan perintah berkurung dikenakan selama 22 jam sehari.<sup>94</sup> M.J. MacKenzie-Smith memberitahu penduduk kampung bahawa mereka tidak dibenarkan keluar dari rumah kecuali pada jam 10 pagi hingga 11 pagi dan 4 petang hingga 5 petang. Bahkan, dalam masa dua jam ini mereka tidak dibenarkan berada di luar kawasan kampung yang dipagari dengan kawat berduri itu. Arahan itu mendatangkan banyak kesulitan kepada penduduk. Mereka tidak dapat keluar bekerja, makanan semakin berkurangan dan hubungan dengan luar terputus.<sup>95</sup> Majoriti penduduk kampung adalah petani dan buruh, maka perintah berkurung 22 jam amat mempengaruhi kerja mereka. Perintah berkurung hanya ditarik balik pada 7 Jun 1952.<sup>96</sup> Dengan itu, jelas bahawa tindakan itu diambil sebagai hukuman kepada penduduk kampung yang tidak bekerjasama dengan pihak kerajaan dan tidak menyampaikan maklumat tentang aktiviti komunis di kawasan mereka. Bagaimanapun, keganasan komunis masih berterusan di kawasan itu. Pada 4 Januari 1957, Komander *Home Guard*, Lee Teng Cheong dibunuh oleh pengganas komunis bersama dengan abang iparnya, Teo

Chia Kiah ketika sedang bekerja di kebun ubi kayu berhampiran dengan kampung Gunung Rapat. Kejadian itu menyedarkan penduduk Kampung Baru Gunung Rapat dan mereka berikrar untuk memberi semua bantuan kepada pihak berkuasa bagi menghapuskan pengganas komunis yang bergiat di kawasan berkenaan.<sup>97</sup>

Begitu juga, pada 15 Jun 1952, perintah berkurung selama 22 jam dikenakan di Kampung Baru Kuala Kuang, letaknya kira-kira 18.51 kilometer (11½ batu) di utara Ipoh, antara Jalan Jelapang-Chemor, Perak. Tindakan ini diambil ke atas penduduk kawasan berkenaan kerana pembunuhan penghulu Kampung Kuala Kuang, Perak yang berumur 79 tahun, Wong Onn dan seorang mata-mata khas, Mohamed bin Said. Mangsa ditembak mati di kedai kopi pada 8.30 malam, 14 Jun 1952. Walaupun perintah berkurung itu dikurangkan separuh pada hari ketiga, iaitu pada 17 Jun 1952 yang meliputi masa 7 petang hingga 6.30 pagi, namun penduduk kampung hanya dibenarkan keluar dari rumah mereka dan bukan luar dari kawasan kampung. Tambahan pula, pagar Kampung Baru Kuala Kuang masih tertutup.<sup>98</sup> Keadaan ini menyekat pergerakan penduduk.

Hukuman berkurung turut dikenakan ke atas penduduk Kampung Baru Trosol, berdekatan Kuala Kangsar, Perak pada Januari 1953. Tindakan ini diambil kerana penduduk kampung disyaki bekerjasama dengan pengganas komunis dan menyokong seksyen *Min Yuen* yang ada di kampung berkenaan. Makanan disalurkan keluar dari kampung kepada pengganas komunis dan telah berlaku dua kejadian tembak-menembak di kawasan kampung itu dalam beberapa bulan sebelum ini. Kemudiannya, kertas soal selidik diedarkan dari rumah ke rumah, askar ditempatkan di sekeliling kampung untuk menghalang penghuni meninggalkan rumah mereka. Pada 14 Januari 1953, 11 kotak yang mengandungi maklumat daripada penduduk kampung dengan diiringi oleh ketua kampung sampai ke *King's House* di Kuala Lumpur.<sup>99</sup>

Penduduk Kampung Baru Pekan Nenas, Pontian, Johor juga berdepan dengan arahan perintah berkurung 22 jam sehari semalam setelah berlaku peristiwa pengganas menembak mati seorang Koperal polis dan mencederakan seorang anggota polis lain pada pertengahan Julai 1953. Kejadian itu berlaku ketika mangsa sedang membuka pagar kampung pada waktu pagi. Seminggu selepas kejadian itu, pada 27 Julai 1953, Gerald Templer tiba di Kampung Baru Pekan Nenas. Beliau menghimpunkan 1,200 penduduk dan memberi ingatan kepada penduduk tentang kejadian keganasan komunis di kawasan mereka sebelum mengarahkan perintah berkurung dikenakan.<sup>100</sup> Antara kejadian pengganas komunis yang telah mengambil tempat di kawasan itu, termasuklah pada 31 Disember 1952, seorang Cina dibunuhi berhampiran dengan kampung. Pada 3 Mac 1952, sekeping bendera komunis dijumpai di kampung berkenaan. Manakala pada 24 Mei 1953, polis bertempur dengan 12 pengganas komunis dan berjaya membunuh seorang pengganas serta mencederakan dua lain. Pada Mei 1953 juga, polis menjumpai tiga kem dan beberapa tempat simpanan makanan pengganas komunis berdekatan dengan kampung. Arahan berkurung di Pekan Nenas hanya ditarik balik pada 20 Ogos 1953.<sup>101</sup>

Hukuman berkurung dikenakan di kampung Broga, Kajang, Selangor, mulai 30 Julai 1953 hingga 8 Ogos 1953 dan berkuatkuasa dari 6 petang hingga 6 pagi keesokan hari. Di samping itu, semua kedai makan dan minum diarahkan tutup. Hanya sebuah kedai diberi permit untuk menjual beras dan barang kawalan antara 7 pagi hingga 5 petang setiap hari. Tindakan ini diambil kerana didapati penduduk tidak bekerjasama dengan pihak kerajaan. Pihak berkuasa menjumpai sebuah kem pengganas komunis, letaknya kira-kira 2.41 kilometer ( $1\frac{1}{2}$  batu) dari Broga.<sup>102</sup>

Selain contoh di atas, perintah berkurung juga dikenakan di kawasan lain di seluruh Tanah Melayu. Antaranya, perintah berkurung dikenakan di Bidor, Pusing dan Siputeh, Perak, pada 24 Jun 1948 berikutan kejadian pengganas komunis menembak mati

seorang detektif di Pusing pada 22 Jun 1948.<sup>103</sup> Pada 24 Jun 1948, perintah berkurung dikenakan di Kaki Bukit dan Bandar Bahru Kulim serta Sungai Patani, Kedah, berikutan dengan kejadian pertempuran polis dengan tiga pengganas komunis di Kaki Bukit pada 23 Jun 1948.<sup>104</sup> Pada 20 Mac 1949, perintah berkurung malam (6 petang-6 pagi) dikenakan di enam pekan di Selangor, iaitu Kajang, Cheras, Broga, Semenyih, Dengkil dan Bangi. Kawasan itu diserang oleh pengganas komunis sebanyak 28 kali. Tindakan berkurung dilakukan untuk membolehkan pasukan keselamatan menjalankan operasi membasmi pengganas komunis secara menyeluruh.<sup>105</sup> Sementara itu, arahan berkurung dari 7.30 petang hingga 5.30 pagi dikenakan di Gua Musang, Kelantan, pada 9 Jun 1949 hingga 1 Ogos 1949. Arahan itu sekali lagi dikenakan pada 20 Februari 1950.<sup>106</sup> Begitu juga, perintah berkurung 7.30 petang hingga 5.30 pagi dikenakan di Kuala Krai, Kelantan pada 9 Jun 1949.<sup>107</sup> Perintah berkurung rumah dari 7 petang hingga 6 pagi dikenakan di kawasan Kuala Kubu Bahru, Selangor, pada 25 Jun 1949 selepas kejadian pengganas komunis menyerang stesen polis, stesen janakuasa dan banglo pegawai daerah pada awal pagi 25 Jun 1949.<sup>108</sup> Perintah berkurung malam dari 7 petang hingga 6 pagi dikenakan di Bukit Mertajam, Seberang Prai mulai 13 Ogos 1949. Tindakan itu dikenakan berikutan kejadian seorang inspektor Cina ditembak mati oleh pengganas komunis pada 12 Ogos 1949 berdekatan dengan sebuah panggung wayang di kawasan Bukit Mertajam.<sup>109</sup> Pada 24 Disember 1949, perintah berkurung dilaksanakan di kawasan utara Kuala Lumpur termasuklah Hulu Klang, Ampang dan Jalan Cheras berikutan kejadian pengganas komunis menyerang stesen polis Ampang dan membunuh dua orang Cina di kawasan tersebut pada 23 Disember 1949.<sup>110</sup>

Dalam perkembangan lain, bermula pada 8 Oktober 1950, pekan Kuala Pilah, Negeri Sembilan, dikenakan perintah berkurung 22 jam sehari semalam. Ini berikutan peristiwa pembakaran kedai yang mengorbankan lima nyawa serta sembilan orang cedera

parah akibat tindakan pengganas komunis.<sup>111</sup> Pekan Ampang, kira-kira 8.05 kilometer (lima batu) ke timur Kuala Lumpur menjadi sunyi sepi akibat perintah berkurung dikuatkuasakan mulai 13 Mei 1951 berikutan kegiatan pengganas komunis yang menjadi-jadi. Pintu rumah dan kedai semuanya ditutup dan penghuni Ampang hanya dibenarkan keluar dari rumah antara 6 hingga 7 pagi dan 1 hingga 3 petang. Keadaan ini menyebabkan mereka yang bekerja di Kuala Lumpur tidak dapat balik ke Ampang setelah menghabiskan kerja pada sebelah petang.<sup>112</sup> Selain itu, perintah berkurung 24 jam dikenakan di kawasan Broga, Selangor pada tengahari 4 Julai 1951, akibat daripada pembunuhan enam polis dalam satu kejadian serang hendap komunis.<sup>113</sup> Kulim, Kedah dikenakan perintah berkurung dari 7 petang hingga 6 pagi bermula pada 16 Julai 1951. Arahan itu dikeluarkan berikutan serang hendap komunis ke atas sebuah kenderaan polis di Kulim pada 14 Julai 1951. Dalam kejadian itu, J.J. Thonger, Lestenan Polis terkorban dan lima anggota polis cedera.<sup>114</sup> Perintah berkurung 24 jam dikenakan di daerah Bahau, Negeri Sembilan, pada 7 November 1951 bagi memudahkan pasukan keselamatan memburu pengganas komunis yang mengugut pekerja dan menyebabkan mereka terpaksa berhenti kerja.<sup>115</sup> Perintah berkurung selama 72 jam dikenakan ke atas penduduk dalam lingkungan kawasan Tampin dan Pulau Sepang di Negeri Sembilan. Ia bermula pada 6 pagi, 18 November 1951 hingga 6 pagi, 21 November 1951. Tindakan itu dikenakan ekoran daripada keretapi diraja yang membawa Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan keluarganya digelincirkan oleh pengganas komunis pada 14 November 1951 di kawasan letaknya kira-kira 4.83 kilometer (tiga batu) jauh dari Tampin, Negeri Sembilan.<sup>116</sup>

Dalam pada itu, pada April 1952, 12 kampung di sempadan Selangor/Pahang yang merangkumi kawasan seluas 207.19 kilometer persegi (80 batu persegi) dikenakan perintah berkurung 24 jam akibat daripada keengganan penduduk memberi maklumat

berkaitan pergerakan pengganas komunis berdekatan kawasan itu. Beberapa ratus setinggan dan pekebun serta keluarga mereka tidak dibenarkan menjalankan kegiatan bercucuk tanam atau mencari nafkah harian seperti biasa.<sup>117</sup> Pada 10 Mei 1952, 5 petang, perintah berkurung dikenakan di Kampung Layang-Layang dan Cha'ah di Johor bagi membolehkan pasukan keselamatan memperolehi maklumat daripada penduduk mengenai pergerakan pengganas komunis di kawasan itu. Seiringan itu, kertas soal selidik diedarkan dari rumah ke rumah yang dikutip pada keesokan hari dan perintah berkurung dikurangkan.<sup>118</sup> Dalam perkembangan lain, perintah berkurung dikenakan ke atas penduduk Klian Intan, Perak, setelah Small, O.C.P.D. (*Officer of Constable Police District*) Kroh cedera ditembak oleh pengganas komunis pada 15 Mei 1952. Penduduk Klian Intan disyaki mempunyai hubungan dengan pengganas itu dan membekalkan keperluan kepada pengganas.<sup>119</sup> Seramai 3,000 penduduk di Serai dan Bagan Boya, Seberang Prai, dikenakan hukuman tidak boleh keluar rumah selama 23 jam oleh pihak berkuasa pada 31 Julai 1952 dengan harapan penduduk kampung memberikan maklumat tentang kegiatan komunis kepada tentera British dan polis.<sup>120</sup> Perintah berkurung selama 23 jam sehari semalam diisyiharkan di Jajahan Gemas, Negeri Sembilan mulai 15 Ogos hingga 19 Ogos 1952. Penduduk Gemas dibenarkan keluar dari rumah selama sejam sehari dari pukul 12 sampai 1 tengahari pada tiap-tiap hari perintah berkurung itu berkuatkuasa. Perintah berkurung itu dikenakan akibat serang hendap pengganas komunis yang mengakibatkan lapan orang mata-mata terbunuh.<sup>121</sup> Arahan berkurung ini telah menjaskan kegiatan harian penduduk. Dalam pada itu, perintah berkurung dikenakan ke atas Batu Itam, Bukit Balik Pulau dan Bukit Paya Terubong di Pulau Pinang. Semua penghuni yang tinggal di kawasan itu harus berada dalam rumah untuk tempoh 72 jam bermula dari 6 pagi, 5 Oktober 1952 dan berakhir pada 6 pagi, 8 Oktober 1952, kecuali antara pukul 10 pagi hingga 2 petang setiap hari. Tempoh 4 jam itu

membolehkan penghuni mendapatkan barang keperluan mereka.<sup>122</sup> Selain itu, hukuman berkurung dijatuhkan oleh Gerald Templer ke atas Kampung Baru Pekan Jabi, Segamat, Johor, bermula 1 November 1952. Arahan itu menyebabkan kampung tersebut mengalami perintah berkurung kawasan selama 18 jam dan perintah berkurung rumah selama 12 jam. Selain itu, penduduk kampung terpaksa membuat pagar baru untuk mempertahankan kampung mereka. Hukuman itu dijatuhkan berikutan kejadian tiga orang mata-mata khas dibunuh dan dua orang dicederakan oleh pengganas komunis.<sup>123</sup>

Selain itu, kampung lama dan Kampung Baru Pokok Sena, di utara Kedah dikenakan perintah berkurung dari 8.15 pagi hingga 10 pagi pada 29 April 1953. Tindakan itu dilakukan bagi membolehkan pihak berkuasa mendapatkan maklumat tentang kegiatan pengganas, pembekal makanan dan maklumat kepada pengganas komunis. Kertas soal selidik diedarkan dan dikumpulkan semula selepas kira-kira dua jam. Dalam tempoh tersebut, segala kenderaan diberhentikan di dua kampung berkenaan dan tindakan ini mengganggu kehidupan penduduk.<sup>124</sup> Sementara itu, pada 21 Jun 1953, perintah berkurung dikenakan serta-merta berikutan dengan penyerbuan Kampung Baru Kerling, Selangor dan pengambilan 11 pucuk senapang patah *Home Guard* oleh segerombolan pengganas komunis.<sup>125</sup> Pada 11 Ogos 1953, 22 jam perintah berkurung rumah dikenakan di Kampung Baru Pertang, kira-kira 61.15 kilometer (38 batu) dari Seremban, Negeri Sembilan. Selama sembilan hari penduduk kampung berkenaan terpaksa berada di dalam rumah sehingga pukul 2 petang 20 Ogos 1953. Hukuman ini dikenakan kerana pihak berkuasa mendapati penduduk membantu dan membekalkan makanan kepada penggaans komunis. Sebuah tempat menyimpan makanan pengganas dijumpai kurang dari 45.72 meter (50 ela) dari kampung itu. Di akhir perintah berkurung itu, tujuh lelaki dan empat wanita ditahan kerana disyaki memberi bantuan kepada pengganas komunis.<sup>126</sup> Manakala pada 22 Disember 1953, 50,000 orang yang tinggal di

kawasan Tanjung Rambutan dan Chemor, Perak, dikenakan arahan berkurung. Perintah itu mulai dari jam 5 petang hingga 6 pagi keesokan hari. Satu gerakan memeriksa barang-barang makanan dilancarkan di kawasan itu. Pegawai Jajahan Kuala Kangsar, Perak, berkata “Kami sedar atas kesusahan ini tetapi perintah itu terpaksa dilakukan kerana melawan pengganas dan saya yakin orang ramai akan bekerjasama.”<sup>127</sup>

Dalam kejadian lain, di Chemor, Ipoh, Perak, 15,000 penduduk diletakkan di bawah arahan berkurung 24 jam pada 9 Februari 1954 selama lima hari kerana penduduk didapati bekerjasama dengan pengganas komunis. Ini dapat dilihat melalui beberapa kejadian yang berlaku di kawasan Chemor. Sejak November 1953, pengganas komunis mengunjungi kawasan penanaman ubi kayu di kawasan itu sekurang-kurangnya 10 kali. Pada 9 Januari 1954 dan 28 Januari 1954, penduduk membantu pengganas komunis melepaskan diri dari serangan hendap pasukan keselamatan. Pada 29 Januari 1954, seorang pengganas komunis berjaya dibunuh dan dua lagi yang cedera dapat melarikan diri dengan dilindungi oleh penanam kawasan itu.<sup>128</sup> Arah perintah berkurung yang merangkumi sekurang-kurangnya 10,000 penduduk dalam kawasan bukit-bukau Pulau Pinang dikeluarkan berikutan pembunuhan seorang paderi oleh pengganas komunis pada 19 April 1954.<sup>129</sup> Kampung Baru Coldstream dan Kuala Bikam, Tapah, Perak, dikenakan perintah berkurung 24 jam mulai 1 September hingga 4 September 1954. Tindakan ini dilakukan agar membolehkan pihak berkuasa menjalankan pemeriksaan stok makanan dari rumah ke rumah kerana penduduk disyaki membantu komunis.<sup>130</sup> Nibong Tebal, Seberang Prai, dikenakan hukuman berkurung mulai dari 7 petang hingga 6 pagi, 29 November 1954 berikutan kejadian dua pengganas komunis mencederakan seorang inspektor polis pada 28 November 1954. Hukuman berkurung itu hanya ditamatkan pada 6 Disember 1954, setelah 52 orang ditangkap kerana didapati menyokong kegiatan pengganas komunis di kawasan itu.<sup>131</sup> Dua minggu perintah berkurung dari 7 petang

hingga 6 pagi (21 November–4 Disember 1954) dikenakan di lapan kawasan timur Alor Setar, Kedah, bagi membolehkan pihak polis memburu 30 penganas komunis yang dipercayai terlibat dalam pembunuhan dua polis dan mencederakan empat yang lain di Pokok Sena, Kedah pada awal bulan November 1954.<sup>132</sup>

Dalam perkembangan lain, mulai 4 Februari 1955, Kampung Baru Ampang, Ipoh, Perak, dikenakan perintah berkurung 20 jam sehari semalam akibat serang hendap penganas komunis ke atas tujuh anggota pasukan keselamatan. Perintah ini dibatalkan pada 10 Februari 1955. Ini telah menyukarkan penduduk kampung yang kebanyakan bekerja di kebun sayur. Mereka terpaksa merayu melalui MCA agar kerajaan memberi kelonggaran kepada mereka mengumpulkan hasil tuaian.<sup>133</sup> Penduduk Kulai, Johor, dikenakan perintah berkurung 22 jam sejak 22 April hingga 28 April 1955. Perintah ini dikenakan supaya membolehkan pihak polis dan tentera menyiasat kejadian pengambilan 28 pucuk senjata api dan peluru oleh penganas komunis di kawasan tersebut pada 21 April 1955.<sup>134</sup> Akibat daripada serang hendap komunis yang mengorbankan dua mata-mata khas pada 31 Mei 1955, perintah berkurung 24 jam dikenakan di Kampung Coldstream dan Kuala Bikam, Perak pada 31 Mei 1955. Perintah itu hanya dibatalkan pada 5 Jun 1955 setelah lapan keluarga dari Kampung Coldstream dan Kuala Bikam diarahkan berpindah.<sup>135</sup> Pada 12 Julai 1955, perintah berkurung rumah dikenakan di Kampung Batu Satu, berdekatan Temerloh, Pahang. Tindakan itu dilakukan agar membolehkan pasukan keselamatan menjalankan penyiasatan terhadap penduduk yang disyaki membantu komunis. Pasukan keselamatan menjumpai lebih kurang 1,814.35 kilogram (30 pikul) beras lebihan dari rumah dan kedai di kawasan itu.<sup>136</sup> Perintah berkurung 24 jam dikenakan di kawasan Bukit Mertajam, Seberang Prai dari 16 Julai 1955 hingga 21 Julai 1955 membolehkan pihak berkuasa memburu penganas komunis di kawasan itu.<sup>137</sup> Pada 29 November 1955, perintah berkurung dikenakan di Kampung

Simpang Pertang dan Pertang di kawasan Jelebu-Kuala Pilah, Negeri Sembilan bagi memudahkan operasi pasukan keselamatan memburu pengganas komunis yang bergerak aktif di kawasan itu.<sup>138</sup>

Sementara itu, Kampung Baru Langkap, Perak, dikenakan perintah berkurung 22 jam sehari semalam pada 15 Februari 1956 hingga 17 Februari 1956 berikutan pembunuhan enam anggota pasukan keselamatan dalam serang hendap komunis.<sup>139</sup> Dalam perkembangan lain, perintah berkurung dikenakan di beberapa tempat terpencil di Georgetown, Pulau Pinang dari pukul 11 malam hingga 5 pagi pada 4 Januari 1957. Kawasan yang terlibat ialah Jelutong, *Caunter Hall*, Kampung Dodol, Sungai Pinang, Jalan Free School, Batu Lanchang dan Jalan Perak. Tindakan itu berlaku akibat rusuhan yang dilakukan oleh pengganas komunis di mana dilaporkan berlaku 17 kejadian yang melibatkan 14 orang Melayu, lima orang Cina dan seorang India cedera. Sekolah ditutup dan semua lalulintas diberhentikan.<sup>140</sup> Kampung Baru Padang Lembu, Kedah, dikenakan perintah berkurung 24 jam pada 10 Jun 1958 agar membolehkan pihak berkuasa menjalankan pemeriksaan ke atas stok makanan berlebihan di kampung itu.<sup>141</sup> Dengan itu, jelas bahawa kerajaan mengenakan perintah berkurung sebagai cara untuk memutuskan hubungan pembekal dengan pengganas komunis dan juga membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan dengan lebih lanjut tentang pergerakan pengganas komunis di sesuatu kawasan. Tindakan kerajaan tersebut mendatangkan kesusahan kepada penduduk kawasan yang terlibat.

Perintah berkurung malam yang dikenakan oleh pihak kerajaan telah menghadkan pergerakan penduduk. Contohnya, perintah berkurung yang dikenakan di Kampung Petaling, Kuala Lumpur dari 7 petang hingga 6 pagi pada September 1952, mendatangkan kesulitan kepada penghuni kampung berkenaan. Antaranya, mereka menghadapi kesusahan mendapatkan rawatan ketika sakit pening dan ketika kaum wanita hendak

bersalin. Disebabkan perintah berkurung, bidan tidak dapat sampai di kawasan mereka. Dengan itu, terpaksa diambil wanita tua yang tidak berpengalaman untuk menggantikan bidan. Ini mendatangkan bahaya kepada wanita dan bayi yang baru dilahirkan. Penduduk kampung juga mengadu mereka tidak dapat menjalankan tanggungjawab mengerjakan “Fardu Kifayah” kerana tidak dapat sembahyang dan menggaji di surau akibat perintah berkurung. Begitu juga, penduduk kampung yang balik dari Kuala Lumpur atau Klang, Selangor, dengan bas tidak dapat balik ke rumah kerana bas tidak dibenarkan berhenti di Kampung Petaling lewat dari pukul 7 petang. Akibat daripada kesulitan yang dihadapi itu, penduduk Kampung Petaling merayu pihak berkuasa agar memindahkan tempoh perintah berkurung dari 7 petang ke 12 tengah malam hingga 6 pagi.<sup>142</sup>

Keadaan kesusahan yang dihadapi oleh penduduk juga dapat dilihat melalui kata-kata luahan daripada seorang suri rumah di Tanjung Malim, Perak, ketika perintah berkurung 22 jam sehari semalam dikenakan pada Mac 1952. Beliau cuba mendidik anak-anaknya kerana mereka tidak dapat pergi ke sekolah pada tempoh masa perintah berkurung dijalankan. Beliau mengatakan “I am giving the children writing exercise and sums to do. But I hope the curfew lifts soon because I’m running out of ideas and patience.” Sementara itu, seorang penduduk Melayu pula mengatakan bahawa kegiatan kehidupan terjejas dalam tempoh perintah berkurung seperti mereka tidak dapat sembahyang dengan sempurna.<sup>143</sup> Begitu juga, sejak perintah berkurung 24 jam dikenakan di kawasan Sungai Lembu, Bukit Mertajam, pada Jun 1954, ahli Majlis Daerah berkenaan menerima aduan dari empat pekebun kecil tentang kerosakan pokok buah-buahan mereka akibat tindakan pengganas komunis dan pasukan keselamatan dalam tempoh perintah berkurung itu.<sup>144</sup> Selain itu, petani di Kampung Seramin, Segamat, Johor, meninggalkan sawah padi dan hanya menumpukan perhatian kepada hasil getah

sahaja akibat perintah berkurung yang selalu dikenakan ke atas mereka. Tambahan pula, Undang-Undang Darurat yang memberi kuasa kepada kerajaan mengambil padi yang berlebihan dikenakan. Di kampung tersebut, kira-kira 80.94 hektar (200 ekar) sawah padi yang boleh menghasilkan lebih kurang 1,415.49 kilogram (400 gantang) padi bagi keluasan kira-kira 0.40 hektar (seekar) setahun telah terbiar.<sup>145</sup> Dengan itu, jelas bahawa langkah kerajaan mengenakan perintah berkurung membawa kepada perubahan tradisi kerja dan membawa kepada pembaziran. Perintah berkurung digunakan sebagai satu taktik untuk mengawal sesuatu kawasan tetapi jelas ia menyusahkan kehidupan penduduk.

Selain itu, arahan tutup kedai juga sering digunakan oleh pihak kerajaan dalam usaha mengelakkan bekalan makanan jatuh ke tangan pengganas komunis. *Emergency (Control of Shops in Specifical Areas) Regulations* dikuatkuasakan pada 21 Jun 1950.<sup>146</sup> Antaranya, Kampung Batu Sembilan, Hulu Langat, Selangor, dikenakan hukuman tutup kedai mulai dari 7 Julai 1950. Semua gerai dan kedai di kawasan itu diarahkan tutup, kecuali pukul 12 tengahari sampai pukul 2 petang. Tindakan itu diambil setelah pihak berkuasa mendapati bahawa kedai di kampung itu penuh dengan barang seperti makanan, kain baju dan ubat yang dikehendaki oleh pengganas komunis.<sup>147</sup> Dalam kes lain, oleh kerana didapati penduduk Kampung Serendah, Rawang, Selangor, membekalkan makanan kepada pengganas komunis, semua kedai di kampung itu ditutup mulai 8 Ogos 1950, kecuali 12 hingga 2 petang setiap hari.<sup>148</sup> Dalam perkembangan lain, semua kedai di Kampung Senai, Kulai, Johor, diarahkan tutup setiap hari bermula pada 19 Ogos 1950, kecuali 8.30 pagi hingga 11 pagi.<sup>149</sup> Kedai di kawasan Jemaluang, Johor, diarahkan tutup bermula pada 20 Ogos 1950, kecuali antara 2 hingga 4 petang setiap hari.<sup>150</sup> Arahan ini turut dikenakan di Cha'ah dan Bekok, Johor, bermula pada 10 September 1950, kecuali 2 hingga 4 petang. Arahan juga dikenakan di Bukit Pasir, Muar, Johor pada 15 September

1950, kecuali 2 hingga 4 petang dan di Bukit Bakri, Johor bermula pada 15 September 1950 setiap hari, kecuali 12 tengahari hingga 2 petang.<sup>151</sup> Begitu juga, arahan tutup kedai dikenakan ke atas semua kedai di Kampung Gelang Patah, Kampung Skudai, Kampung Batu 8½, Jalan Ayer Hitam, Kampung Batu 16 dan Kampung Hulu Choh di Jalan Pontian, Johor, bermula pada 9 Oktober 1950 setiap hari, kecuali 2 hingga 4.30 petang.<sup>152</sup> Sementara itu, semua kedai di Batang Melaka, Daerah Tampin, Negeri Sembilan, diarahkan tutup kecuali antara pukul 3 petang hingga 5 petang dari hari Isnin hingga Sabtu. Pada hari Ahad, semua kedai ditutup sepanjang hari. Arahan tutup kedai ini dikuatkuasakan mulai 2 November 1950.<sup>153</sup> Manakala, bermula pada 1 Disember 1950, enam kedai di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, diarahkan tutup untuk selamanya.<sup>154</sup>

Hukuman kolektif yang melibatkan penutupan kedai juga dikenakan ke atas tujuh kedai dan sebuah gerai menjual rokok di Pulau Pinang pada 9 Januari 1951. Kedai itu diarahkan menutup perniagaan mereka untuk sebulan, kecuali antara jam 12 tengahari dan 1 petang setiap hari. Pemilik dan pengurus kedai tersebut diminta untuk memberi alasan terhadap kegagalan mereka dalam memberi maklumat tentang kejadian tembak-menembak yang berlaku pada 4 Januari 1951 di Jalan Pasar. Dalam kejadian itu, Cheoh Hai Leng, Pengurus *Concord Advertising Bureau*, bersama seorang pemberita dari *Chinese Central News Agency*, mati ditembak oleh pengganas komunis di pejabat mereka.<sup>155</sup> Selain itu, seramai 120 penduduk di Bukit Selambau, Sungai Patani dan Sungkop, Alor Setar, Kedah, dikenakan hukuman tutup kedai oleh pihak berkuasa pada 29 Januari 1951. Arahan itu ditamatkan selepas tiga bulan. Kedai hanya dibenarkan bermiaga selama sejam sehari, iaitu antara pukul 1 hingga 2 petang dan penduduk dikenakan denda sejumlah \$25,000. Ini berikutan dengan kumpulan pengganas komunis yang muncul di kawasan itu tetapi tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa. Pada 1 Januari 1951, pengganas komunis melakukan serang hendap di kawasan berkenaan yang

mengorbankan dua mata-mata khas dan mencederakan tiga yang lain. Sejak darurat, berlaku 34 kes pembunuhan, rompakan dan keganasan di kawasan itu.<sup>156</sup> Begitu juga, arahan tutup kedai dikenakan di Kampung Bemban, Melaka, bermula pada 27 Februari 1951. Arahan itu merangkumi 30 kedai di kampung berkenaan. Kedai hanya dibenarkan bermiaga di antara pukul 3 hingga 4 petang.<sup>157</sup>

Selain itu, langkah kerajaan mengenakan catuan beras turut menyusahkan kehidupan penduduk, terutamanya mereka yang bekerja sebagai buruh. Contohnya, penduduk Pantai Beserah, Sungai Karang Cherating dan Sungai Ular, Kuantan, Pahang, berdepan dengan kebuluran kerana tidak diberi beras yang cukup untuk dimakan. Ini adalah akibat catuan beras yang dikenakan ke atas penduduk kawasan berkenaan. Catuan beras bagi kaum lelaki ialah 1.81 kilogram (tiga kat) seminggu, 1.51 kilogram (dua kat setengah) dan 1.21 kilogram (dua kat) seminggu masing-masing bagi wanita dan kanak-kanak. Jumlah beras ini adalah tidak mencukupi untuk mereka yang bekerja sebagai nelayan di laut pada siang dan malam. Kanak-kanak sekolah yang berulang alik ke Kuantan dengan bas dikatakan pucat mukanya kerana kadangkala terpaksa ke sekolah dengan perut kosong.<sup>158</sup> Begitu juga, terdapat aduan kelaparan daripada pekerja estet berbangsa India di Selangor akibat operasi catuan beras. Pekerja India yang secara umumnya, kurang terpengaruh dengan komunis berasa tidak puas hati akibat catuan beras. Mereka tertanya-tanya bahawa “How can you expect us to help the Government when they starve us?”<sup>159</sup> Dengan itu, adalah jelas bahawa sukar untuk memenangi hati dan fikiran penduduk apabila perut mereka kosong.

Pendek kata, darurat mengakibatkan kesusahan dan penderitaan hidup penduduk Tanah Melayu. Kekejaman komunis ditambah lagi dengan tindakan tegas kerajaan dalam membanteras kegiatan komunis meninggalkan kesan yang tidak mudah dilupakan oleh penduduk Tanah Melayu.

## Kehidupan di Kawasan Penempatan Semula

Setinggan Cina, khasnya, adalah masalah terbesar dalam usaha menentang pengganas komunis. Setinggan membantu komunis kerana mereka adalah sebangsa dan adakalanya diugut untuk berbuat demikian. Ada di antara penduduk setinggan bersimpati dengan komunis lalu mereka membantu komunis baik dari segi keperluan hidup atau maklumat. Tidak kurang juga ada yang menghulurkan bantuan kerana terdapat ahli keluarga atau saudara mara yang berada dalam hutan berjuang bersama-sama dengan komunis. Justeru itu, rancangan penempatan semula di kampung baru diperkenalkan dengan tujuan untuk memutuskan hubungan antara penduduk khasnya setinggan Cina dengan pengganas komunis dalam hutan. Di bawah rancangan itu, setinggan Cina dilindungi oleh pasukan keselamatan daripada ancaman komunis.<sup>160</sup> Dengan cara itu, kerajaan dapat menyekat pengganas komunis berhubung dengan penduduk tempatan, sambil meneruskan gerakan tentera bagi menghancurkan pengganas komunis. Di bawah rancangan penempatan semula, penduduk setinggan terpaksa meninggalkan hasil pertanian, tanah dan sumber pendapatan mereka. Pemindahan dari kawasan asal mereka juga merupakan satu proses yang sukar kerana melibatkan semua anggota keluarga; lelaki, wanita, orang tua dan kanak-kanak, termasuk juga ayam, itik dan binatang ternakan. Akibatnya, ramai daripada penduduk berkenaan terutamanya orang tua enggan berganjak dan terpaksa diangkat secara kekerasan oleh pihak berkuasa. Sementara itu, dalam kampung baru, mereka terpaksa mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan dan keadaan persekitaran. Mereka dipindahkan dari kawasan lapang luas ke kawasan yang dikelilingi pagar kawat yang dijaga oleh pengawal sepanjang siang dan malam. Dalam pada itu, komuniti kampung baru terpaksa berdepan dengan berbagai masalah dalam kehidupan mereka, termasuklah masalah kekurangan makanan, kekurangan tanah pertanian, tanah yang kurang subur untuk penanaman, taraf kesihatan

yang rendah, masalah kerja dan kebebasan pergerakan harian terbatas kerana sekatan kerajaan. Dalam hal ini, *Sing Pin Jih Pao* bertarikh 30 September 1953 membuat ulasan bahawa perlaksanaan rancangan kampung baru selalunya membawa penduduk berdepan dengan kemiskinan seperti terpaksa meninggalkan tanah pertanian dan binatang ternakan; mengalami penurunan dalam hasil tanaman dan mempengaruhi rezeki penduduk.<sup>161</sup>

Pada peringkat awal, penempatan semula mendatangkan banyak gangguan kepada ekonomi pertanian. Perpindahan petani dari kawasan penanaman mereka ke kampung baru menyebabkan pengurangan dalam pengeluaran sayur, binatang ternakan dan hasil getah. Hal ini dinyatakan dalam akhbar *Modern Daily News* bertarikh 26 Januari 1949:

Perpindahan penduduk luar bandar secara besar-besaran yang sedang dijalankan, akan mengurangkan hasil pengeluaran dari kebun-kebun getah, kerana penduduk luar bandar pernah menyumbang dalam penghasilan bahan makanan secara besar-besaran, dan juga banyak kebun getah mengupah mereka untuk kerja-kerja di ladang atau kebun.<sup>162</sup>

*The Malaya Tribune (Singapore)* bertarikh 29 Januari 1951, menyatakan setinggan Cina membentuk tulang belakang dalam hasil pertanian negara.<sup>163</sup> *Notes on Future Colonies Development and Welfare Needs of Federation of Malaya* turut menyatakan setinggan merupakan satu elemen penting dalam ekonomi negara kerana mereka adalah sumber tenaga buruh dan sumber penghasilan bahan makanan.<sup>164</sup> Sementara itu, *The China Press* bertarikh 1 Jun 1949, melaporkan penduduk luar bandar mempunyai pengaruh besar dalam pembekalan makanan dan perkembangan ekonomi Tanah Melayu kerana mereka terlibat secara beramai-ramai dalam penanaman sayur. Tetapi sekarang mereka terpaksa mengubah keadaan hidup dan meninggalkan kesan ke atas semangat dan kebendaan penduduk.<sup>165</sup> Mereka bertambah miskin setelah perpindahan sebagaimana yang dinyatakan dalam *The China Press*, 17 Februari 1953.<sup>166</sup> Begitu juga, akhbar *The Malay Mail*, 12 Jun 1952 mencatatkan bahawa:

Re-settlement has had its economic impact upon Malayan life. The interruption of agricultural pursuits which was caused by the movement of peasants to new areas has resulted in a decline in production of foodstuffs and a concomitant increase of costs to the consumer, ...<sup>167</sup>

Penduduk yang berpindah itu meninggalkan pekerjaan asal mereka sebagai penternak, penanam sayur, seperti yang berlaku di Salak South, Selangor dan di Sri Lalang, Kluang, Johor. Sedangkan selama ini setinggan di Johor adalah pengeluar utama sayur, telur dan babi, bukan sahaja kepada negeri jiran tetapi juga untuk eksport. Di sesetengah negeri, seperti Perak, setinggan dapat memperolehi sebanyak \$1,000 setahun bagi 1.21 hektar (tiga ekar) ladang yang diusahakannya sebelum rancangan penempatan semula.<sup>168</sup> Sebelum darurat, Kampung Sungai Pelek, Selangor, adalah pengeluar babi terbesar di Selangor di mana kampung itu dapat mengeksport 200 ekor babi sehari tetapi dengan berlakunya darurat jumlah eksport telah jatuh kepada 20 ekor sehari.<sup>169</sup> Surat Presiden MCA cawangan Kapar, Selangor, Lee Choon Ngam, meminta supaya penduduk yang ditempatkan di Pandamaran, Selangor, yang kebanyakan orang Cina dipindahkan ke Kampung Kapar, Selangor, dalam kawasan yang dipagari kawat berduri. Dengan itu, mereka dapat kembali menoreh getah dan menanam sayuran pada setiap pagi dan pulang ke Kapar pada petang. Ini kerana adalah sukar bagi mereka bergerak dengan bas atau basikal dari kampung Pandamaran ke Kapar setiap hari.<sup>170</sup>

Di samping itu, kedudukan kampung baru lebih didasarkan kepada kepentingan pertahanan atau keselamatan daripada kepentingan ekonomi dan pertanian. Biasanya, kampung baru diselenggarakan dalam kawasan yang bersaiz seminimum yang mungkin untuk memudahkan langkah keselamatan dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan.<sup>171</sup> Hal ini turut dinyatakan dalam laporan yang disusun atas arahan Pesuruhjaya Tinggi Jeneral Templer mengenai *Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya 1952* sebagai:

Largely owing to the speed and urgency with which resettlement had to be carried out in its initial stages in certain parts of the Federation new villages were not always sited in areas where land was adequate in extent or suitable in character for farming. The primary need at that time was security and whether the village had a sound agricultural economy and sufficient land within a reasonable walking distance was a secondary consideration.<sup>172</sup>

Oleh itu, tapak kampung baru tidak diberi perhatian yang wajar. Ini menyebabkan sesetengah kampung baru didirikan di tapak yang tidak sesuai seperti bekas lombong, kawasan paya atau pasir dan menyusahkan kehidupan penghuninya. Contohnya, Kampung Batu Rakit di Terengganu ditempatkan di kawasan berpasir;<sup>173</sup> Kampung Baru Jemaluang, Johor, ditapakkan di lereng bekas lombong dan Kampung Abdullah, Johor, didirikan di kawasan paya. Manakala penduduk Kampung Baru Mahsan, Negeri Sembilan, terpaksa mencari nafkah hidup mereka di kawasan lalang yang terbiar. Begitu juga, daripada laporan mengenai kawasan penempatan semula Paya Mengkuang, Melaka, didapati penanaman padi, ubi kayu dan ubi kentang sukar diusahakan kerana keadaan darurat dan masalah perparitan. Akibatnya, sesetengah penanam terpaksa meninggalkan kawasan mereka.<sup>174</sup> Keadaan di atas turut ditegaskan oleh Mejar Jeneral Fonblanque, Inspektor Jeneral *Home Guard* yang membuat lawatan ke kampung baru di Tanah Melayu. Beliau mendapati bahawa “ . . . too many New Villages in which living conditions are shocking and the economy such as to produce a borderline existence.”<sup>175</sup> Misi dari *The World Bank* pada tahun 1954, melaporkan bahawa “some of the New Villages were badly sited and had no economic future”.<sup>176</sup> Akibat daripada keadaan itu, penduduk terpaksa menanggung penurunan hasil pendapatan dan bertindak menghantar ahli keluarga untuk mencari kerja di tempat lain. Mereka yang secara turun-temurun bergantung hidup kepada penanaman tidak menerima baik tindakan kerajaan menempatkan semula penduduk di kampung baru kerana mereka dihalang daripada menjalankan kegiatan seperti biasa dan berlaku pengurangan dalam pendapatan. Namun

demikian, mereka tiada pilihan dan terpaksa menerima langkah kerajaan tersebut. Ini mengakibatkan mereka menerima pendapatan yang sentiasa tidak mencukupi, apalagi bagi membayai persekolahan anak mereka di sekolah kampung.<sup>177</sup>

Di Negeri Sembilan, MCA cawangan Kuala Pilah, meminta agar petani Cina berjumlah 700 keluarga yang dipindahkan ke dua kawasan di Bahau, Negeri Sembilan, diperuntukkan tanah pertanian yang subur. Dengan itu, petani dapat memperolehi hasil yang baik dan kestabilan hidup dapat dikecapi.<sup>178</sup> Begitu juga, keadaan penghuni Kampung Baru Manong Seberang, Perak, yang diarahkan berpindah ke Sungai Durian sebelum 1 November 1954 kerana kerajaan bertindak memusnahkan kawasan mereka. Alasan pihak kerajaan bertindak sedemikian adalah kerana kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, kesihatan, elektrik dan air di Manong Seberang. Sebaliknya, kemudahan itu ada disediakan di Sungai Durian. Alasan lain ialah untuk tujuan keselamatan di mana penganas komunis didapati bergiat di pinggir hutan berdekatan dengan Kampung Baru Manong Seberang. Namun demikian, Sungai Durian hanya merupakan tanah tandus yang sukar untuk mencari nafkah hidup berbanding dengan tanah di Manong Seberang yang subur dan sesuai untuk penanaman. Ini menyebabkan 2,000 daripada 5,000 penduduk mengambil keputusan meninggalkan Sungai Durian.<sup>179</sup> Keadaan tersebut cenderung dalam melahirkan kekecewaan dan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk. Dengan itu, penduduk lebih mudah dipengaruhi oleh komunis.

Masalah kekurangan makanan juga berlaku akibat daripada rancangan penempatan semula. Satu contoh yang dapat dilihat ialah di Pulai Bahru, Kelantan. Penduduknya mengalami kegagalan dalam mengusahakan pertanian seperti padi, sayur dan ubi kerana tanah yang tidak subur dan kerap berlaku banjir. Keadaan ini menyebabkan hasil makanan tidak mencukupi sehingga mereka terpaksa berhadapan dengan masalah kebuluran pada tahun 1956.<sup>180</sup> Di Kampung Baru Tiang Dua, Melaka,

78 keluarga menghadapi kesukaran menanam sayur kerana ketiadaan bekalan air yang mencukupi dan kawasan itu juga menghadapi hakisan yang teruk.<sup>181</sup> Akibat daripada kekurangan makanan, catuan beras dilakukan oleh pihak kerajaan, di samping sebagai langkah mengelakkan beras sampai ke tangan komunis. Catuan beras dikurangkan separuh daripada biasa untuk seorang lelaki dewasa (1.81 hingga 2.12 kilogram atau bersamaan tiga hingga tiga setengah kati seminggu) dan 1.51 kilogram (dua setengah kati) bagi wanita dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Beras catuan itu boleh dibeli dari sebuah kedai kampung yang berlesen.<sup>182</sup>

Selain itu, darurat menyebabkan pengurangan keluasan tanah dan hasil pengeluaran. Kawasan pertanian berkurangan daripada kira-kira 38,739.76 hektar (95,727 ekar) pada hujung tahun 1948 kepada 27,302.41 hektar (67,465 ekar) pada hujung tahun 1951.<sup>183</sup> Hal ini antara lainnya disebabkan penempatan di kampung baru dan pembukaan tanah baru tidak dapat dilakukan kerana bimbang terhadap ancaman dan serangan pengganas komunis. Berdasarkan statistik rasmi British di Tanah Melayu, pengeluaran beras jatuh daripada 457,221,150 kilogram (450,000 tan) pada musim 1949/50 kepada 332,247,369 kilogram (327,000 tan) pada musim 1951/52, iaitu pengurangan sebanyak 27%.<sup>184</sup> Import sayuran segar bertambah daripada 7,443,560.32 kilogram (7,326 tan) pada tahun 1948 kepada 12,883,475.96 kilogram (12,680 tan) pada tahun 1951 atau peningkatan sebanyak 73%. Sementara itu, eksport sayuran segar dari negeri-negeri di selatan Tanah Melayu ke Singapura menurun daripada 278,684.87 kilogram (4,608 pikul) pada tahun 1945 kepada 74,207.10 kilogram (1,277 pikul) pada April 1951 atau pengurangan sebanyak lebih dua pertiga. Eksport babi ke Singapura juga jatuh daripada 115,400 ekor pada tahun 1949 kepada 37,542 ekor pada tahun 1951, termasuk 25,000 ekor yang dieksport dalam enam bulan pertama tahun 1951.<sup>185</sup> Keadaan

ini dinyatakan dalam memorandum Pesuruhjaya Tinggi Henry Gurney, bertarikh 21 Jun 1951:

Due to the resettlement of squatters and regrouping of labour, the production of local pigs, poultry and vegetables is very seriously affected. The prices of local vegetables have risen sky high; the most inferior vegetables, costing 2 cents a katty pre-war, is now 45 cents to 50 cents a katty.<sup>186</sup>

Oleh itu, kesan seterusnya ialah harga barang-barang makanan semakin bertambah dan kos hidup meningkat.<sup>187</sup> Hal ini diulas dalam *Manchester Guardian*, bertarikh 26 Jun 1952 sebagai:

The acreage under food crops, other than rice, has fallen by one-third. The cost of food-stuffs has risen: supplies of fresh vegetables, pigs, and poultry have been short, and there has been an increase in vegetable imports from abroad.<sup>188</sup>

Keadaan ini merumitkan lagi kehidupan penduduk pada zaman yang genting itu. Di Pulau Pinang, misalnya, harga 0.60 kilogram (sekati) daging yang tidak bertulang adalah \$2.40 pada lewat September 1950 berbanding dengan \$3.40 pada 20 September 1951. Harga ikan juga meningkat dalam tempoh masa yang sama. Misalnya, 0.60 kilogram (sekati) Ikan Chencharu berharga \$0.60 pada September 1950, tetapi harga 0.60 kilogram (sekati) pada September 1951 adalah \$1.00. Begitu juga, harga sayuran semakin meningkat. Pada September 1950, harga 0.60 kilogram (sekati) halia ialah \$0.70, manakala harga pada September 1951 ialah \$0.80. Harga kacang panjang adalah \$0.30 pada September 1950 dan harganya menjadi \$0.40 pada September 1951. Selain itu, didapati harga barang keperluan harian yang lain, antaranya, gula, beras, buah-buahan, makanan dalam tin, telur dan lain-lain turut meningkat.<sup>189</sup>

Dalam pada itu, didapati bahawa kebanyakan harga sayuran di Pahang adalah lebih tinggi daripada di Kelantan kerana aktiviti pengganas komunis adalah lebih ketara di Pahang berbanding dengan Kelantan. Keadaan tersebut dapat dilihat melalui Jadual 3 dan 4. Antaranya, harga 0.60 kilogram (sekati) timun di Kelantan ialah \$0.10, di Pahang

pula harganya ialah \$0.30; 0.60 kilogram (sekati) halia di Kelantan berharga \$0.40 dan \$0.60 di Pahang; di Kelantan 0.60 kilogram (sekati) kangkung berharga \$0.10 tetapi di Pahang berharga \$0.20; harga 0.60 kilogram (sekati) lada merah di Kelantan ialah \$0.55, manakala di Pahang harganya ialah \$0.60; harga 0.60 kilogram (sekati) lada hijau di Kelantan ialah \$0.35 dan harganya di Pahang ialah \$0.40; harga peria ialah \$0.35 bagi 0.60 kilogram (sekati) di Kelantan dan \$0.50 di Pahang.

**Jadual 3**  
**Senarai Harga Sayur-Sayuran di Kelantan Pada September 1954**

<b>Jenis Sayur-Sayuran</b>	<b>Harga (Sekati)*</b>
Peria	\$0.35
Labu (Bujur)	\$0.20
Terung	\$0.15
Tauge	\$0.15
Chekok Manis	\$0.15
Timun	\$0.10
Kubis (Bulat)	\$0.70
Kubis (Panjang)	\$0.80
Lada (Merah)	\$0.55
Lada (Hijau)	\$0.35
Kacang Panjang	\$0.30
Kacang Bonchis	\$0.60
Halia	\$0.40
Kacang Bendi	\$0.20
Kangkung	\$0.10
Sawi	\$0.30
Labu	\$0.25
Lobak	\$0.65
Bayam	\$0.25
Keledek (Diimport)	\$0.30
Ubi Kayu	\$0.10
Keledek	\$0.15
Keladi	\$0.35

\*Sekati adalah bersamaan dengan lebih kurang 0.60 kilogram.

**Sumber:** Senarai Harga Sayur-Sayuran yang disediakan oleh A. Aziz Ja'afar, Penolong Pegawai Maklumat Negeri Kelantan, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 572/1954, Vegetable Prices.

**Jadual 4**  
**Senarai Harga Sayur-Sayuran di Kuantan, Pahang Pada September 1954**

Jenis Sayur-Sayuran	Harga (Sekati)*
Peria	\$0.50
Labu Air	\$0.15
Chekok Manis	\$0.10
Terung Ungu	\$0.20
Terung Putih	\$0.30
Touge Kasar	\$0.20
Touge Halus	\$0.20
Timun	\$0.30
Lada Merah	\$0.60
Lada Hijau	\$0.40
Kacang Bonchis	\$0.60
Kacang Panjang	\$0.20
Halia	\$0.60
Kangkung	\$0.20
Kacang Bendi	\$0.20
Salad	\$0.40
Sawi	\$0.30
Kundur	\$0.20
Keledek	\$0.10
Lobak	\$0.30
Bayam	\$0.10
Ubi Kayu	\$0.10
Tomato	\$0.60

\*Sekati adalah bersamaan dengan lebih kurang 0.60 kilogram.

**Sumber:** Senarai Harga Sayur-Sayuran yang disediakan oleh Ng Cheow Yen, Pegawai Maklumat Kawasan, Kuantan, Timur Pahang, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 572/1954, Vegetable Prices.

Penempatan semula turut mengakibatkan perubahan dalam struktur ekonomi negara. Dianggarkan hampir tiga perlima daripada penduduk yang dipindahkan ke kampung baru adalah petani. Antara mereka, kebanyakan adalah pekebun sayur dan penternak binatang.<sup>190</sup> Perpindahan mereka dari penghidupan asal bersama-sama dengan tapak penempatan semula yang tidak sesuai untuk pengeluaran hasil pertanian,<sup>191</sup> memaksa sebahagian besar daripada mereka bertukar pekerjaan. Contohnya, kajian ke atas 132 rumah di Kampung Baru Salak South, Selangor, pada tahun 1953, menunjukkan

dua pertiga daripada mereka tidak lagi menjalankan penghidupan bertani. Keadaan yang sama juga berlaku di Kampung Baru Sri Lalang, Johor. 16% daripada penduduknya adalah petani pada ketika mereka berpindah ke kawasan itu, tetapi tiada di kalangan mereka yang menjadi petani pada tahun 1962.<sup>192</sup> Secara keseluruhannya, di kampung baru, peratusan petani telah jatuh dari anggaran 60% pada tahun 1950 kepada 27% pada tahun 1952. Manakala mereka yang kerja makan gaji di sektor getah dan timah meningkat dari kira-kira 25% kepada 55% dalam tempoh masa yang sama (1950-1952).<sup>193</sup> Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa penempatan semula memaksa penduduk meninggalkan bukan sahaja tanah, rumah, harta benda tetapi juga tanaman dan ternakan. Akibatnya, majoriti penduduk kampung baru bertukar kepada pekerjaan yang bukan berasaskan pertanian. Lebih-lebih lagi, peningkatan permintaan timah dan getah pada zaman Perang Korea,<sup>194</sup> menyediakan peluang pekerjaan yang luas dalam industri getah kepada penduduk kampung baru. Pada tahun 1952, di Tanah Melayu hanya 27% penduduk kampung baru yang terlibat dalam pertanian, manakala 52% dalam industri getah, 3% industri timah dan 7% bekerja sebagai pembantu kedai dan 11% mengambil bahagian dalam kerja-kerja lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Namun demikian, dengan berakhirnya Perang Korea, harga timah dan getah mula menurun. Dengan itu, wujud masalah pengangguran di kalangan penghuni kampung baru. Berdasarkan perangkaan Jabatan Buruh, sehingga November 1953, pengangguran di kampung baru mencapai 16,573 orang. Kebanyakan mereka adalah orang Cina dan adalah pekerja lombong di Perak. Keadaan ini berlaku berikutan penutupan 50 lombong Cina di Perak dan 10% daripada pekerja lombong timah kehilangan kerja.<sup>195</sup>

**Jadual 5**  
**Kumpulan Pekerjaan Penduduk Kampung Baru Pada Tahun 1952**

Negeri	Jumlah Penduduk	Pertanian (%)	Getah (%)	Timah (%)	Pembantu Kedai (%)	Lain-Lain (%)
Johor	130,612	19	59	-	13	9
Melaka	9,555	35	37	0.4	9.6	-
Negeri Sembilan	30,294	29	46	3	8	14
Selangor	97,346	24	47	7	7	15
Perak	206,900	27	46	8	7	12
Kedah	22,522	-	-	-	-	-
Pulau Pinang	10,717	25	63	-	7	5
Perlis	682	60	20	-	10	10
Pahang	50,233	24	59	1	2	14
Terengganu	1,495	62	35	-	2	1
Kelantan	12,560	-	-	-	-	-
Malaya	572,917	27	52	3	7	11

**Sumber:** Kernal Singh Sandhu, "Emergency Resettlement In Malaya", *The Journal of Tropical Geography*, Vol. 18, 1964, hlm. 179. Rujuk juga Ray Nyce, *Chinese New Villages In Malaya: A Community Study*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1973, hlm. LIX.

Penempatan semula di kampung baru juga mengakibatkan pengangguran. Berikutan pemindahan dan penempatan semula di kampung baru, penduduk yang bekerja di ladang tidak lagi dapat meneruskan pekerjaan mereka dan anggota keluarga mereka terpaksa menganggur. Mereka juga terpaksa meninggalkan tanaman yang tidak sempat dipetik. Kaum lelaki harus mencari pekerjaan yang membawa pendapatan jauh lebih rendah daripada apa yang mereka perolehi sebelumnya. Akibatnya, moral mereka terjejas dan mereka terpaksa mengalihkan perhatian kepada cara lain untuk mendapatkan nafkah hidup. Keadaan ini menyebabkan sesetengah penduduk kampung enggan berpindah dan merayu agar mereka dikekalkan di tempat asal dan bercadang akan memelihara keselamatan kampung mereka sendiri. Ini dapat dilihat melalui rayuan penduduk Kampung Serdang, Selangor, bahawa kampung mereka harus dipagari daripada

dirobohkan. Lagipun, majoriti penduduk telah memiliki tanah sendiri di kampung berkenaan. Sejak darurat, hanya beberapa kejadian pengganas komunis berlaku di kawasan itu. Penduduk kampung meminta mereka dibenarkan terus tinggal di situ dan mereka sedia membayar kos memagari kawasan berkenaan serta menyusun pasukan pengawal kampung untuk mempertahankan kampung mereka.<sup>196</sup>

Di kawasan penempatan semula Sungai Udang, letaknya sepanjang Jalan Melaka-Port Dickson, Negeri Sembilan, penduduk menghadapi masalah kecurian sayuran dan hasil ternakan kerana pihak berkuasa tidak bertindak untuk memagari kawasan pertanian mereka walaupun telah diminta oleh penduduk sejak sebelum mereka berpindah ke situ. Oleh itu, mereka mengambil inisiatif sendiri dan memagari kawasan itu. Namun demikian, pada 9 Oktober 1951, pasukan polis di bawah pimpinan seorang pegawai Eropah masuk ke kawasan ternakan mereka. Setelah melepaskan binatang ternakan termasuk babi, lembu dan kerbau, kawasan penternakan itu dibakar. Penduduk terpaksa menanggung kehilangan 25 ekor lembu/kerbau, 48 babi dan 38 ekor anak babi.<sup>197</sup>

Masalah ekonomi bercampur dengan berbagai sekatan keselamatan yang dikenakan telah menyusahkan kehidupan harian penduduk kampung baru. Kehidupan penduduk setinggan mengalami perubahan berbanding dengan keadaan sebelum perang. Dalam tahun-tahun perang, terdapat peningkatan penghuni di kawasan luar bandar akibat pentadbiran tentera Jepun. Akibat daripada kekerasan dan penindasan yang dihadapi, lahir rasa kebencian yang meluas di kalangan penduduk luar bandar terhadap pentadbiran Jepun dan mula memberi sokongan kepada MPAJA. Bagaimanapun, pengisytiharan Undang-Undang Darurat diikuti dengan rancangan penempatan semula telah mengubah keadaan itu. Sejak itu, kehidupan harian setinggan yang ditempatkan di kampung baru adalah dikawal oleh pihak berkuasa. Perubahan ini mendatangkan kesusahan dan dianggap sebagai satu kesakitan atau ‘luka’ yang tidak dapat dielakkan oleh penduduk

kampung baru. Ini dapat dilihat melalui berbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan dalam usaha memerangi komunis. Pada Jun 1951, semua kawasan penempatan semula yang wujud dan yang akan wujud digelar *Food Restricted Centre*. Di bawah peraturan ini, semua pekedai terpaksa menghadkan stok barang kawalan seperti padi, plastik, kasut, ubat, kain, garam, lada dan bateri. Mereka harus membuka semua bahan makanan dalam tin sebelum dijual dan memastikan barang-barang hanya dijual kepada penduduk yang memiliki kad pengenalan yang sah.<sup>198</sup> Pergerakan yang melibatkan barang-barang tersebut hanya dibenarkan pada siang hari dari pukul 7 pagi hingga 7 petang, dan hanya dibenarkan kepada mereka yang memiliki permit sah. Untuk mengelakkan pergerakan haram barang tersebut, sekatan jalan sering diadakan. Hampir kesemua kampung baru dikenakan perintah berkurung kawasan antara 7 petang hingga 6 pagi keesokannya dan penghuni dikehendaki berada dalam rumah antara 10 malam hingga 5 pagi.<sup>199</sup> Ini menyusahkan penghuni kampung baru untuk mengerjakan tanah secara efisen dan sekaligus menyekat kebebasan mereka. Perintah berkurung juga menghadkan kegiatan kebudayaan masyarakat Tanah Melayu. Selain itu, perintah berkurung kadangkala juga dikenakan di luar tempoh yang ditetapkan. Misalnya, pada 7 September 1953, tiga kampung baru di Johor, iaitu Senai, Saleng dan Seelong dikenakan perintah berkurung rumah bagi membolehkan pemeriksaan stok makanan harian di rumah dan kedai oleh pegawai pemeriksa makanan. Perintah berkurung ditamatkan apabila operasi memeriksa makanan selesai pada tengahari berkenaan.<sup>200</sup> Arahan ini mesti dipatuhi oleh kesemua penduduk kampung baru. Sekiranya ia diingkari, pihak keselamatan berhak menangkap dan menjatuhkan hukuman ke atas mereka yang terlibat. Oleh itu, perintah berkurung sering menimbulkan ketakutan dan kesengsaraan kepada mereka. Pembinaan pagar kawat berduri di sekeliling kawasan perumahan, kawalan dan peraturan tertentu oleh pasukan keselamatan ke atas penduduk di kampung baru turut menimbulkan perasaan

tidak senang dan ketidakselesaan hidup penduduk. Sebahagian besar penduduk di situ merasakan seolah-olah diri mereka berada di dalam kawasan tahanan.

Bagi mereka yang bergantung hidup kepada estet getah, kebun kecil atau lombong timah, sekatan perintah berkurung kawasan yang dikenakan pada 7 malam hingga 6 pagi keesokan hari menimbulkan rasa tidak senang di kalangan penoreh, pelombong dan pekebun. Kelewatan pemeriksaan keselamatan di pintu pagar kampung dan masa yang diperlukan untuk bergerak ke tempat kerja telah menyulitkan kehidupan dan menghadkan pendapatan mereka. Penoreh getah terpaksa menunggu sehingga tamat perintah berkurung pada 6 pagi sebelum berjalan kaki ke tempat kerja. Dengan itu, mereka sampai lewat ke tempat kerja, iaitu pada 7.30-8.00 pagi. Keadaan ini menimbulkan kesukaran dalam menjalankan kerja-kerja menoreh kerana susu getah tidak dapat keluar dengan baik. Oleh itu, hasil dan pendapatan mereka terjejas. Di Kampung Baru Serting Hulu, Negeri Sembilan, misalnya, pekerja membina serambi di sekeliling rumah kongsi yang digunakan sebagai tempat berjalan-jalan dan berbual-bual pada waktu perintah berkurung tanpa melanggar Undang-Undang Darurat. Perintah berkurung tidak disukai oleh pekerja dan majikan yang mengadu bahawa kerja penorehan awal pagi tidak dapat dilakukan dan mengakibatkan pengeluaran berkurangan dan pendapatan menurun.<sup>201</sup>

Sekatan makanan di kawasan penempatan semula menghalang pekerja dan pelajar yang bekerja dan belajar di bandar berdekatan membawa bersama bekalan makanan tengahari. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian dan tenaga dalam kegiatan masing-masing. Pelajar tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka. Buruh pula mendapati amat sukar untuk menahan kelaparan dari 6 pagi hingga petang menyebabkan mereka tidak dapat bekerja dengan bersungguh-sungguh. Dengan itu, produktiviti pekerja menurun di antara 10% hingga 15% dan seterusnya gaji yang mereka perolehi pun berkurangan. Pengeluaran getah jatuh dari

708,184,759 kilogram (697,000 tan) pada tahun 1948 kepada 613,590,783.3 kilogram (603,900 tan) pada tahun 1951; 591,948,982.2 kilogram (582,600 tan) pada tahun 1952 dan 582,194,931 kilogram (573,000 tan) pada tahun 1953. Begitu juga, hasil timah berkurangan walaupun ia tidak seserius getah. Pengeluarannya menurun dari 58,930,726 kilogram (58,000 tan) pada tahun 1950, 58,086,390.94 kilogram (57,169 tan) pada tahun 1951 kepada 56,898,632 kilogram (56,000 tan) pada tahun 1952.<sup>202</sup> Keadaan ini mengakibatkan peningkatan kos hidup dan pengurangan pendapatan individu dan negara. Dengan itu, lahirlah ketidakpuasan hati dan kemarahan di kalangan masyarakat di pusat penempatan semula. Kehidupan adalah amat sukar, pada awal pagi bermula dengan beratur di pintu pagar dan menunggu giliran pemeriksaan untuk keluar bekerja. Pada masa pulang dari kerja, dalam keadaan kelaparan dan keletihan kerana tidak makan tengahari, mereka perlu sekali lagi melalui pemeriksaan untuk beberapa jam di pintu pagar kampung.<sup>203</sup> Selain itu, orang Cina yang bekerja di kawasan hutan kayu balak tidak dibenarkan meninggalkan makanan untuk penyembahan tuhan dalam hutan. Begitu juga, penduduk kampung dilarang membawa makanan ke kawasan perkuburan untuk disembahkan kepada nenek moyang pada Hari *Ching Ming* (Hari Pemujaan Roh Nenek Moyang).<sup>204</sup> Dengan itu, jelas bahawa pemeriksaan keselamatan dan kawalan makanan bukan sahaja mengubah tabiat kerja dan makan serta kerugian dari segi pendapatan, tetapi juga amalan beragama.

Untuk mencegah bekalan beras daripada jatuh ke tangan pengganas komunis di hutan, Pertubuhan Penyekat Makanan Darurat (*Emergency Food Denial Organization*) memperkenalkan Dapur Umum<sup>205</sup> kepada penduduk kampung baru dan kawasan pengumpulan semula sebagai sebahagian daripada program Gerakan Kelaparan pada Mei 1954.<sup>206</sup> Program ini diketuai oleh M.C. ff. Sheppard,<sup>207</sup> penasihat British Negeri Sembilan. Ia bertujuan untuk memutuskan kemungkinan pengganas komunis

memperolehi bekalan makanan. Cara Dapur Umum itu dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja Perang di tiap-tiap jajahan dan kampung. Program itu mula diperkenalkan di Negeri Sembilan<sup>208</sup> dan seterusnya di Yong Peng, Johor; Sungai Siput, Perak serta Semenyih di Selangor yang merupakan kawasan yang aktif menyokong pengganas komunis.<sup>209</sup> Di bawah program itu, semua beras untuk kampung tertentu atau beberapa kampung dimasak di sebuah dapur yang diatur oleh kerajaan. Penghuni kampung dikehendaki membeli nasi dari Dapur Umum yang dibina oleh pihak berkuasa pada setiap waktu makan. Nasi tidak dapat disimpan lama dan cepat busuk, maka tidak akan jatuh ke tangan komunis. Ini menyebabkan perniagaan jual-beli beras yang belum dimasak dilarang. Melalui Dapur Umum, banyak perniagaan yang berkaitan dengan penjualan beras di kampung baru terpaksa diberhentikan.

Bagaimanapun, program ini tidak disukai oleh penduduk kerana ia menyusahkan kehidupan mereka. *Sin Chew Jit Poh*, 5 Julai 1957, melaporkan penduduk di kawasan Cameron Highlands, Pahang, mengadu program Dapur Umum tidak sesuai untuk mereka yang menjalankan kegiatan penanaman dan hidup secara serba ringkas, apabila program itu dirancangkan pada penghujung tahun 1957.<sup>210</sup> Selain itu, kesusahan yang dihadapi akibat langkah tersebut dapat dilihat melalui surat Ho Kam Fook, Penolong Pegawai Penempatan Semula, Kampung Baru Bemban, Batu Gajah, Perak, bertarikh 4 Februari 1958 kepada Pegawai Daerah Kinta, Perak. Antara lain, beliau merayu:

I beg to apply for permission to purchase weekly 18 katies [10.88 kilograms] of uncooked rice from the main store in Bemban as from the 10<sup>th</sup> February 1958 so as to enable my family to cook our own rice. The reason is we take our meals at noon and the rice cooked at the Central Kitchen is early in the morning at 5 a.m. Therefore when we have our meals at noon the rice will be hard and cold.<sup>211</sup>

Di Kampung Baru Gunung Rapat, Ipoh, Perak, misalnya, penduduk membantah program tersebut dan menyifatkannya tidak akan mencapai tujuan yang dikehendaki dan sebagai usaha yang sia-sia. Langkah itu mengganggu pengusahaan pertanian penduduk yang

kebanyakannya adalah petani.<sup>212</sup> Pada 20 Januari 1959, sekali lagi penduduk Kampung Baru Gunung Rapat mengadu nasi dari Dapur Umum berbau hangus dan program itu menimbulkan kesulitan kepada mereka yang bekerja sebagai petani, di mana nasi yang diperolehi dari Dapur Umum itu cepat basi dan tidak dapat dimakan pada tengahari.<sup>213</sup> Walaupun program itu kemudian ditarik balik dari Kampung Baru Gunung Rapat pada 20 April 1959, tetapi ia menimbulkan banyak kesusahan dan kerugian kepada penduduk. Mereka terpaksa hadir di Dapur Umum memperolehi nasi pagi dan malam; kadangkala pula memperolehi nasi yang belum masak penuh atau hangus dan basi; harga bayaran nasi dari Dapur Umum juga lebih mahal daripada mereka masak sendiri.<sup>214</sup>

Penempatan semula telah menimbulkan berbagai reaksi di kalangan mereka yang terlibat. Tidak dapat dinafikan ramai berasa lega dengan keselamatan kampung yang dipagari dengan kawat berduri, tetapi itu diimbangi dengan kemarahan ke atas gangguan berpanjangan seperti perintah berkurung dan sekatan darurat. Pendek kata, langkah menempatkan semula penduduk mendatangkan kesukaran dan mengganggu kehidupan mereka.

Dalam pada itu, penduduk kampung baru lebih menunjukkan ciri hidup yang berkelompok-kelompok. Mereka lebih cenderung kepada penghuni yang berpindah dari kawasan yang sama dengan mereka. Terdapat aduan bahawa sejak penempatan semula, penduduk di sesetengah kampung baru seperti di Titi, Jelebu, Negeri Sembilan, kurang bekerjasama dan berpusat kepada keluarga sendiri serta lebih individualistik.<sup>215</sup> Keadaan ini akan menyulitkan hasrat penyatuan dan persefahaman yang diharapkan di kalangan penghuni di kampung baru. Walaupun kemudahan asas<sup>216</sup> disediakan di kampung baru sebagai cara memenangi hati dan sokongan penduduk kampung baru, tetapi sebahagian besar kemudahan itu seperti sekolah, padang permainan dan pusat komuniti seolah-olah hanya dibekalkan kepada golongan muda. Penghuni dewasa sama ada tidak berminat

mengambil bahagian dalam kegiatan lain atau kurang peduli tentangnya kerana terlalu letih selepas menghadapi kerja harian. Bagaimanapun, mereka marah kepada keadaan sekeliling kampung dan tekanan ke atas mereka akibat daripada berbagai langkah yang diambil oleh kerajaan.<sup>217</sup>

Selain itu, penduduk kampung baru juga berhadapan dengan masalah kesihatan, terutamanya tahun-tahun sebelum 1954. Antara sebab yang menyebabkan masalah kesihatan ialah ketiadaan bekalan air yang bersih di beberapa pusat penempatan semula dan pengurusan najis yang tidak cekap. Kerisauan juga dinyatakan terhadap ketidakcukupan perkhidmatan perubatan di kawasan penempatan semula. Walaupun terdapat perkhidmatan dispensari bergerak, namun sesetengah kakitangannya tidak sudi untuk mengembara di kawasan yang mempunyai rekod keganasan komunis yang tinggi. Pada Julai 1952, Timbalan Pengarah Operasi Darurat melaporkan bahawa banyak kampung baru tidak pernah nampak dispensari bergerak. Bahkan di pusat yang menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk kampung baru berdekatan pula kekurangan kakitangan perubatan untuk membekalkan penjagaan kesihatan kepada penghuni kampung baru.<sup>218</sup> Di Kampung Baru Pandamaran, Selangor, misalnya, akibat kekurangan doktor dan jururawat, kerap berlaku dan meningkatnya penyakit malaria, disenteri dan beri-beri. Dilaporkan terdapat ramai wanita dan kanak-kanak yang sakit kerana tiada kemudahan perubatan yang lengkap di kampung itu.<sup>219</sup> Begitu juga, walaupun ada dispensari yang didirikan di Luak Johol, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, tetapi penduduk sering mengadu kekurangan ubat atau tidak ada ubat suntikan dan vitamin serta pil-pil lain.<sup>220</sup> Bagaimanapun, pada akhir tahun 1951, \$355,581 telah diperuntukkan untuk tujuan menyediakan kemudahan kesihatan di kawasan penempatan semula. Ini termasuklah menyediakan 32 dispensari statik, 49 bilik rawatan dan pemeriksaan, 29 dispensari bergerak, 25 pembantu hospital, 23 pekerja yang menjaga kebersihan di

hospital, enam inspektor kesihatan dan 156 pekerja pembasmi malaria.<sup>221</sup> Angka ini mungkin tidak begitu berkesan berbanding dengan jumlah kampung baru lebih 400 buah sehingga tahun 1952. Bilangan dispensari statik di kampung baru bertambah dari 32 pada hujung tahun 1951 kepada 172 pada hujung tahun 1954. Pada masa yang sama, lebih 500 pusat kebajikan bayi dan klinik kecil telah didirikan dan bilangan dispensari bergerak bertambah dari 29 kepada 75. Bantuan berharga juga datang dari 22 pasukan *St. John Ambulans* dan 28 pasukan Palang Merah yang mana ahli-ahli didatangkan dari Britain dan Australia. Pasukan ini melawat kawasan luar bandar, membahagikan masa mereka di antara kampung baru dan kampung Melayu. Namun demikian, perkhidmatan kesihatan dan perubatan lambat untuk sampai di kebanyakan kampung baru. Malah, sehingga tahun 1959, dianggarkan hanya 10% daripada kampung baru di seluruh negara memiliki klinik, 67% mendapat kemudahan perubatan dan kesihatan melalui klinik bergerak dan 23% langsung tidak memperolehi perkhidmatan perubatan. Contohnya, di Perak, pada tahun 1959, hampir satu pertiga daripada kampung baru tidak mendapat perkhidmatan kesihatan dan perubatan.<sup>222</sup>

Selain orang Cina yang ditempatkan semula di kampung baru, orang Melayu dikumpulkan di kawasan penempatan semula. Tindakan ini turut membawa kesulitan kepada komuniti Melayu. Ini kerana orang Melayu biasanya tinggal dalam rumah yang didirikan di tanah milik sendiri. Mereka juga memiliki tanaman atau sawah masing-masing. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai sumber bantuan sebagaimana yang disalurkan oleh MCA kepada setinggan Cina.<sup>223</sup> Langkah mengumpulkan semula orang Melayu dilakukan selepas tahun 1952. Jawatankuasa Kerja Perang Daerah yang memutuskan penduduk di sesuatu kawasan tertentu harus dikumpulkan berdekatan dengan jalan utama atau berhampiran dengan stesen polis bagi mendapatkan perlindungan keselamatan. Biasanya, penduduk Melayu yang terlibat akan diberitahu dan diberi \$100

sebagai kos pemindahan. Di Johor, kira-kira 8,000 orang Melayu yang tinggal di kawasan terpencil dikumpulkan semula kerana terdapat tanda yang menunjukkan pengganas komunis cuba mendapatkan sokongan daripada orang Melayu yang tinggal di kawasan terpencil.<sup>224</sup> Antaranya, orang Melayu di kawasan pengumpulan semula di Paya Panjang, letaknya di Batu 9 Jalan Muar-Panchor, berdekatan dengan Tangkak, Johor, diarahkan berpindah. Ini kerana kawasan Paya Panjang adalah tempat persembunyian pengganas komunis. Namun demikian, tiada rumah dan tanah pertanian yang disediakan oleh kerajaan. Mereka hanya dikumpulkan di bekas estet getah. Keluarga yang terlibat memohon bantuan kerajaan dan mereka diberi \$100 setiap keluarga. Pembinaan rumah bagi setiap keluarga menelan kos antara \$300 hingga \$600. Penduduk menghadapi masalah seperti penyakit kulit kerana kekurangan perkhidmatan kesihatan.<sup>225</sup> Di samping itu, penduduk Melayu di Kampung Merapoh di selatan Pahang/Kelantan juga menghadapi kesusahan. Mereka berdepan dengan kebuluran kerana tidak dapat menanam padi dengan sempurna memandangkan mereka tinggal jauh dari sawah padi dan kawasan mereka dipagari kawat berduri.<sup>226</sup> Selain itu, kira-kira 600 orang ditempatkan semula di Kampung Kuala Paya, mukim Buluh Kasap, Segamat, Johor, menderita kerana bekalan air tidak mencukupi. Pihak berkuasa tidak menyediakan perigi sebelum mereka diarahkan berpindah ke situ pada November 1953.<sup>227</sup> Dalam perkembangan lain, arahan memindahkan 164 keluarga Melayu dari Kampung Bukit Kerayong, Kuala Selangor ke Jeram, Selangor, menimbulkan kebimbangan di kalangan penduduk. Ini kerana Jeram letaknya jauh dari ladang kopi mereka di Bukit Kerayong dan ini menyulitkan mereka bekerja di ladang kopi mereka. Kebimbangan ini akhirnya membawa kepada timbulnya rayuan supaya mereka dibenarkan terus tinggal di Bukit Kerayong dan mereka sedia membentuk pasukan *Home Guard* untuk menjaga keselamatan kampung mereka.<sup>228</sup> Begitu juga, keadaan penduduk kampung Melayu di mukim Jabur dan Nyalas, Melaka,

amat menyediakan dan tiada pihak yang tampil ke depan membela nasib mereka. Walaupun ada ketua Pemuda UMNO Melaka dan ahli jawatankuasa yang datang ke situ memberi syaran tetapi mereka cuma turut rasa sedih dan simpati sahaja.<sup>229</sup> Penduduk Parit Sulong, Johor, terpaksa merobohkan rumah mereka dan menjual tanaman untuk berpindah ke tempat yang tidak jauh dari Parit Sulong atas arahan pihak berkuasa. Langkah itu diambil kerana penduduk disyaki bekerjasama dengan penganas komunis.<sup>230</sup> Begitu juga, kesukaran hidup dihadapi oleh penduduk Melayu yang diarahkan berpindah dan diletakkan di Kampung Sepinang, mukim Buluh Kasap, Segamat, Johor, sejak tahun 1951. Luas tempat tumpangan mereka itu hanya lebih kurang 5.66 hektar (14 ekar), sedangkan penduduk berjumlah 400 orang dan 84 buah rumah didirikan dalam keadaan yang sangat sempit. Keadaan rumah yang rapat menyebabkan mereka menderita kerana penyakit berjangkit.<sup>231</sup> Sementara itu, keadaan orang Melayu yang ditempatkan di Pekan Sari, Benta, Mentakab, Pahang adalah amat menyediakan dan diumpamakan sebagai “duduk dalam reban ayam” oleh akhbar *Utusan Melayu*.<sup>232</sup> Begitu juga, nasib 600 orang Melayu Kampung Cheruk Kudong, Kota Setar, Kedah, diarahkan berpindah kerana darurat. Langkah kerajaan itu mendatangkan kesusahan kepada penduduk. Mereka terpaksa meninggalkan rumah, kampung halaman dan tanaman. Sebuah masjid dan sekolah Melayu terpaksa ditutup. Dengan itu, anak-anak mereka yang lebih kurang 150 orang tidak dapat bersekolah. Oleh itu, mereka merayu kepada Pegawai Daerah Kota Setar, Kedah, agar mereka dibenarkan terus tinggal di Kampung Cheruk Kudong dan berjanji bekerjasama sepenuh dengan pihak kerajaan dan pasukan keselamatan.<sup>233</sup> Di samping itu, 30 keluarga Melayu yang berjumlah 120 orang di kawasan pengumpulan semula Kemubu di Hulu Kelantan, Kelantan, menghadapi kebuluran kerana mereka tidak mempunyai beras dan tidak ada punca pendapatan tetap untuk membeli beras.<sup>234</sup> Orang Melayu yang dikumpulkan semula di Kampung Laloh,

Rambi dan Bahria berserta penduduk Kampung Manik Urai, Teiniang, Manjur dan Karangan di Kelantan mengalami kesusahan mendapat air untuk kegunaan harian kerana kedudukan sungai yang jauh dari kampung mereka. Malahan mereka terpaksa menggunakan air sungai yang kurang bersih setiap hari dan menanggung risiko terkena penyakit berjangkit.<sup>235</sup> Pada Januari 1953, penduduk Melayu Kampung Baru Sungai Merbau, berhampiran dengan Tanjung Malim, Perak pula merayu supaya sebuah sekolah Melayu didirikan dengan segera kerana terdapat kira-kira 120 orang kanak-kanak dalam kampung itu yang tidak bersekolah.<sup>236</sup> Keadaan di kawasan penempatan semula orang Melayu itu telah menimbulkan kebimbangan sesetengah pihak. Antaranya, wakil Perikatan UMNO-MCA kawasan Muar, Johor, Sulaiman Ninang Shah menyeru agar kerajaan menyiasat tentang penderitaan hidup penduduk Melayu yang dipindahkan dan ditempatkan semula itu. Ini kerana beliau bimbang orang Melayu yang tidak berpuas hati itu mungkin berpaling tадah dan bekerjasama dengan pengganas komunis.<sup>237</sup> Jelas bahawa tindakan kerajaan mengumpulkan semula penduduk Melayu merumitkan kehidupan mereka. Mereka terpaksa berdepan dengan masalah kerja, kesihatan, tempat tinggal dan bantuan kerajaan yang terhad.

Sejak darurat, selain mengumpulkan orang Cina dan orang Melayu yang tinggal di kawasan terpencil, langkah juga diambil untuk membawa keluar Orang Asli dari hutan. Mereka dikumpulkan dalam satu kawasan yang senang dikunjungi oleh pasukan keselamatan dan pegawai pentadbir. Namun demikian, langkah ini kurang mendapat sambutan daripada Orang Asli. Di Pahang, contohnya, Orang Asli yang dikumpulkan di Kampung Hulu Kali Baru, walaupun tanah disediakan untuk bercucuk tanam, namun mereka berasa kurang selesa dengan kehidupan yang tidak bebas. Menurut Batin Sendang, ketua Orang Asli di situ, hidup di hutan tidak mengalami sakit-sakit berbanding tinggal di rumah seperti rumah orang Melayu; lebih-lebih lagi tiada sesiapa yang

mengganggu tempat nenek moyang dan keturunan mereka dalam hutan. Menurutnya lagi, dalam hutan makanan senang diperolehi tetapi dalam kawasan penempatan semula, mereka tidak dapat merasai lagi daging tupai, kera dan burung.<sup>238</sup> Tambahan pula, dikatakan kawasan penempatan semula Orang Asli terletak di kawasan merebaknya penyakit malaria dan kawasan lapang yang terlalu panas. Keadaan ini menimbulkan kemarahan Orang Asli kerana mereka berdepan dengan kadar kematian yang tinggi. Perkara ini dapat dilihat melalui surat seorang pegawai kerajaan, Zainal Abidin dari Kuala Lumpur kepada Engku Uda di Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan Tanah Melayu. Surat yang bertarikh 27 April 1950 itu mencatatkan keadaan Orang Asli di kawasan penempatan semula sebagai:

... in many cases there resettled Aborigines are most unhappy. Their health has deteriorated alarmingly and their death rates are abnormally high. In one instance it was discovered that the children had no milk supplied and it was necessary for some to be sent for immediately from the neighbouring "kedai". In some cases the settlements were sited in malaria areas; in others they were sited completely in the open so that they found the place too hot; and in yet some others the food supplied are unbalanced or very poor.<sup>239</sup>

Sejak awal tahun 1950-an, di kem penempatan semula Orang Semai di Bukit Bentong, Pahang, 24 orang mati dan dijangkakan 217 penduduk mempunyai hayat usia kurang daripada 50 tahun. Pada tahun 1951, dilaporkan bahawa kadar kematian di sebuah kem besar di Pahang mencapai 204 orang per seribu dan timbul kerisauan akan kepupusan kumpulan berkenaan.<sup>240</sup> Dengan itu, dapat dilihat bahawa usaha mengumpulkan semula Orang Asli mendatangkan kesusahan dan membataskan kegiatan mereka.

Oleh itu, dapat dikatakan darurat menyebabkan penduduk Tanah Melayu, terutamanya mereka yang berada di kawasan penempatan semula hidup dalam keadaan yang susah. Makanan tidak mencukupi, kerja susah dilakukan, pendapatan berkurangan, tiada penjagaan kesihatan yang sewajarnya, pergerakan dan kegiatan sosial disekat. Malahan, mereka terpaksa menyesuaikan cara hidup mereka dengan keadaan sekitar yang

baru. Begitu juga, peraturan darurat yang dikenakan oleh pihak kerajaan terpaksa diterima tanpa pilihan. Dalam kata lain, tabiat harian termasuklah makan, kerja dan pengamalan agama serta kepercayaan terpaksa diubah. Dalam hal ini, akhbar *The China Press*, bertarikh 11 Ogos 1957, menyatakan untuk penduduk melupakan kesukaran yang mereka hadapi dalam rancangan penempatan semula itu memerlukan masa yang panjang. Kemudahan kesihatan, majlis kampung dan dewan orang ramai yang ditubuhkan itu tidak dapat menggantikan masalah kekurangan tanah pertanian dan kerugian harta benda yang penduduk hadapi. Akhbar itu seterusnya menyatakan langkah memindahkan dan menempatkan semula penduduk dijalankan kerana keperluan keadaan semasa dan untuk kepentingan negara sahaja.<sup>241</sup> Perubahan yang mendarangkan kesulitan kepada penduduk itu kemudiannya menjadi salah satu sebab komunis berjaya mendapat sokongan berterusan dan rekrut baru daripada penduduk Tanah Melayu, khususnya penghuni kampung baru.<sup>242</sup> Keadaan ini turut dinyatakan dalam Kertas Putih Kerajaan No. 33, 1952:

This battle has been made the more difficult because the undoubtedly relief that many settlers felt in the comparative security of the wired-in villages was, in many cases, offset by the resentment they felt over the disruption of their lives. Some preferred their previous life of insecure freedom to the new conditions of more security and undoubtedly restrictions and were prepared to transfer their anger from the communists who were the prime cause to the Government which was the immediate agent of their discomfort. The Communists have not been slow to exploit this situation.<sup>243</sup>

Pendek kata, rancangan penempatan semula telah mengubah kehidupan kira-kira 650,000 penduduk Tanah Melayu. Daripada kumpulan manusia yang terbiar dan berselerak, mereka dipaksa berpindah ke kawasan baru. Perpindahan itu sekaligus meminta mereka belajar dan menerima arahan pihak berkuasa yang sebelum ini tidak diketahui oleh mereka.

<sup>1</sup> "It is contemplated that these will be imposed only in well defined and comparatively small areas where the inhabitants have clearly failed to do their duty either by not preventing the commission of crimes when they could or by failing to assist the police in discovering the culprits." *Straits Echo & Times of Malaya*, 14 December 1950, hlm. 4; 19 December 1950, hlm. 1. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1950*, hlm. 11; High Commissioner's Address To The Legislative Council To Be Delivered on 25<sup>th</sup> November 1953, hlm. 5, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council. Rujuk juga *Kin Kwok Daily News*, 19 December 1950, hlm. 6; 27 November 1953, hlm. 1; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 19 December 1950, hlm. 5; 28 November 1952, hlm. 5; *Chung Shing Jit Pao*, 21 March 1953, hlm. 7; *The Malay Mail*, 11 December 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 19 December 1950, hlm. 1. *Collective Punishment* diluluskan oleh kerajaan British pada November 1950 dan diumumkan pada 19 Disember 1950. Hukuman yang serupa pernah digunakan di India, Palestine, Cyprus dan Afrika Timur. Hukuman ini hanya dimansuhkan oleh pihak berkuasa di Tanah Melayu pada 25 November 1953. *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 26 November 1953, hlm. 5; 27 November 1953, hlm. 1; *Sing Pin Jih Pao*, 28 November 1953, hlm. 6; *The Malay Mail*, 25 November 1953, hlm. 1. Rujuk juga T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 156-157; *Straits Echo & Times of Malaya*, 19 December 1950, hlm. 1.

<sup>2</sup> *Emergency Regulation 17D* (E.R. 17D) diterbitkan pada 10 Januari 1949. Antara Januari hingga Oktober 1949, operasi di bawah E.R. 17D ini telah dijalankan di 16 kawasan di Tanah Melayu. Akibatnya, seramai 6,343 lelaki, wanita dan kanak-kanak ditahan oleh pihak berkuasa. Antaranya, operasi dijalankan di Sungai Jeloh dan Sungai Siput, Perak, pada 11 Januari 1949. Seramai 564 orang ditahan dalam operasi ini. Pada 19 Januari 1949, E.R. 17D dilaksanakan di Hylam Kang, Johor dan 651 orang ditahan. Seramai 1,135 penduduk ditahan dalam operasi yang dijalankan di Temiang/Sikamat, Negeri Sembilan pada 6 dan 8 Februari 1949. Di Batu Caves, Selangor, 437 orang ditahan pada 24 Februari 1949. Operasi yang dijalankan di Bekok, Johor pada 8 Mac 1949 berjaya menahan 300 penduduk. Pada 25 Mac 1949, 658 penduduk ditahan di Sintok, Kedah dan 280 ditahan di Sinkang, Jementah, Johor pada 11 April 1949. Di Pulai, Kelantan, sejumlah 126 orang ditahan pada 19 Mei 1949. Pada 23 Mei 1949, seramai 258 orang ditahan di Merapoh, Pahang. Di Damak, Pahang, 273 orang ditahan pada 8 Jun 1949. Manakala seramai 276 orang ditahan di Hong Fatt San dan Kemayan, Pahang pada 12 Jun 1949. Pada 21 Ogos 1949, 404 orang ditahan oleh pihak berkuasa di Bertam Valley, Cameron Highlands, Pahang. Di Kanching, Selangor pula, seramai 271 orang ditahan pada 24 Ogos 1949. Di Baling, Kedah, 462 orang ditahan di bawah peraturan ini pada 27 Ogos 1949. Sementara itu, seramai 60 orang ditahan di Sungai Long, Kajang, Selangor, pada 31 Ogos 1949 dan 188 orang ditahan di Paya Sat, Mentakab, Pahang, pada 10 Oktober 1949. No. 14 of 1950, Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, The Squatter Problem In The Federation of Malaya In 1950, hlm. 2 dan 7, dalam Fail Setiausaha Agung UMNO, UMNO/SG No. 19/1950, Usaha2 Persekutuan China Malaya (M.C.A.) Berkanaan Orang2 China Menduduki Tanah Kerajaan. E.R. 17D yang dilaksanakan di 16 kawasan di Tanah Melayu pada tahun 1949 turut dinyatakan dalam Julian Paget, *Counter-Insurgency Campaigning*, hlm. 54; John Coates, *Suppressing Insurgency: An Analysis of The Malayan Emergency, 1948-1954*, hlm. 87. Selain itu, operasi yang dijalankan ke atas 10 kampung di selatan Johor pada November 1956 berjaya menahan seramai 278 penduduk yang disyaki menyokong komunis. Jerry M. Tinker & Andrew R. Molnar, John D. LeNoir, *Strategies of Revolutionary Warfare*, hlm. 319. Terdapat sumber yang menyatakan bilangan penduduk Tanah Melayu yang ditahan berjumlah 5,097 orang pada tahun 1949, meningkat kepada 11,000 orang pada tahun 1951 dan kemudian berkurangan kepada 2,000 orang pada tahun 1954. Rujuk Cheah Boon Kheng, "Some Aspects of The Malayan Emergency: 1948-1960", hlm. 120. Menurut Karl von Vorys, *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability In Malaysia*, hlm. 86, menyatakan sejumlah 29,828 orang penduduk Tanah Melayu ditahan oleh pihak berkuasa antara Jun 1948 hingga Mac 1953.

<sup>3</sup> Terdapat dua jenis perintah berkurung, iaitu perintah berkurung rumah dan perintah berkurung kawasan. Tujuannya untuk mengawal pergerakan penduduk dan memudahkan pihak berkuasa memburu komunis. Pada zaman darurat, perintah berkurung lazim dikenakan antara jam 7 malam hingga 6 pagi keesokan hari dan penghuni terpaksa berkurung dalam rumah. Namun demikian, terdapat juga kelonggaran pada sesetengah kawasan di mana penghuni dibenarkan bergerak dalam kawasan berpagar sehingga 9 atau 10 malam. DEF. 6470/52, Curfew, hlm. 1, dalam Pejabat Daerah/Tanah Kroh, Perak, D.O.U.P.(K), 233/48, Curfew For Kroh Sub-District.

<sup>4</sup> *Malayan Monitor*, Vol. 5, No. 6, June 1952, hlm. 4, dalam C.O. 1022/119/SEA57/4/02, *Malayan Monitor*. Pada Mei 1951, semua penduduk Pulai, Kelantan diarahkan berpindah memandangkan Pulai adalah di bawah dominasi komunis. Mereka diarahkan berpindah ke Kuala Terengganu. J.R.H. Burns, Chief Police Officer, Kelantan, to The District Officer, Ulu Kelantan, Kuala Krai, 2 November 1955, dalam

Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kelantan Sect. Secret No. 2/54, The Transfer of Communist Terrorist Relations Between States and Settlements.

<sup>5</sup> Translation From An Extract From A Norwegian Newspaper, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 14; *Daily Worker*, 8 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation & Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 27.

<sup>6</sup> Jumlah beras yang dijumpai di Poh Lee San, Johor Bahru, Johor, dikatakan lebih daripada 1,016.05 kilogram (setan). Selain itu, turut dijumpai peluru, bom tangan, bahan peletup, peralatan, selimut, satu set wayarles, bendera Rusia, sastera berunsur komunis, minyak kelapa, ikan kering dan sebagainya. *The Straits Times*, 13 October 1948, hlm. 1.

<sup>7</sup> *The Singapore Free Press*, 3 February 1949, hlm. 1.

<sup>8</sup> *Nanyang Siang Pau*, 5 November 1948, hlm. 7; *The Malay Mail*, 4 January 1948, hlm. 5.

<sup>9</sup> Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30<sup>th</sup>, 1949, hlm. 7, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30<sup>th</sup>, 1949, hlm. 7, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30<sup>th</sup>, 1949, hlm. 7, dalam Fail Pejabat Daerah Segamat, A.O.S. 99/1949, Chronology of Important Events During The Emergency During The Period June 1948 To June 1949; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 10 November 1948, hlm. 1. Lihat juga Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, hlm. 163-165; Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 162-164; Oong Hak Ching, *Chinese Politics In Malaya 1942-55*, hlm. 169. Terdapat sumber yang menyatakan sebanyak 61 rumah di Kampung Kachau, Kajang, Selangor dibakar pada 2 November 1948. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, penduduk kampung hanya diberi sejam notis untuk berpindah pada awal pagi dan tidak dapat menyelamatkan harta benda peribadi. Lihat Cheong Yoke Choy kepada Setiausaha Hal-Ehwal Orang Cina, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, 11 November 1948, dalam Fail Jabatan Perdana Menteri (Hal-Ehwal Orang Cina), C/229/48, The Burning Down of 61 Houses in Kachau Village. Rujuk juga *Nanyang Siang Pau*, 5 November 1948, hlm. 7. Untuk pembakaran Kampung Kachau, lihat juga *The Singapore Free Press*, 28 January 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 7 December 1948, hlm. 4; 28 January 1949, hlm. 1.

<sup>10</sup> *Daily Worker*, 22 November 1948, dalam C.O. 717/210/52849/3, Law and Order, hlm. 47.

<sup>11</sup> *The Malay Mail*, 7 February 1949, hlm. 5; 8 February 1949, hlm. 5; 9 February 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 7 February 1949, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 7 February 1949, hlm. 8.

<sup>12</sup> *The Malay Mail*, 9 June 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 9 June 1949, hlm. 1.

<sup>13</sup> *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 14 June 1949, hlm. 7; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 14 June 1949, hlm. 2.

<sup>14</sup> Mawai dibuka sebagai pusat kehidupan manusia pada tahun 1949 di Kota Tinggi, Johor. Daripada 427.06 hektar (1,080 ekar) kawasan yang diperuntukkan kepada penghuni, kira-kira 383.65 hektar (948 ekar) telah diterokai dan ditanam. Sebuah sekolah untuk 200 kanak-kanak juga dibuka dan sebatang jalan dibina melalui kawasan ini. *The Straits Times*, 1 November 1951, hlm. 7. Lihat juga *Times*, 1 November 1951, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatters In Malaya, hlm. 228; *Sing Pin Jih Pao*, 30 November 1949, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 30 November 1949, hlm. 6; *Indian Daily Mail*, 29 November 1949, hlm. 4; *The Singapore Free Press*, 29 November 1949, hlm. 6. Pada permulaannya, MCA tidak setuju kawasan itu dijadikan kawasan penempatan semula dengan beberapa alasan. Pertama, tanah kurang subur dan menyukarkan kegiatan penanaman. Kedua, kawasan itu terletak berhampiran dengan hutan. Ketiga, perlindungan yang mencukupi tidak disediakan kepada penghuni kawasan itu. Namun demikian, ia tetap dibuka sebagai kawasan penempatan. Perkara ini ada dinyatakan oleh Tan Cheng Lock dalam suratnya kepada Menteri Besar Johor, bertarikh 30 Oktober 1951, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatters In Malaya, hlm. 224. Rujuk juga *Nanyang Siang Pau*, 7 November 1951, hlm. 1.

<sup>15</sup> *Straits Echo & Times of Malaya*, 2 November 1951, hlm. 7; *The Straits Times*, 1 November 1951, hlm. 1. Untuk penutupan Mawai, lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 29 October 1951, hlm. 4; 6 November 1951, hlm. 3.

<sup>16</sup> Tan Cheng Lock kepada Menteri Besar Johor, bertarikh 30 Oktober 1951, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatters In Malaya, hlm. 225. Lihat juga *The China Press*, 29

October 1951, hlm. 3; 2 November 1951, hlm. 1; *Sing Pin Jih Pao*, 29 October 1951, hlm. 6; *Straits Echo & Times of Malaya*, 29 October 1951, hlm. 1; *Nanyang Siang Pau*, 22 December 1948, hlm. 1; 7 November 1951, hlm. 1; 9 November 1951, hlm. 6; 7 December 1951, hlm. 1; *The Straits Times*, 1 November 1951, hlm. 1; *Times*, 1 November 1951, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatters In Malaya, hlm. 228.

<sup>17</sup> SP. 18/9C/219, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 12, 1957, hlm. 11; Translation From An Extract From A Norwegian Newspaper, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 14; *Daily Worker*, 8 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 27; *The Malay Mail*, 7 November 1951, hlm. 7; 8 November 1951, hlm. 6. Rujuk juga Karl von Vorys, *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability In Malaysia*, hlm. 86. Selain Tras, penduduk di tiga kawasan penempatan lain, iaitu Sempang, Sungai Chetang dan Tranum yang berdekatan dengan tempat Henry Gurney dibunuh juga dikenakan perintah berkurung selama 48 jam, bermula pada 6 pagi 10 Oktober 1951. Tujuan tindakan ini ialah membolehkan pihak kerajaan memburu penganas komunis yang bertanggungjawab dalam kejadian serang hendap yang berlaku pada 6 Oktober yang mengorbankan Pesuruhjaya Tinggi British, Henry Gurney. *The Straits Times*, 11 October 1951, hlm. 8.

<sup>18</sup> P.R. 71/51, Talking Point No. 54/51, Tras Village, 1951-Why It Was Moved, dalam Fail Pejabat Daerah Johor Bahru, D.O.J.B. 176/1951A, Dissemination of Facts and Advices During The Present Emergency; *The Straits Times*, 8 November 1951, hlm. 1 dan 4; *Kin Kwok Daily News*, 8 November 1951, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 8 November 1951, hlm. 7; *Indian Daily Mail*, 8 November 1951, hlm. 4; *The Malay Mail*, 8 November 1951, hlm. 6. Rujuk juga Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 195; Translation From An Extract From A Norwegian Newspaper, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 14; *Times*, 8 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 24; *Evening Standard*, 7 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 28. Antaranya, pada 1 Februari 1950, empat penduduk termasuk seorang wanita dan kanak-kanak dibunuh oleh penganas komunis di Kampung Tras, Pahang dan dua orang mengalami kecederaan. Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 3, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period January To June 1950, hlm. 3, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency. Lihat juga Tras Village-Why It Was Moved (Tulisan Jawi), dalam Fail Pejabat Daerah Temerloh, Pahang, Temerloh 306/48 (Pt. III), Dissemination of Facts and Advice During The Present Emergency To The Malays In Rural Areas.

<sup>19</sup> *The Straits Times*, 8 November 1951, hlm. 1 dan 4. Perkara ini turut dinyatakan dalam akhbar *Kin Kwok Daily News*, 8 November 1951, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 8 November 1951, hlm. 7.

<sup>20</sup> Ini dapat dilihat melalui sepuak surat yang dijumpai dalam badan seorang lelaki yang cuba melepaskan diri daripada kepungan pasukan keselamatan di Tras pada hari Henry Gurney dibunuh. Surat itu ditujukan kepada penduduk Tras yang bersimpati dengan komunis dan penganas turut meminta makanan, ubat dan duit daripada penduduk. Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 195.

<sup>21</sup> SP. 18/9C/219, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 12, 1957, hlm. 11.

<sup>22</sup> *The Straits Times*, 8 November 1951, hlm. 1 dan 4; *Nanyang Siang Pau*, 9 November 1951, hlm. 6; *Kin Kwok Daily News*, 14 March 1952, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 8 November 1951, hlm. 7; 9 November 1951, hlm. 6; *The Malay Mail*, 7 November 1951, hlm. 7; 8 November 1951, hlm. 7; SP. 18/9C/219, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 12, 1957, hlm. 11-12; Translation From An Extract From A Norwegian Newspaper, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 14; *Times*, 8 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 24; *Daily Telegraph*, 8 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 25-27; *News Chronicle*, 8 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 26; *Evening Standard*, 7 November 1951, dalam C.O. 1022/133/SEA66/67/01, The Evacuation and Detention of The Inhabitants of Tras Under The Emergency Register of Malaya, hlm. 28. Hukuman ke atas penduduk Tras yang dijalankan di bawah ER 17D ada juga dinyatakan dalam White Paper No. 24 of 1953, Federation of Malaya Detention and Deportation During The Emergency In The Federation of Malaya,

dalam C.O. 1022/132/SEA66/1/01, Detention Orders Made In The Federation of Malaya; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 5, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 5, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatter In Malaya.

<sup>23</sup> SP. 18/9C/219, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 12, 1957, hlm. 12.

<sup>24</sup> *Times*, 19 January 1953, dalam C.O. 1022/56/SEA10/409/03, Imposition of Curfew and Other Restrictions In The Federation of Malaya, hlm. 12; "Collective Punishment" In Malaya, 1952, dalam C.O. 1022/56/SEA10/409/03, Imposition of Curfew and Other Restrictions In The Federation of Malaya, hlm. 22; Oliver Lyttelton kepada J. Grimond, bertarikh 10 Disember 1952, dalam C.O. 1022/56/SEA10/409/03, Imposition of Curfew and Other Restrictions In The Federation of Malaya, hlm. 29; White Paper No. 24 of 1953 Federation of Malaya, Detention and Deportation During The Emergency In The Federation of Malaya, hlm. 9, dalam C.O. 1022/132/SEA66/1/01, Detention Orders Made In The Federation of Malaya. Lihat juga *Utusan Melayu*, 22 Ogos 1952, hlm. 1; 26 Ogos 1952, hlm. 1; *The China Press*, 22 August 1952, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 16 August 1952, hlm. 5; 26 August 1952, hlm. 5; *Sin Chew Jit Poh*, 19 January 1953, hlm. 7; 24 January 1953, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 22 August 1952, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 16 August 1952, hlm. 6; 17 August 1952, hlm. 4; 26 August 1952, hlm. 6; *Indian Daily Mail*, 26 August 1952, hlm. 1; *The Malay Mail*, 22 August 1952, hlm. 1; 26 August 1952, hlm. 1; 27 August 1952, hlm. 7; 28 August 1952, hlm. 6; *The Singapore Free Press*, 25 August 1952, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 26 August 1952, hlm. 1; 27 August 1952, hlm. 1 dan 4; 23 December 1952, hlm. 1. Sebelum itu telah berlaku beberapa kejadian di Permatang Tinggi, Bukit Mertajam, Seberang Prai yang menunjukkan aktiviti komunis di situ. Pada 2 Februari 1952, seorang konduktor Cina dibunuhi berdekatan kampung itu tetapi tiada maklumat yang disampaikan kepada pihak polis. Pada 4 Mac 1952, tiga orang pengganas komunis terang-terang berjalan melalui kawasan itu. Pada 17 April 1952, penduduk kampung membayar yuran dan memberi bekalan kepada komunis bersenjata. Pada 23 Mei 1952, seorang Cina dibunuhi berhampiran kampung dan harta benda mangsa dirampas. Rompakan lain berlaku di sekitar kampung pada hari yang sama. Pada 3 Ogos 1952, rompakan bersenjata berlaku di kira-kira 0.80 kilometer (setengah batu) dari kampung tetapi tiada maklumat yang diberi oleh penduduk. Pada 7 Ogos 1952, sekumpulan komunis bersenjata mengunjungi rumah berhala Cina dan berjumpa dengan beberapa orang penduduk kampung. Leaflet No. 25/52, Permatang Tinggi (Tulisan Jawi), dalam Fail Pejabat Daerah Temerloh, Pahang, Temerloh 306/48 Pt. III, Disseminations of Facts and Advice During The Present Emergency To The Malays In Rural Areas; Permatang Tinggi, Action Taken Against The Village Under ER 17D In August 1952, dalam C.O. 1022/56/SEA10/409/03, Imposition of Curfew and Other Restrictions In The Federation of Malaya, hlm. 31-32. Lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 17 August 1952, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 22 August 1952, hlm. 5; *Indian Daily Mail*, 22 August 1952, hlm. 1; *The Malay Mail*, 22 August 1952, hlm. 1 dan 10; *Straits Echo & Times of Malaya*, 22 August 1952, hlm. 1.

<sup>25</sup> Leaflet No. 25/52, Permatang Tinggi (Tulisan Jawi), dalam Fail Pejabat Daerah Temerloh, Pahang, Temerloh 306/48 Pt. III, Dissemination of Facts and Advice During The Present Emergency To The Malays In Rural Areas; White Paper No. 24 of 1953 Federation of Malaya Detention and Deportation During The Emergency In The Federation of Malaya, hlm. 9, dalam C.O. 1022/132/SEA66/1/01, Detention Orders Made In The Federation of Malaya. Lihat juga Victor Purcell, *Malaya: Communist or Free?*, hlm. 91; Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 165. *Akhbar Times*, 19 January 1953, melaporkan 35 daripada 66 lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang ditahan telah dibebaskan. Lihat *Times*, 19 January 1953, dalam C.O. 1022/56/SEA10/409/03, Imposition of Curfew and Other Restrictions In The Federation of Malaya, hlm. 12; *Kin Kwok Daily News*, 26 August 1952, hlm. 4.

<sup>26</sup> *Majlis*, 23 Oktober 1950, hlm. 3.

<sup>27</sup> White Paper No. 24 of 1953 Federation of Malaya, Detention and Deportation During The Emergency In The Federation of Malaya, hlm. 9, dalam C.O. 1022/132/SEA66/1/01, Detention Orders Made In The Federation of Malaya. Lihat juga No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 5, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The

Federation of Malaya, 1952, hlm. 5, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, *The Resettlement of Squatter In Malaya. Pemindahan Kampung Jenderam*, lihat juga Robert Thompson, *Defeating Communist Insurgency: Experiences From Malaya and Vietnam*, hlm. 147; *The Malay Mail*, 16 February 1951, hlm. 7; 19 March 1953, hlm. 7, 25 May 1960, hlm. 4; *Straits Echo & Times of Malaya*, 18 May 1956, hlm. 9.

<sup>28</sup> *The Straits Times*, 16 February 1951, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 16 February 1951, hlm. 1. Lihat juga D. INF. 1/51/8, Federation of Malaya Weekly News Summary, 16<sup>th</sup> February 1951, hlm. 2, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary.

<sup>29</sup> *The Straits Times*, 16 February 1951, hlm. 1; *The Malay Mail*, 16 February 1951, hlm. 7. Lihat juga *Utusan Melayu*, 3 April 1955, hlm. 4; *Majlis*, 16 Februari 1951, hlm. 1. Rujuk juga Robert Thompson, *Defeating Communist Insurgency: Experiences From Malaya and Vietnam*, hlm. 147.

<sup>30</sup> Dipercayai bahawa penghuni kawasan itu pernah memberi perlindungan kepada pengganas komunis selama seminggu pada suatu ketika, menjahit pakaian mereka, memasak dan membekalkan mereka makanan, malahan membantu mereka dalam kerja-kerja mengawal keselamatan mereka daripada pasukan keselamatan. D. INF. 1/51/8, Federation of Malaya Weekly News Summary, 16<sup>th</sup> February 1951, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary. Lihat juga *Straits Echo & Times of Malaya*, 16 February 1951, hlm. 1.

<sup>31</sup> Federation of Malaya Weekly News Summary, Issued By The Department of Information, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, D. INF. 1/51/9, 23<sup>rd</sup> February 1951, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary. Lihat juga *The Straits Times*, 16 February 1951, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 16 February 1952, hlm. 1.

<sup>183</sup> Angka tersebut tidak termasuk luas kawasan penanaman padi. *Sin Chew Jit Poh*, 12 June 1952, hlm. 7; *The Singapore Free Press*, 12 June 1952, hlm. 4. Lihat juga Rhoderick Dhu Renick, "The Emergency Regulation of Malaya Causes and Effects", hlm. 27; Kernial Singh Sandhu, "The Saga of The Malayan Squatters in Malaya", hlm. 27. Rujuk juga Victor Purcell, *The Chinese in Modern Malaya*, hlm. 48; Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*, hlm. 22; Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, hlm. 68; Kernial Singh Sandhu, "Emergency Resettlement In Malaya", hlm. 179; Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 141; keratan akhbar *The Malay Mail*, tiada tarikh, dalam Fail Pejabat Pertanian Pulau Pinang/Butterworth, S.A.O. Penang 51/51, Agricultural Resettlement Areas. Perkara itu juga dilaporkan dalam *The Straits Times*, bertarikh 12 June 1952 bahawa keluasan kawasan tanaman padi pada penghujung tahun 1951 adalah 12,140.70 hektar (30,000 ekar) kurang daripada penghujung tahun 1948. Pengeluaran sayuran tempatan juga jatuh dengan teruknya. *The Straits Times*, 12 June 1952, hlm. 4; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 7, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature.

<sup>184</sup> *Malayan Monitor*, Vol. 5, No. 12, December 1952, hlm. 3, dalam C.O. 1022/119/SEA57/4/02, *Malayan Monitor*.

<sup>185</sup> *The Straits Times*, 1 December 1955, hlm. 8; *Sin Chew Jit Poh*, 12 June 1952, hlm. 7; *The Singapore Free Press*, 12 June 1952, hlm. 4; Kernial Singh Sandhu, "The Saga of The Squatter In Malaya", hlm. 169-170; Kernial Singh Sandhu, "Emergency Resettlement In Malaya", hlm. 179. Lihat juga Victor Purcell, *Malaya: Communist or Free?*, hlm. 79; Ray Nyce, *Chinese New Villages In Malaya: A Community Study*, hlm. LIX. Rujuk juga No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 7, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, White Paper on Squatters Resettlement In The Federation; keratan akhbar *The Malay Mail*, tiada tarikh, dalam Fail Pejabat Pertanian Pulau Pinang/Butterworth, S.A.O. Penang 51/51, Agricultural Resettlement Areas. Selain berlaku penurunan dalam eksport sayur segar ke Singapura, terdapat juga aduan tentang kelewatan penghantaran sayur ke Singapura. Kelewatan ini disebabkan oleh lori-lori pengangkut sayur hanya dibenarkan melepas Muar

---

selepas pukul 8 pagi. Keadaan tersebut telah merugikan dan menyulitkan mereka yang menjalankan perniagaan makanan di Singapura. *Sin Chew Jit Poh*, 21 March 1949, hlm. 6.

<sup>186</sup> Memorandum on The Subjects For Discussion with The High Commissioner By The Deputation To Wait on Him on Thursday, June 21<sup>st</sup> 1951, dalam C.O. 717/202/52849/95, Law and Order, Economic Effects, hlm. 4.

<sup>187</sup> Bagaimanapun, peningkatan dalam harga bahan makanan bukan semata-mata disebabkan kesan penempatan semula. Peningkatan harga makanan juga dipengaruhi oleh penambahan semulajadi penduduk yang melebihi 500,000 sejak darurat bermula. No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 8, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, White Paper on Squatters Resettlement In The Federation. Peningkatan kos hidup dan harga barang turut dinyatakan dalam *Kin Kwok Daily News*, 8 August 1950, hlm. 3.

<sup>188</sup> *Manchester Guardian*, 26 June 1952, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatters In Malaya, hlm. 68.

<sup>189</sup> Maklumat lanjut, lihat List of Market Prices For Last Week of September 1950 & Fair Prices at Penang as at 20<sup>th</sup> September 1951, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/SUP/347/51, Return of Market Prices.

<sup>190</sup> Majoriti daripada setinggan di Perak adalah penanam sayur dan penternak binatang. Di Johor, dianggarkan terdapat 16,187.60 hektar (40,000 ekar) tanah yang digunakan untuk menanam sayur oleh penduduk setinggan. Report of Committee Appointed By His Excellency The High Commissioner To Investigate The Squatter Problem, hlm. 2 dan 3, dalam Federal Secretariat 3436/1949, Proposed Development of an Area In Pantai Remis, Dindings For The Resettlement of Squatters Evicted From Other Areas In Perak. Maklumat lanjut, lihat *Into The Mainstream of Development: Gerakan's Analysis and Proposals on New Villages*, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986, hlm. 36, No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 7, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 7, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, White Paper on Squatters Resettlement In The Federation. Lihat juga Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 141. Rujuk juga Interim Account of Squatter Resettlement In Malacca by G.H. Jollye, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang, RCP/MISC:RC/1144/50, Report on Squatter Resettlement In Malacca, sebagai "They [squatters] are engaged in all forms of agriculture and the raising of pigs, goats and poultry, and some tap rubber on neighbouring estates and others have additional part time occupations." Perkara ini ada juga dinyatakan dalam Minutes of The Commissioner-General's Conferences Held at Bukit Serene on Sunday, 12<sup>th</sup> September 1948, dalam C.O. 717/167/52849/2/1, Law and Order, Emergency Legislation, hlm. 119, sebagai "... there were some squatters near the bigger towns who were growing vegetables on a large scale and thus performed a useful economic function. On the other hand, on the rubber estates, it was estimated that there were not less than 70,000 squatters occupying areas on estates which the companies concerned wished to replant."

<sup>191</sup> Di sesetengah kampung baru walaupun penduduk dibekalkan dengan tanah pertanian tetapi hasilnya hanya cukup untuk kegunaan mereka sendiri sebagaimana yang berlaku di Kuantan, Pahang. "There are technically six Malay and Chinese New Villages and two regrouping settlements in the district of Kuantan. Most of them cultivate their plots sufficiently for their own consumption and there is very little for sales outside of the resettlement." Telegram Sd. Ng Cheow Yen, Area Information Officer, East Pahang, Kuantan, 7<sup>th</sup> September 1954, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 572/1954, Vegetable Prices.

<sup>192</sup> Kernal Singh Sandhu, "The Saga of The Squatter in Malaya", hlm. 169; Kernal Singh Sandhu, "Emergency Resettlement In Malaya", hlm. 178-179; Ray Nyce, *Chinese New Villages In Malaya: A Community Study*, hlm. LVIII. Rujuk juga John Coates, *Suppressing Insurgency: An Analysis of The Malayan Emergency, 1948-1954*, hlm. 93.

<sup>193</sup> Kernal Singh Sandhu, "The Saga of The Squatter in Malaya", hlm. 169; John Coates, *Suppressing Insurgency: An Analysis of The Malayan Emergency, 1948-1954*, hlm. 93. Seseorang setinggan biasanya melakukan lebih daripada sejenis pekerjaan. Misalnya, beliau menoreh getah sehingga

---

tengahari, kemudian memelihara babi atau ayam dan menjaga kebun sayuran pada sebelah petang. Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla warfare*, hlm. 103. Rujuk juga Kernal Singh Sandhu, "Emergency Resettlement In Malaya", hlm. 178-179; Ray Nyce, *Chinese New Villages In Malaya: A Community Study*, hlm. L.VIII dan LIX; Francis Loh Kok Wah, "Chinese New Villagers: Ethnic Identity and Politics", dalam Lee Kam Hing and Tan Chee-Beng (eds.), *The Chinese in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 2000, hlm. 260; Mohd Johan Juan Bin Abdullah (Mejar), 'Counter Measures Taken During The First Malayan Emergency, It's Effectiveness And Implication', A0101 Research Paper, Strategic and Defence Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 54.

<sup>194</sup> Perang Korea yang meletus pada tahun 1950 telah melahirkan satu zaman kemewahan harga komoditi asas dunia, iaitu getah dan timah. Komoditi ini diperlukan dalam pembuatan kelengkapan senjata perang. Kesan ini turut dirasai oleh industri getah dan timah di Tanah Melayu. Harga getah meningkat kepada 169.55 sen bagi 0.45 kilogram (sepaun) di pasaran pada tahun 1951, iaitu peningkatan lebih empat kali ganda harga tahun 1949. Harga timah pada tahun 1951 adalah \$526.58 bagi lebih kurang 60.48 kilogram (sepikul), iaitu hampir dua kali ganda daripada harga pada tahun 1949. Kemewahan harga getah dan timah ini mengakibatkan peningkatan dalam hasil kerajaan Tanah Melayu melalui cukai eksport. Cukai eksport getah pada tahun 1949 ialah \$28.1 juta, meningkat kepada \$214.1 juta pada tahun 1951 dan \$110.8 juta pada tahun 1952. Sementara itu, cukai eksport timah meningkat dari \$31.3 juta pada tahun 1949 kepada \$76.2 juta pada tahun 1951 dan \$69.6 juta pada tahun 1952. Richard Stubbs, *Counter-Insurgency and the Economic Factor: The Impact of The Korean War Prices Boon on The Malayan Emergency*, Occasional Paper No. 19, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1974, hlm. 10-14.

<sup>195</sup> *The China Press*, 30 December 1953, hlm. 5; *Sin Chew Jit Poh*, 31 December 1953, hlm. 8. Lihat juga T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 203; Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, hlm. 348-349.

<sup>196</sup> Chairman, Welfare Sub-Committee, MCA Selangor Branch, Kuala Lumpur, to Menteri Besar Selangor, 6 March 1952, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 931/1952, Request From The Residents of 12<sup>th</sup> Mile Serdang Village For Fencing of Their Locality Instead of Being Re-Settled Elsewhere.

<sup>197</sup> Goh Chee Yan kepada Mr. Stewart, bertarikh 11 Oktober 1951, dalam Fail Pejabat Pertanian A.O.M. Melaka, A.O.M. 172/48, Resettlement of Squatters, New Villages Development Committee.

<sup>198</sup> Daerah Jelebu, Negeri Sembilan diisytiharkan sebagai kawasan kawalan. Segala pergerakan barang makanan tidak dibenarkan. Antara barang makanan yang terlibat ialah padi, ubi dan tanaman asas yang lain, beras dan hasil-hasil beras, minyak masak, garam, gula, bahan makanan dalam bentuk tin (termasuk susu), ikan kering, tepung gandum dan hasil-hasilnya. Laluan melalui kawasan Jelebu juga disekat bagi mengangkat makanan sejak 14 Disember 1950, kecuali konvoi yang diberi permit pergerakan. Tambahan pula, Ketua Pegawai Polis Kedah, C.N. Goodwin mengarahkan perintah berkurung di lima kawasan tambahan. Kawasan itu ialah Kampung Naka dan jalan dari Naka ke Pokok Sena; Pokok Sena dan jalan ke Kuala Nerang serta kampung dalam lingkungan lebih kurang 3.22 kilometer (dua batu) jauhnya. Perintah berkurung itu berkuatkuasa dari jam 7 petang hingga 6.30 pagi. *The Straits Times*, 13 December 1950, hlm. 5.

<sup>199</sup> Kernal Singh Sandhu, "The Saga of The Squatter in Malaya", hlm. 161. Lihat juga Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*, hlm. 224; Richard Clutterbuck, *Conflict and Violence In Singapore and Malaysia 1945-1983*, hlm. 224; Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 105; Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 109; Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 151-152. Perintah berkurung yang dikenakan itu tidak akan dikurangkan walaupun pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina. Ia hanya akan dikurangkan apabila kawasan kampung baru itu diisytiharkan Putih atau kejadian keganasan di kawasan itu semakin berkurangan. Di Kampung Semenyih, Kajang, Selangor, misalnya, tiada penduduk yang dibenarkan keluar dari rumah sebelum 5 pagi atau meninggalkan kampung antara 7 petang hingga 6 pagi. *Report on The Conduct of Food Searches at Semenyih 1956 (In The Kajang District of The State of Selangor)*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 2-3.

<sup>200</sup> *The Straits Times*, 8 September 1953, hlm. 1.

<sup>201</sup> *The Straits Times*, 24 November 1954, hlm. 7. Lihat juga Report on The Semenyih Inquiry By The State Information Officer, Selangor, hlm. 4, dalam MISC 16, Semenyih Inquiry, 1956.

<sup>202</sup> Ray Nyce, *Chinese New Villages In Malaya: A Community Study*, hlm. LX; Kernal Singh Sandhu, "Emergency Resettlement In Malaya", hlm. 179. Lihat juga Communication From The Chair-Address By His Excellency The High Commissioner, hlm. 23, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council. Rujuk juga Charles Gamba, *The Origins of*

---

*Trade Unionism In Malaya: A Study in Colonial Labour Unrest*, hlm. 377; T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 205; Kernal Singh Sandhu, "The Saga of The Squatter In Malaya", hlm. 169-170.

<sup>203</sup> Menurut Dato' J.J. Raj dalam Majlis Pengkisahan Sejarah Darurat 1948-1960 Sesi II di Auditorium Arkib Negara Malaysia pada 1994, penduduk kampung baru telah bersiap sedia dan mengisi perut dengan kenyang sejak awal pagi, iaitu kira-kira 4.30 pagi. Mereka kemudian berbaris di pintu keluar kampung baru bagi pemeriksaan. Selepas habis kerja, lebih kurang pada pukul 3 petang, pemeriksaan polis dijalankan di pintu masuk kampung dan biasa tamat sekitar pukul 6 petang. Sedangkan mereka tidak dibenarkan membawa makanan bersama ketika pergi bekerja, maka mereka terpaksa menanggung kelaparan dari awal pagi hingga kira-kira 6 petang. P.R. 26/94, Majlis Pengkisahan Sejarah Darurat 1948-1960 Sesi II.

<sup>204</sup> Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 104-105 dan 168; Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 216; Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c. 1880-1980*, hlm. 152-153.

<sup>205</sup> Ia memberi kuasa kepada Menteri Besar atau Pesuruhjaya Residen untuk membuat keputusan mengenai dapur tempat memasak nasi dan simpanan beras dalam sesbuah kawasan. Bagaimanapun, catuan beras penduduk dalam satu-satu kawasan tidak dipotong, mereka mendapat catuan penuh tetapi beras itu dimasak dahulu. Harga nasi yang dimasak lebih mahal daripada harga beras biasa yang belum dimasak. Nasi itu boleh dibawa pulang untuk disaji di rumah. *Utusan Melayu*, 5 Januari 1955, hlm. 3. Tujuan program ini adalah untuk memutuskan pembekalan bahan makanan kepada pengganas komunis dan seterusnya memaksa mereka keluar dari hutan. Untuk tujuan program Dapur Umum, lihat *Sin Chew Jit Poh*, 28 January 1957, hlm. 11; 5 March 1957, hlm. 9; 27 April 1957, hlm. 11; *The Malay Mail*, 4 July 1956, hlm. 5; 12 November 1956, hlm. 6.

<sup>206</sup> Gerakan Kelaparan adalah bahagian kedua Rancangan Briggs. Ia bertujuan untuk menghapuskan ancaman pengganas komunis di Tanah Melayu. Gerakan itu mula berkuatkuasa pada 16 Jun 1951. Kampung, pekan, kawasan penempatan semula dan barisan pekerja dicegah daripada menyimpan makanan. Sebarang kawasan yang pengganas komunis dapat memperolehi bekalan makanan akan diisyiharkan sebagai "kawasan sekatan makanan". Penduduk yang tinggal di kawasan sekatan makanan tidak dibenarkan membawa makanan keluar dari kawasan berkenaan. Pekedai di kawasan itu diminta menyimpan rekod pelanggan termasuklah nama dan barang yang mereka beli. Pembeli pula dikehendaki menunjukkan kad pengenalan mereka. *The Straits Times*, 16 June 1951, hlm. 1. Lihat juga *The Straits Times*, 29 July 1960, hlm. 2. Rujuk juga SP. 18/9C/214, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 7, 1957, hlm. 34; Minutes of Meeting of Lintang and Lasah New Villages Held at The Chinese School Lasah at 2.30 p.m. on Friday the 2<sup>nd</sup> May 1958, dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.F.D.O. PK. 20/58 Pt. IV, Central Cooking-New Villages. *Central Cooking* dan kekurangan beras di Kelantan, lihat Principal Staff Officer To The Director of Operations, to The Executive Secretaries, All State/Settlement War Executive Committee, 15 December 1954, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kelantan Sect. Conf. No. 309/54 Pt. II, Emergency Directives (File II). Rujuk juga *Sin Chew Jit Poh*, 9 November 1954, hlm. 9.

<sup>207</sup> Beliau dilahirkan pada 21 Jun 1905. Beliau pertama kali terlibat dalam perkhidmatan pejabat kolonial pada 30 Disember 1927. Beliau menjadi Penasihat British di Negeri Sembilan pada 1 Oktober 1951 dan Penasihat British di Selangor pada 1 Julai 1956. Pada 25 Mei 1959, beliau menjadi Penyimpan Rekod-Rekod Awam Tanah Melayu (*Keeper of Public Records*). *Malayan Establishment Staff List 1<sup>st</sup> January 1953*, hlm. 5; *Federation of Malaya Staff List 1<sup>st</sup> January 1955*, hlm. 3; *Federation of Malaya Staff List 1<sup>st</sup> January 1956*, hlm. 3; *Federation of Malaya Staff List 1<sup>st</sup> January 1958*, hlm. 5; *Federation of Malaya Staff List 1<sup>st</sup> January 1960*, Kuala Lumpur: Government Press, 1960, hlm. 3. Perlantikan M.C. ff. Sheppard sebagai ketua *Emergency Food Denial Organisation* pada 1 Julai 1956, lihat *Straits Echo & Times of Malaya*, 9 June 1956, hlm. 6; H.A.C. Dobbs, For Secretary For Internal Defence and Security, to The State/Settlement Secretary, 15 June 1956, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, N.S. State Secretariat No. 938/51, Mr. M.C. ff. Sheppard, M.B.E., E.D., M.C.S. (P/F). Rujuk juga Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 485.

<sup>208</sup> *Utusan Melayu*, 5 Januari 1955, hlm. 3. Di Negeri Sembilan, program itu bermula di Bahau pada 3 Januari 1955, yang melibatkan 26 kebun dan sebuah kampung baru dengan penduduk 8,500 orang. *Chung Shing Jit Pao*, 17 January 1955, hlm. 7; *The China Press*, 17 January 1955, hlm. 5; *Kin Kwok Daily News*, 17 January 1955, hlm. 4; *Sing Pin Jih Pao*, 5 May 1956, hlm. 7; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 18 February 1955, hlm. 6; *Indian Daily Mail*, 18 February 1955, hlm. 6.

<sup>209</sup> Pada 1 September 1956, Dapur Umum diadakan di sebuah kampung baru dan 31 kebun yang hampir kesemuanya di Negeri Sembilan. Pada bulan Januari 1957, bilangan Dapur Umum di Negeri

Sembilan telah bertambah kepada kampung baru di tujuh daerah, termasuk sebuah kampung baru yang mempunyai seramai 5,000 penduduk dan 34 buah kebun. Pada bulan Februari 1957, lapan buah lagi kampung baru telah mengadakan Dapur Umum seperti itu. Sehingga April 1957, sejumlah 18 kampung baru, 76 kebun dan 19 kawasan lombong di Negeri Sembilan mengadakan Dapur Umum. SP. 18/9C/214, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 7, 1957, hlm. 34. Pada tahun 1957, Pertubuhan Penyekat Makanan Darurat telah memasak untuk seramai lebih daripada 66,000 penduduk di tempat khas yang dikawal di seluruh negara. SP. 18/9C/214, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 2, Bil. 7, 1957, hlm. 34. Lihat juga Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 237; Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*, hlm. 224; Richard Clutterbuck, *The Long Long War*, hlm. 117-118. Rujuk juga Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c. 1880-1980*, hlm. 154. Program ini dilaksanakan di Kampung Tengah, Segamat, Johor pada 19 Februari 1957. *Chung Shing Jit Pao*, 20 February 1957, hlm. 8. Di Perak, Dapur Umum pertama kali diperkenalkan di tiga kampung baru di Tapah, iaitu Air Kuning, Sungai Kroh dan Chenderiang pada 11 Februari 1957. Penduduk tiga kampung itu boleh mengambil nasi di Dapur Umum pada 5 hingga 6.30 pagi dan 5 hingga 6 petang. *Sing Pin Jih Pao*, 26 January 1957, hlm. 8; 8 February 1957, hlm. 8; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 8 February 1957, hlm. 6; 15 February 1957, hlm. 7; *Chung Shing Jit Pao*, 10 February 1957, hlm. 8; 18 February 1957, hlm. 7; *The China Press*, 25 January 1957, hlm. 5; 13 February 1957, hlm. 6; 21 March 1957, hlm. 6. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 28 January 1957, hlm. 11; 14 February 1957, hlm. 11; 20 February 1957, hlm. 12; 12 April 1957, hlm. 11; *Kin Kwok Daily News*, 25 January 1957, hlm. 3; 8 February 1957, hlm. 4; 12 February 1957, hlm. 4. Program itu seterusnya meliputi kawasan Kampung Baru Langkap, Perak, pada 18 Mac 1957 serta tiga kampung baru, iaitu Tanah Mas, Pekan Getah dan Stesen Bidor pada 22 April 1957. *Kin Kwok Daily News*, 26 April 1957, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 26 April 1957, hlm. 7. Program ini dilanjutkan ke Kampung Baru Gunung Rapat pada 26 Januari 1958 dan Kampung Baru Simpang Pulai di Perak pada 27 Januari 1958. Chief Food Denial Officer, Perak, to Head, Emergency Food Denial Organisation, Kuala Lumpur, 29 January 1958, dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.P.D.O. PK. 20/58 Pt. IV, Central Cooking-New Villages. Lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 19 January 1958, hlm. 8; 28 January 1958, hlm. 8; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 28 January 1958, hlm. 7. Dapur Umum juga diperkenalkan di Kampung Baru Ampang Bharu, Ipoh, Perak pada 3 Mac 1958. Assistant Resettlement Officer, Ampang Bharu New Village, Ipoh, to Chinese Affairs Officer, Ipoh, 26 May 1958, dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.F.D.O. PK. 20/58 Pt. IV, Central Cooking-New Villages. Lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 3 March 1958, hlm. 8; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 3 March 1958, hlm. 6. Pada 1 Jun 1958, program itu meliputi empat kampung baru dan sembilan estet di Perak, iaitu Kampung Baru Lasah, Kampung Baru Lintang, Estet Sungai Krudda, Estet Sungai Reyla, Estet Elphil, Estet Phin Soon, Estet Veerasamy, Estet Kamiri, Kampung Baru Jalong, Estet Jalong Tinggi, Estet Dovenby, Estet Heewood dan Kampung Baru Kuala Kuang. Sebulan kemudian, pada 1 Julai 1958, program itu telah meliputi 31 kawasan di Sungai Siput, Kampung Baru Karai, Kampung Baru Salak Bahru, Kampung Baru Salak Utara, Estet Changkat Salak, Kampung Baru Rimba Panjang, Estet Plang, Estet Kanthan Bahru, Chemor, Kampung Baru Tanah Hitam, Estet Changkat Kinding, kawasan pengumpulan semula Changkat Kinding, Estet Klabang, Tanjung Rambutan, Estet Shanghai Klabang, Kampung Baru Kampung Tawas, Estet Chemor United, Estet Sungai Prah, Estet Strathisla, Kampung Baru Jelapang, Kampung Baru Bukit Merah, Estet Lahat Pinji, Tambun, Estet Foo Nyit Sze, Kampung Baru Kampung Bercham, Estet Sengat, Kampung Baru Kampong Kepayang, Kampung Baru New Kopisan, Estet Chumor dan Estet Dusuan Bertam. Selain itu, ia juga meliputi empat kawasan perlombongan yang menaja Dapur Umum mereka sendiri, iaitu Lombong Timah Meru, Lombong Timah Ban Chong, Lombong Timah Rambutan dan Lombong Timah Pengkalan. Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 134-135. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 10 August 1958, hlm. 4; *Straits Echo & Times of Malaya*, 13 June 1958, hlm. 1. Program Dapur Umum di Perak seterusnya diperluaskan meliputi Kampung Baru Bemban, Kampung Baru Nalla, Kampung Baru Timah dan Kampung Baru Sungai Durian pada 26 September 1958. Chief Food Denial Officer, Perak, to Kinta Electrical Distribution Co. Ltd., Ipoh, 30 September 1958, dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.F.D.O. PK. 20/58 Pt. IV, Central Cooking-New Villages. Lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 23 August 1958, hlm. 6. Dengan itu, sehingga tahun 1958, terdapat sejumlah 145 Dapur Umum di Perak. Ini termasuklah 33 di daerah Hulu Kinta, 22 di daerah Batu Gajah, 51 di Tapah, 16 di daerah Sungai Siput, 10 di daerah Teluk Intan dan 13 di Cameron Highlands. Daripada 145 Dapur Umum, 33 didirikan di kampung baru, satu Dapur Umum dibina di bandar, 41 di estet getah, sembilan di kebun teh, 59 di lombong dan dua lain-lain. Lihat Summary of Central Kitchens In Perak, dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.F.D.O. PK.20/58, Central Cooking (Policy) Complaints In Connection With C. Cooking. Untuk senarai Dapur Umum di Perak, rujuk jadual "Central Kitchens In

Perak", dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.F.D.O. PK. 20/58, Central Cooking (Policy) Complaints In Connection With C. Cooking. Dapur Umum di Kampung Baru Simpang Jalong, Perak yang memasak bagi 514 keluarga dengan 2,362 penduduk diadakan pada Februari 1959. Penolong Pegawai Penempatan Semula, Kampung Baru Simpang Jalong, Sungai Siput, kepada Ketua Pegawai Food Denial, Perak, bertarikh 4 Mac 1959, dalam Fail Pejabat Daerah Sungai Siput, Perak, L.O.S. SIPUT No. 29/58, Central Cooking-Sungei Siput. Kampung Baru Jerlun, Kuala Kangsar, Perak, mengadakan program Dapur Umum pada 21 Disember 1959 demi mengelakkan beras jatuh ke tangan pengganas komunis. *Kin Kwok Daily News*, 20 December 1959, hlm. 4; 21 December 1959, hlm. 4; 22 December 1959, hlm. 3; *Sing Pin Jih Pao*, 21 December 1959, hlm. 8; 22 December 1959, hlm. 8. Manakala Manong Seberang, Kuala Kangsar, Perak, memulakan program ini pada 28 Disember 1959. *Kin Kwok Daily News*, 27 December 1959, hlm. 4. Seterusnya, program Dapur Umum diperkenalkan di Kampung Baru Saleng, Kulai, Johor, pada 8 Jun 1958. Kampung Baru Saleng mempunyai penduduk seramai lebih kurang 1,300 orang. *Sin Chew Jit Poh*, May 28, Federation of Malaya Daily Press Summary, Vernacular Papers, Wednesday, May 28, 1958, No. 119/58, hlm. 4, dalam Fail Pejabat Pelajaran, D. of E. 1609, Vol. II, Daily Summary Vernacular Papers. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 28 May 1958, hlm. 13. Program ini dimulakan di Senai, Johor pada 22 Jun 1958. *Sin Chew Jit Poh*, 24 June 1958, hlm. 8.

<sup>210</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 5 July 1957, hlm. 11.

<sup>211</sup> Ho Kam Fook, Assistant Resettlement Officer, Bemban New Village, Batu Gajah, kepada District Officer, Kinta, bertarikh 4<sup>th</sup> February 1958, dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.P.D.O. PK. 20/58, Central Cooking (Policy)-Complaints In Connection With Central Cooking.

<sup>212</sup> Cutting From *Singapore Tiger Standard* Dated 9<sup>th</sup> February 1958, dalam Fail Emergency Food Denial Office (Gerakan Sempadan Perak), E.F.D.O. PK. 20/58 Pt. IV, Central Cooking-New Villages. Rujuk juga *Kin Kwok Daily News*, 10 January 1958, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 9 January 1958, hlm. 7.

<sup>213</sup> *Sing Pin Jih Pao*, 21 January 1959, hlm. 8.

<sup>214</sup> *Kin Kwok Daily News*, 19 April 1959, hlm. 4. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 20 April 1959, hlm. 3.

<sup>215</sup> Laurence K.L. Siaw, *Chinese Society In Rural Malaysia, A Local History of The Chinese In Titi, Jelebu*, hlm. 105-106. "The great need is to make democracy work among those who by the very nature of their squatter isolation have all their lives been individualist. It is possible for them to understand community service in terms of combining to build roads, drains and culverts. They can also readily grasp the idea behind the community maintenance of schools." *The Straits Times*, 14 December 1954, hlm. 8.

<sup>216</sup> Bagaimanapun, kemudahan yang disediakan kepada penduduk kampung baru adalah tidak menyeluruh. Antara kemudahan itu ialah sekolah, pasar, pusat kesihatan, bekalan air paip dan elektrik. Ini bertujuan untuk memenangi hati dan sokongan penduduk kampung baru. Penghuni kampung baru juga didedahkan dengan latihan berkerajaan sendiri melalui pengundian di peringkat Majlis Kampung. H.J.I. Cunningham, Penolong Setiausaha Negeri (Kampung-Kampung Baru) kepada Pegawai Daerah, Kuala Lumpur, bertarikh 7 Julai 1954, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 219/1953, Financial Arrangements-New Village Services; H.J.I. Cunningham kepada Pegawai Daerah, Hulu Langat, bertarikh 2 Julai 1954, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 219/1953, Financial Arrangements-New Village Services. Lihat juga No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 3, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, White Paper On Squatters Resettlement In The Federation; Interim Account of Squatter Resettlement in Malacca by G. H. Jollye, hlm. 2, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/MISC:RC/1144/50, Report On Squatter Resettlement In Malacca. Rujuk juga *Kin Kwok Daily News*, 4 December 1953, hlm. 3; H.E. The High Commissioner's Address To The Legislative Council To Be Delivered on 25<sup>th</sup> November 1953, hlm. 14, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To Legislative Council. Rumah berhala juga dibina di kawasan penempatan semula sebagai saluran untuk menenangkan jiwa penduduk dalam zaman kesusahan itu. Misalnya, di kawasan penempatan semula Ampang, Kuala Lumpur, yang menempatkan kira-kira 5,000 orang di 1,000 rumah, tiga tokong Cina dibina. Federation of Malaya Weekly News Summary, Issued By The Department of Information, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, D. INF. 1/51/9, 23<sup>rd</sup> February 1951, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary. Jawatankuasa Kampung ditubuhkan sebaik sahaja sesebuah

kampung baru itu diduduki. Antara lain, Jawatankuasa itu bertanggungjawab memperbaiki dan memelihara berbagai kemudahan di kampung baru. Jawatankuasa Kampung dibayar kerana menyediakan perkhidmatan penjagaan dan pemeliharaan, pembersihan belukar, terutamanya di sekitar pagar kawat berduri. Dengan itu, Jawatankuasa Kampung berfungsi sebagai pembantu pentadbir tempatan bagi kerajaan dan badan perwakilan bagi penduduk kampung. Jawatankuasa itu kemudian digantikan oleh Majlis Tempatan, setelah berkuatkuasa Ordinan Majlis Tempatan pada tahun 1952. Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 148, 156-157; Judith Strauch, *Chinese Village Politics in The Malaysian State*, hlm. 136-141. Menurut Ordinan Majlis Tempatan, tugas Majlis Tempatan termasuklah mengena dan mengutip cukai dan bayaran, mengeluarkan resit, melaporkan kepada Pegawai Daerah tentang sesiapa yang gagal membayar cukai, menyediakan anggaran belanjawan dan hasil tahunan, menceburkan diri sebagai setiausaha dan bendarai; membina dan menguruskan sekolah, kerja-kerja awam, khususnya melibatkan perhubungan, kebersihan, kemudahan pasar dan kerja menghiasi kawasan sekeliling kampung. Ray Nyce, *Chinese New Villages In Malaysia: A Community Study*, hlm. 136-139. Kerajaan juga berusaha membangunkan organisasi sosial di kampung baru sebagai penawar kepada kegiatan komunis dengan bantuan MCA dan pihak mubaligh. MCA, misalnya membiayai kegiatan sukan seperti bola keranjang. Pihak kerajaan pula menaja pasukan pengakap dan kumpulan *Boys Brigade*. Di sesetengah kampung baru, terdapat sebuah institusi wanita yang menyediakan sebuah forum atau tempat perbincangan awam untuk memberi tunjuk ajar dalam teknik menjaga anak, memasak dan menjahit serta program mengenai maklumat kesihatan. Aktiviti sosial tersebut ada juga dinyatakan dalam "Malaya", dalam C.O. 1022/2/SEA10/03, *Information Supplied To Government Departments on The General Situation of The Emergency In Malaya*, hlm. 60. Lihat juga H.E. The High Commissioner's Address To The Legislative Council To Be Delivered on 25<sup>th</sup> November 1953, hlm. 16, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, *The High Commissioners Addresses To The Legislative Council*. Penubuhan institusi wanita, rujuk *Sing Pin Jih Pao*, 18 January 1953, hlm. 7; *The Malay Mail*, 26 May 1954, hlm. 6. Di Kampung Baru Titi, Jelebu, Negeri Sembilan, terdapat aktiviti pengakap, pandu puteri, institusi wanita dan sukan seperti badminton, bola keranjang dan permainan pingpong. Laurence K.L. Siaw, *Chinese Society In Rural Malaysia, A Local History of The Chinese In Titi*, hlm. 106. Namun demikian, bukan semua kampung baru yang dapat menikmati kemudahan dan mendapat perhatian kerajaan. Penduduk di sesetengah kawasan terus memendam ketidakpuasan hati ke atas perkhidmatan yang tidak mencukupi di samping kekurangan pekerjaan dan tanah pertanian yang tidak subur. Contohnya, Kampung Baru Salak South, Selangor, tidak dapat dianggap sebagai sebuah kampung yang dibina dengan lengkap. Keadaan di situ digambarkan sebagai kekurangan kemudahan, tiada pusat komuniti, tiada sekolah, tiada pasukan pengawal kampung, dan tiada percubaan untuk pembangunan komuniti sama ada oleh Jawatankuasa Kampung atau pegawai kerajaan. Jawatankuasa Kampung tidak ditubuhkan sehingga Mac 1953, iaitu hampir 18 bulan selepas permulaan rancangan perempatan semula di Salak South. Di kalangan ahli Jawatankuasa Kampung pula terdapat ketidakpuasan bahawa mereka tidak dipilih dengan teliti. Maklumat lanjut, sila lihat Anthony Short, *The Communist Insurrection In Malaya 1948-1960*, hlm. 405; Kernial Singh Sandhu, "The Saga of the Malayan Squatter", hlm. 167. Selain itu, pada tahun 1955, penduduk Kampung Baru Ayer Mawang, Johol, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, memohon supaya sekolah Cina ditubuhkan di kampung mereka. Di sini terdapat kira-kira 100 kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan yang tidak bersekolah. Penduduk Kampung Baru Ayer Mawang kepada Pegawai Daerah, 24 November 1955, dalam Fail Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, D.O.K.P. 105/51(II), *School In Resettlement Areas*. Pada tahun 1951, kawasan penempatan semula Sungai Buluh, Selangor, mempunyai 176 pelajar tetapi tidak mempunyai sebuah bangunan sekolah dan mereka hanya menggunakan dewan komuniti kampung. Begitu juga, kawasan penempatan semula Lasah, Selangor yang mengandungi 50 pelajar, namun tiada bangunan sekolah dan menggunakan rumah kedai sebagai tempat mendidik kanak-kanak. H. Bretherton, Penyelia Penempatan Semula, Sungai Siput, kepada Setiausaha Hal-Ehwal Orang Cina, Ipoh, Perak, 29 Mac 1952, dalam Fail Pejabat Daerah Sungai Siput, Perak, L.O.S. SIPUT No. 78/51, *Schools In Resettlement Areas*. Di samping itu, sehingga tahun 1952 masih terdapat 196 daripada 410 kampung baru yang tidak mempunyai sebuah sekolah. *Manchester Guardian*, 26 June 1952, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, *The Resettlement of Squatters In Malaya*, hlm. 68. Keadaan di mana pada tahun 1952, kurang daripada separuh kampung baru mempunyai sekolah turut dinyatakan dalam T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 183; Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 136-139. Lihat juga No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, *Resettlement And The Development of New Villages In The Federation of Malaya*, 1952, hlm. 13, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, *Resettlement Nomendature; Extract From The Federation of Malaya Legislative Council Paper*

No. 33 of 1952, hlm. 1, dalam C.O. 1022/32/SEA10/72/04, *Education In The New Villages*; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement And The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 13, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, *The Resettlement of Squatter In Malaya*. Pada tahun 1952, hanya 180 daripada lebih 400 kampung baru mendapatkan bekalan elektrik. *People Behind The Lights*, Kuala Lumpur: Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu, 1988, hlm. 45. Lihat juga Anthony Short, *The Communist Insurrection In Malaya 1948-1960*, hlm. 404; Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 137. Sehingga tahun 1953, tiada lagi bekalan elektrik yang dibekalkan ke Kampung Baru Jenjarom, Selangor. Memorandum-Pendamaran (New) Village Future Development, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 1188/1952, Declaration of Pendamaran New Village as Town Board Areas. Penduduk Kampung Baru Parit Keliling, Melaka, juga menghadapi kesukaran mendapatkan air untuk kegunaan harian sebelum tahun 1952. Air perigi di kampung itu dikatakan kotor dan tidak sesuai untuk diminum. Oleh itu, mereka terpaksa mengangkut air dari sebuah perigi yang letaknya kira-kira 0.40 kilometer ( $\frac{1}{4}$  batu) di luar kampung untuk tujuan minum dan memasak. B.J. Mallett, E.S.S.W.E.C. Malacca, to The Secretary For Defence, 27 October 1952, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 6477/1952, Water Supplies New Villages Malacca. Manakala penduduk Tanjung Sepat, Selangor, juga menghadapi masalah mendapatkan air paip kerana tekanan air terlalu rendah. Memorandum From District Officer Kuala Langat, 18 April 1957, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 1560/53, Agricultural Land For The Inhabitants of New Villages (ii) Jenjarom Village; (iii) Tanjung Sepat Village. Sehingga tahun 1954, satu-satunya kampung baru di Perlis, iaitu Pauh masih tidak disediakan bekalan air paip. F.L. Gandolfo, Jurutera Eksekutif, P.W.D. Perlis, kepada Jurutera Negeri Kedah dan Perlis, 29 Mac 1954, dalam Fail Pejabat Kerja Raya E.E.P., Perlis, E.E.Ps. 116/54, Works In New Villages. Selain itu, di Kampung Juasseh, Negeri Sembilan pula penduduk mengadu jalan yang menyambungkan Simpang Juasseh ke kampung mereka adalah jalan berbatu bata dan tidak bertaraf. Oleh itu, abu berterangan apabila kenderaan melaluinya pada musim panas dan jalan itu bertakung pada musim hujan. Keadaan itu membahayakan kesihatan penduduk dan menyukarkan kenderaan yang melalui kawasan itu. Surat daripada penduduk, khasnya pekedai Cina kepada Pegawai Jajahan, bertarikh 27 Februari 1951, dalam Fail Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, D.O.K.P. 43/1951, Road Extension From Simpang Juasseh To Juasseh Village. Begitu juga keadaan di Kampung Baru Jenjarom dan Tanjung Sepat, Selangor yang serba berkurangan. Aduan daripada ahli-ahli Majlis Tempatan Jenjarom pada 22 Februari 1957, termasuklah jalan yang tidak elok, kekurangan bekalan ubat-ubatan di dispensari, parit penuh dengan rumput menyebabkan air bertakung yang membimbangkan akan membawa penyakit malaria dan tiada lampu elektrik yang dibekalkan. Manakala aduan dari Tanjung Sepat pula termasuklah keperluan untuk membekalkan air yang mencukupi kerana setakat itu penduduk hanya bergantung kepada hujan monsun. Complaints Made By The Members of Jenjarom and Tg. Sepat Local Council Who Officially Toured The Two Villages on 22<sup>nd</sup> February 1957, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 1560/53, Agricultural Land For The Inhabitants of New Villages (ii) Jenjarom Village; (iii) Tanjung Sepat Village.

<sup>217</sup> Paul Markandan, *The Problem of The New Villages In Malaya*, hlm. 12-13.

<sup>218</sup> Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 171-172.

<sup>219</sup> Extract of Minutes of Klang Town Board held on 2.4.52, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 1188/1952, Declaration of Pendamaran New Villages as Town Board Areas.

<sup>220</sup> Y.A.M. Undang Luak Johol kepada Setiausaha Negeri, Negeri Sembilan, bertarikh 10 Julai 1956, dalam Fail Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, D.O.K.P. 93/1952, Dispensary at Johol.

<sup>221</sup> No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 16, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature. Lihat juga No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Resettlement and Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, White Paper On Squatters Resettlement In The Federation.

<sup>222</sup> *Manchester Guardian*, 26 June 1952, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, *The Resettlement of Squatters In Malaya*, hlm. 68.

<sup>223</sup> Conference of Federation Executives, 11<sup>th</sup> February, 1953, hlm. 1-2, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, N.S. 288/53, *The Policy of Resettlement and Regrouping As It Affects Malays*. Lihat juga Leaflet No. 356, *To Malays Still in The Jungle*, hlm. 1-2, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Terengganu, S.U.K. TR. 62/1950, *Dissemination of Facts and Advice During The Present Emergency*.

---

Rujuk juga Extract From F.M. Sav. 645, 11.4.53, dalam C.O. 1022/29/SEA10/72/01, The Resettlement of Squatters In Malaya, hlm. 28.

<sup>224</sup> *Utusan Melayu*, 22 Februari 1953, hlm. 1.

<sup>225</sup> Paul Markandan, *The Problem of The New Villages In Malaya*, hlm. 14-15.

<sup>226</sup> *Utusan Melayu*, 26 November 1953, hlm. 1.

<sup>227</sup> *Utusan Melayu*, 3 Disember 1953, hlm. 6.

<sup>228</sup> *Utusan Melayu*, 29 Jun 1952, hlm. 1.

<sup>229</sup> *Utusan Melayu*, 1 April 1955, hlm. 4.

<sup>230</sup> *Utusan Melayu*, 21 April 1955, hlm. 5.

<sup>231</sup> *Utusan Melayu*, 19 November 1955, hlm. 6.

<sup>232</sup> *Utusan Melayu*, 22 Oktober 1952, hlm. 4.

<sup>233</sup> *Utusan Zaman*, 31 Ogos 1952, hlm. 1.

<sup>234</sup> *Utusan Melayu*, 17 Ogos 1953, hlm. 6.

<sup>235</sup> *Utusan Melayu*, 3 Januari 1953, hlm. 2.

<sup>236</sup> *Utusan Melayu*, 10 Jaunari 1953, hlm. 2.

<sup>237</sup> *Utusan Melayu*, 21 April 1955, hlm. 5.

<sup>238</sup> *Utusan Melayu*, 26 Disember 1953, hlm. 8.

<sup>239</sup> Pegawai kerajaan, Zainal Abidin, Kuala Lumpur, kepada Engku Uda, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persekutuan Tanah Melayu, bertarikh 27 April 1950, dalam Fail Pejabat Daerah Kuala Lumpur, Selangor, D.O.K.L. 374/50, Aborigines Settlements-General.

<sup>240</sup> Alun Jones, "The Orang Asli: An Outline of Their Progress In Modern Malaya", hlm. 297. Keadaan Orang Asli di kawasan penempatan semula ada juga dinyatakan dalam Colin Nicholas, *The Orang Asli and The Contest For Resources*, hlm. 81.

<sup>241</sup> *The China Press*, 11 August 1957, hlm. 1.

<sup>242</sup> Keadaan tersebut dapat dibuktikan melalui pengalaman yang dilalui oleh seorang ahli komunis yang menyerah diri di Kluang, Johor pada tahun 1956. Nama ahli komunis perempuan itu tidak dapat diketahui. Beliau adalah seorang penoreh getah yang tinggal di kampung baru. Setiap pagi pada jam 6 pagi, beliau dan rakan-rakannya keluar menoreh getah dan kerja mereka habis pada jam 1 petang. Tiada hiburan dan aktiviti lain yang dapat mengisi masa lapang mereka. Manakala perintah berkurung dikenakan bermula lewat petang dan mereka tidak dibenarkan meninggalkan kawasan yang dipagari kawat berduri itu. Tetapi kehidupan dalam kawasan dipagari itu adalah membosankan. Tidak terdapat dewan menari, panggung wayang malahan tiada seorang pendandan rambut pun. Hanya bekerja dan tidur yang mengisi kehidupan mereka setiap hari. Keadaan ini menyebabkan mereka senang dipengaruhi oleh pihak komunis kerana menganggap aktiviti komunis itu sesuatu yang mencabar dan berbeza dengan kehidupan yang bosan di kampung baru. Beliau kemudian menjadi ejen komunis untuk menyeludup bahan makanan dan ubat dari kampung baru kepada pengganas komunis. Akibat daripada sokongan terhadap komunis, beliau dijemput untuk menghadiri perjumpaan ahli komunis dalam hutan dan akhirnya menjadi salah seorang anggota kumpulan mereka. Beliau diberi penghormatan dalam hutan dan kerja yang dilakukannya seperti menjahit dan menampal baju anggota komunis amat dihargai oleh pengganas dalam hutan. Richard Miers, *Shoot To Kill*, London: Faber and Faber, 1959, hlm. 79.

<sup>243</sup> No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, hlm. 19, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature. Lihat juga No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Resettlement and The Development of New Villages In The Federation of Malaya, 1952, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, White Paper on Squatters Resettlement In The Federation.